

**PADI DAN AIR SEBAGAI TANDA DALAM
PERIBAHASA MELAYU: PENDEKATAN FIRASAT**

NORAINI ABD. SHUKOR

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2016

**PADI DAN AIR SEBAGAI TANDA DALAM
PERIBAHASA MELAYU: PENDEKATAN FIRASAT**

NORAINI ABD. SHUKOR

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **NORAINI ABD. SHUKOR** XXXXXXXXXX

No. Pendaftaran/Matrik: **JGA 130007**

Nama Ijazah: **SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

“PADI DAN AIR SEBAGAI TANDA DALAM PERIBAHASA MELAYU: PENDEKATAN FIRASAT”

Bidang Penyelidikan: **KESUSASTERAAN MELAYU**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh :

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh :

Nama :

Jawatan:

ABSTRAK

Peribahasa merupakan khazanah sastera tradisional yang sangat berharga bagi masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu menggunakan kebijaksanaan pemikiran mereka dengan meneliti unsur alam dan melahirkannya dalam bentuk ungkapan yang indah sehingga melahirkan peribahasa. Disertasi ini melihat unsur alam, iaitu 'padi' dan 'air' yang menjadi tanda dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kedua-dua unsur ini mempunyai tanda-tanda yang tertentu kepada masyarakat. Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu sebuah teori sastera tempatan dengan berfokuskan kepada Pengkaedahan Alamiah dan Pendekatan Firasat digunakan sebagai kerangka teori. Perkaitan rapat antara hasil kesusasteraan dengan alam serta teori tempatan yang berteraskan pemikiran, budaya Melayu serta agama Islam membolehkan semua ini disatukan dalam disertasi ini. Proses ini akhirnya akan membawa matlamat kepada paksi Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu untuk mencapai kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan. Dalam disertasi ini, pengkaji mengenal pasti tanda yang terdapat dalam unsur alam, iaitu air dan padi melalui buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Makna yang terdapat dalam peribahasa tersebut dianalisis dan merumuskan peranan air dan padi dalam kehidupan orang Melayu. Dalam kajian ini, dapat dirumuskan bahawa padi dan air dalam peribahasa Melayu memberikan tanda-tanda yang tertentu kepada masyarakat Melayu. Padi dalam peribahasa Melayu memberikan tanda hubungan persaudaraan dan kekeluargaan, tanda pembinaan akhlak yang baik dan tanda sumber rezeki. Manakala air sebagai tanda pula dilihat sebagai tanda penyucian yang dibahagikan kepada penyucian melalui tanda pendidikan dan tanda persaudaraan dan perdamaian. Berdasarkan tanda-tanda yang terdapat pada unsur padi dan air tersebut, dapat dibuktikan bahawa peribahasa merupakan suatu wadah dalam pembentukan masyarakat kerana tanda-tanda tersebut mengarah kepada pembinaan akhlak masyarakat. Peribahasa juga menjadi mekanisme yang mengawal masyarakat supaya mempunyai nilai dan norma.

ABSTRACT

Proverbs are traditional literary treasures highly valued by Malays. The Malay people use their intelligence to investigate the elements of nature and created beautiful sayings which lead to the birth of proverbs. This dissertation involves the elements of nature, such as 'paddy' (padi) and 'water' (air) that symbolize the life of the Malay community. These two elements have certain signs or symbols to the community. Malay Methodology Theory (Teori Pengkaedahan Melayu), a local theory focusing on Natural Methodology (Teori Alamiah) and Innate Approach (Pendekatan Firasat) are used as a theory framework. The close relation between the products or outcomes of literature with nature and the rational-centric local theories, the Malay culture as well as Islam have allowed all of these to be compiled in this dissertation. Finally, this process will lead to the Malay Methodology Theory (Teori Pengkaedahan Melayu), in achieving welfare, piety and decency. In this dissertation, researcher identifies the signs within the nature's element, which are paddy and water through the book entitled *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. The meaning of the proverb was analysed and then concluded the role of water and paddy in the life of the Malay community. In this research, it can be concluded that paddy and water in the Malay proverb give particular signs to the Malay community. Paddy in Malay proverb symbolizes brotherhood and family relationship, good moral construction and source of sustenance. While water as a sign can be seen as a purifying symbol that can be divided to purifying through symbol of education, symbol of brotherhood and peace. Based on these symbol or signs contained in the paddy and water element, it can be proved that proverb is a vessel to mould the community because these signs lead to the moral construction of the community. Proverb also becomes a mechanism which controls the community as to have value and norm.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Allah SWT kerana hanya dengan izin-Nya penulisan disertasi ini dapat disempurnakan. Selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarga Baginda yang memberikan nikmat Islam kepada umatnya.

Penghargaan ini pertamanya ditujukan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya YBhg. Dr. Haji Awang Sariyan dan panel penilai Skim Hadiah Latihan DBP 2012 yang memberikan saya ruang dan peluang untuk menyambung pelajaran di peringkat sarjana di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya bagi sesi 2013/2014.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih buat YM Dr. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali selaku penyelia disertasi ini yang tidak jemu-jemu memberikan panduan dan teguran sepanjang proses penulisan. Terima kasih juga kepada panel, iaitu YBhg. Prof. Madya Dr. Zahir Ahmad yang memberikan teguran ke arah kesempurnaan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada YBhg. Dr. Madiawati Mustafa@Mamat selaku panel dan juga sahabat yang sabar dalam memberikan panduan dan teguran sepanjang proses pengajian dan penulisan disertasi.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada YBhg. Prof. Emeritus Prof. Datuk Dr. Nik Safiah Karim, YBhg. Dato' Dr. Hashim Awang, YBhg. Dr. Yap Beng Liang, Prof. Madya Dr. Norhayati Ab. Rahman, Prof. Dr. Mokhtar Abu Hassan, Prof. Dato' Dr. Othman Yatim, YBhg. Dr. Mohd. Awang Idris, YBhg. Encik Nuwairi Khaza'i yang mengajar sepanjang sesi pengajian sarjana saya di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kegigihan kalian dalam dunia ilmu memberikan inspirasi kepada saya. Khas untuk Prof. Madya Dr. Norhisham Osman, Pengarah Ijazah Tinggi dan staf pejabat Ijazah Tinggi, terima kasih atas panduan, bantuan dan khidmat daripada kalian. Terima kasih juga untuk YBhg. Dr. Rohaida Haron, selaku sahabat yang memberikan dorongan dan semangat untuk saya menyumbang dalam dunia ilmu.

Sejuta penghargaan kepada suami, Syed Azhar Syed Mohd. Isa yang mengerti akan keinginan dan cita-cita isterinya ini. Untuk anak-anak, Syarifah Nur Balqis, Syed Muhammad Waliyuddin

dan Syed Abdullah Muslih, kasih ummi untuk kalian tiada sempadan dan insya-Allah kasih kita semua hingga ke syurga. Untuk seluruh adik-beradik dan anak-anak saudara, semoga kita berjaya di dunia dan di akhirat. Allahyarham abah dan Allahyarhamah emak, semoga kebaikan yang anak-anak lakukan membahagiakan kalian di alam persinggahan.

Untuk rakan-rakan sepengajian di Akademi Pengajian Malaya, Universiti Malaya sesi 2013/2014, pengalaman dengan kalian memberikan seribu satu pengalaman dalam dunia ilmu.

Noraini Abd. Shukor
Akademi Pengajian Melayu
2016

University of Malaya

JADUAL ISI KANDUNGAN

| | |
|---------------------------------|------|
| Abstrak | iii |
| <i>Abstract</i> | iv |
| Penghargaan | v |
| Jadual Isi Kandungan | vii |
| Senarai Gambar Rajah | xi |
| Senarai Jadual | xii |
| Senarai Singkatan | xiii |
| BAB 1: PENGENALAN | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Sorotan Kajian | 6 |
| 1.2.1 Kajian Pendekatan Firasat | 6 |
| 1.2.2 Kajian Peribahasa | 11 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 19 |
| 1.4 Objektif Kajian | 21 |
| 1.5 Bidang Kajian | 21 |
| 1.6 Bahan Kajian | 21 |
| 1.7 Batasan Kajian | 22 |
| 1.8 Kaedah Kajian | 23 |
| 1.9 Kepentingan Kajian | 24 |
| 1.10 Konsep Operasional | 25 |
| 1.10.1 Konsep Peribahasa | 25 |

| | | |
|--------|----------------|----|
| 1.10.2 | Konsep Alam | 30 |
| 1.10.3 | Konsep Tanda | 34 |
| 1.10.4 | Konsep Firasat | 35 |
| 1.9.5 | Konsep Padi | 38 |
| 1.9.6 | Konsep Air | 39 |
| 1.11 | Rumusan | 40 |

BAB 2: METODOLOGI DAN KERANGKA KAJIAN

| | | |
|---------|---|----|
| 2.1 | Pendahuluan | 42 |
| 2.2 | Metodologi Kajian | 45 |
| 2.3 | Kerangka Teoretis | 46 |
| 2.3.1 | Latar Belakang Penciptaan Teori Pengkaedahan Melayu | 46 |
| 2.3.2 | Paksi Teori Pengkaedahan Melayu | 49 |
| 2.3.2.1 | Teras Kebajikan | 50 |
| 2.3.2.2 | Teras Ketakwaan | 50 |
| 2.3.2.3 | Teras Kesusilaan | 51 |
| 2.3.4 | Pengkaedahan Alamiah | 52 |
| 2.3.5 | Pengkaedahan Keagamaan | 59 |
| 2.3.6 | Pendekatan Firasat | 63 |
| 2.4 | Rumusan | 71 |

BAB 3: PADI SEBAGAI TANDA DALAM PERIBAHASA MELAYU

| | | |
|-----|---|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 73 |
| 3.2 | Padi Sebagai Tanda Hubungan Kekeluargaan dan Persaudaraan | |

| | |
|---|-----|
| (Silaturrahim) | 78 |
| 3.2.1 Ikatan Hubungan Kekeluargaan | 79 |
| 3.2.2 Peranan Ketua Keluarga dan Pemimpin Masyarakat | 81 |
| 3.2.3 Ikatan Hubungan dalam Masyarakat | 83 |
| 3.2.4 Pertelingkahan dan Pengawalan Terhadap Pertelingkahan | 86 |
| 3.3 Padi Sebagai Tanda Pembinaan Akhlak yang Baik | 88 |
| 3.3.1 Sifat Rendah Hati | 90 |
| 3.3.2 Perbuatan Menjaga Lisan | 93 |
| 3.3.3 Menjaga Perlakuan | 94 |
| 3.4 Padi Sebagai Tanda Sumber Rezeki | 96 |
| 3.4.1 Usaha yang Gigih dan Sabar | 96 |
| 3.4.2 Sifat Bersederhana dan Bersyukur | 98 |
| 3.4.3 Sifat Suka Bersedekah | 100 |
| 3.5 Rumusan | 102 |
| BAB 4: AIR SEBAGAI TANDA DALAM PERIBAHASA | |
| 4.1 Pendahuluan | 103 |
| 4.2 Air dalam Kehidupan Manusia | 103 |
| 4.3 Air Sebagai Tanda Pendidikan | 108 |
| 4.3.1 Pihak yang Terlibat dalam Proses Pendidikan | 110 |
| 4.3.2 Pengisian dalam Proses Pendidikan | 112 |
| 4.3.3 Prinsip dalam Proses Pendidikan | 116 |

| | | |
|-----------------------------|--|-----|
| 4.3.4 | Perbezaan Antara Orang yang Berilmu dengan Orang yang Tidak Berilmu | 120 |
| 4.4 | Air Sebagai Tanda Persaudaraan dan Perdamaian | 122 |
| 4.4.1 | Konflik dalam Masyarakat | 123 |
| 4.4.2 | Penyelesaian Terhadap Konflik | 124 |
| 4.4.3 | Unsur Perdamaian | 125 |
| 4.5 | Rumusan | 128 |
| BAB 5:KESIMPULAN | | |
| 5.1 | Pendahuluan | 130 |
| 5.2 | Rumusan Kajian | 131 |
| 5.3 | Implikasi dan Cadangan daripada Hasil Dapatan | 141 |
| 5.4 | Cadangan Kajian Lanjutan | 143 |
| | Rujukan | 147 |

SENARAI GAMBAR RAJAH

| | | |
|-----------|---|-----|
| Rajah 2.1 | Perkaitan Alam dan Hasil Sastera serta Fungsinya | 57 |
| Rajah 2.2 | Perkaitan Antara Karya Sastera dengan Mimpi | 64 |
| Rajah 2.3 | Proses Menganalisis Berdasarkan Pendekatan Firasat | 68 |
| Rajah 2.4 | Teori Pengkaedahan Melayu | 70 |
| Rajah 3.1 | Padi Sebagai Tanda Hubungan Kekeluargaan dan Persaudaraan | 87 |
| Rajah 3.2 | Padi Sebagai Tanda Pembinaan Akhlak | 96 |
| Rajah 3.3 | Padi Sebagai Tanda Sumber Rezeki | 102 |
| Rajah 4.1 | Air Sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu | 108 |
| Rajah 4.2 | Air Sebagai Tanda dalam Pendidikan | 109 |
| Rajah 4.3 | Pihak yang Terlibat dalam Proses Pendidikan Masyarakat Melayu | 111 |
| Rajah 4.4 | Prinsip dalam Proses Pendidikan | 118 |
| Rajah 4.5 | Air Sebagai Tanda Persaudaraan dan Perdamaian | 128 |
| Rajah 5.1 | Paksi Teori Pengkaedahan Melayu | 140 |

SENARAI JADUAL

| | | |
|------------|--|-----|
| Jadual 5.1 | Penggunaan Padi Sebagai Tanda dalam Peribahasa | 133 |
| Jadual 5.2 | Penggunaan Air Sebagai Tanda dalam Peribahasa | 137 |

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

BD BIDALAN

PM PERUMPAMAAN

PT PEPATAH

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Masyarakat Melayu tradisional mewariskan karya kesusasteraan Melayu tradisional seperti pantun, syair, peribahasa, teromba, gurindam, cerita rakyat kepada generasi moden hari ini. Karya kesusasteraan Melayu sangat kaya dengan falsafahnya dan kesusasteraan lisan merupakan salah satu daripadanya. Karya yang diwarisi sejak zaman dahulu lagi ini mengandungi kearifan pemikiran orang Melayu dalam pelbagai sudut. Banyak kajian telah dilakukan terhadap kesusasteraan Melayu tradisional seperti pantun, syair, teromba, gurindam termasuklah peribahasa. Kebanyakan kajian yang dijalankan adalah untuk menggali kearifan pemikiran orang Melayu sama ada dari segi struktur dan pemikiran yang terkandung dalam karya sastera lisan tersebut.

Peribahasa Melayu merupakan sebuah karya sastera tradisional yang diwariskan kepada generasi kini dan telah wujud sejak dahulu lagi. Masyarakat Melayu menjadikan peribahasa sebagai panduan dan pedoman hidup kerana dalam peribahasa terdapat pelbagai pengajaran. Za'ba (2002) mendefinisikan peribahasa sebagai:

“Peribahasa itu ialah susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya – dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran. Maka ialah juga yang dikatakan bidalan, pepatah, perbilang, dan perumpamaan – kerana tiap-tiap satu ini cakap yang mengandungi segala sifat-sifat peribahasa yang telah disebutkan itu.” (p.170).

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011, p.1) dalam buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* menyebut bahawa peribahasa merupakan gabungan dua perkataan, iaitu „peri“ dan „bahasa“. Peri merujuk kepada

hal, keadaan, sifat, cara, kejadian, dan peristiwa. Bahasa pula ialah satu sistem lambang bunyi diguna oleh manusia untuk meluahkan perasaan, untuk menyampaikan konsep bagi mewakili benda, tindakan, idea dan keadaan dalam satu pertuturan supaya dapat difahami oleh pendengar atau masyarakat bahasanya.

Berdasarkan definisi ini, peribahasa merupakan suatu wadah yang menyampaikan pedoman dan pengajaran kepada masyarakat Melayu dengan menggunakan gaya bahasa kiasan dan mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Tenas Effendy (2003, p. 2) mengatakan bahawa isi peribahasa Melayu, hakikatnya meliputi seluruh isi kehidupan manusia. Dari sinilah punca berkembang biaknya peribahasa, yang bersumber daripada pengalaman, pemahaman, orang Melayu terhadap sifat dan perilaku manusia yang dikaitkan dengan perilaku dan sifat makhluk (alam) lainnya.

Unsur alam tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Melayu. Berdasarkan alam, orang Melayu belajar menanggapi seluruh isi alam dan mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Oleh sebab itu, berdasarkan alam sekeliling, orang Melayu memmanifestasikan unsur alam tersebut dalam peribahasa, pantun, syair, gurindam dan bentuk sastera tradisi yang lain. Tenas Effendy (2003, p. 2) mengatakan bahawa melalui kearifan yang luar biasa, serta penghayatan yang mendalam terhadap simbol-simbol alam, terhadap perilaku dan sifat alam, orang Melayu berusaha memadukannya menjadi peribahasa yang bernas, sarat dengan nilai-nilai mulia sebagai media tunjuk ajar, dan petua amanah nilai-nilai asas Melayu. Tambahan pula menurut Hashim Awang (2003, p. 1), kesusasteraan dapat ditegaskan sebagai manifestasi manusia dan alam. Oleh itu, simbol alam yang ada dalam karya sastera itu perlu digali kearifannya supaya dapat dimanfaatkan sebagai sumber ilmu.

Berdasarkan penyatuan antara alam dan peribahasa, maka kajian ini melihat unsur alam yang terkandung dalam peribahasa Melayu. Unsur alam yang dipilih ialah padi yang mewakili tumbuh-tumbuhan dan air yang merupakan unsur penting kepada manusia untuk meneruskan kehidupan. Kajian ini melihat padi dan air sebagai unsur alam yang merupakan tanda dan memberikan pelbagai makna dalam masyarakat Melayu. Pemaknaan kedua-dua unsur tersebut dalam masyarakat Melayu akan diselarikan dengan makna seperti yang dikehendaki dalam agama Islam seperti yang terkandung dalam al-Quran dan Hadis. Teori Pengkaedahan Melayu dengan Pendekatan Firasat dalam Pengkaedahan Alamiah digunakan sebagai landasan kajian ini kerana paksi kepada teori ini ialah pegangan terhadap ajaran Islam.

Kajian ini membincangkan unsur alam yang terdapat dalam peribahasa Melayu berdasarkan penerapan Pendekatan Firasat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hubungan masyarakat Melayu dengan alam sekitar merupakan hubungan yang kukuh. Hal ini kerana alam merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia Melayu. Kehidupan awal masyarakat Melayu tertumpu di kawasan persisiran sungai dan juga penerokaan kawasan hutan dan kegiatan utama yang mereka lakukan ialah pertanian. Hasil daripada sungai dan tumbuh-tumbuhan ini menjadi sumber makanan mereka pada waktu itu. Keakraban masyarakat Melayu dengan alam ini juga membuatkan mereka begitu sensitif dengan kejadian alam. Unsur alam dan kejadian yang berlaku dalam alam menjadi panduan dan iktibar kepada kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam pantun Minang berikut:

penakik pisau seraut,
ambil galah batang lintabung,
seludang jadikan nyiru,
setitik jadikan laut,
sekepal jadikan gunung,
alam terkembang jadikan guru.

(Zainal Abidin Bakar, 1984, p. 200)

Konsep “alam berkembang jadikan guru” inilah yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu dahulu sebagai pedoman hidup mereka. Unsur alam sekitar pula terdiri daripada flora dan fauna dan unsur yang membantu menghidupkan flora dan fauna tersebut seperti, sungai, laut, gunung, serta cakerawala, iaitu bulan, bintang, langit, dan bumi. Daripada sumber alam, mereka mendapatkan sumber makanan, peralatan, sumber perubatan, serta yang paling penting menyerap falsafah daripada alam itu dalam kehidupan mereka. Penyerapan falsafah daripada sumber alam itu merupakan hasil tanggapan, taakulan serta pengalaman mereka terhadap perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

Hasil daripada penyerapan tersebut, masyarakat Melayu menterjemahkannya kepada bentuk kreatif sama ada dalam bentuk ukiran, anyaman dan sulaman sehingga munculnya istilah corak pucuk rebung, awan larat, matahari terbit, kerawang (akar), sulur kacang, sulur matahari, bunga lawang dan sebagainya. Hasil pengamatan masyarakat Melayu terhadap alam juga dimanifestasikan dalam bentuk buah fikiran sehingga mewujudkan tradisi kesusasteraan lisan seperti pantun, peribahasa, cerita lipur lara dan sebagainya. Tradisi kesusasteraan lisan ini pula mengandungi pemikiran yang tajam, penuh dengan kias ibarat dan menggunakan unsur alam sekitar sebagai perlambangan sehingga menyerlahkan kearifan orang Melayu.

Bagi menganalisis peribahasa Melayu dalam kajian ini, Teori Pengkaedahan Melayu digunakan sebagai landasan kajian. Penganalisan hasil kesusasteraan Melayu lebih sesuai menggunakan hasil teori sastera tempatan kerana pencipta teori sastera tempatan lebih menjiwai latar budaya masyarakat. Tambahan pula teori ini menggunakan dua pengkaedahan, iaitu aspek alamiah dan keagamaan. Pendekatan alamiah mempunyai kaitan dengan sikap dan cara hidup masyarakat Melayu itu sendiri. Masyarakat Melayu menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri

mereka. Alam sebagai sumber rezeki, sumber ekonomi, alam memberi pengajaran dan panduan hidup. Berdasarkan pengkaedahan alamiah ini, tiga pendekatan digunakan untuk mengaplikasikannya kepada bahan sastera, iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat.

Pendekatan Gunaan ialah penghasilan bahan sastera itu dicipta hasil daripada pengamatan terhadap alam. Bahan sastera itu dicipta oleh manusia, manakala alam dicipta oleh Tuhan, gabungan kedua-dua unsur ini membawa manfaat kepada manusia sebagai panduan hidup. Sebagai unsur yang membawa manfaat kepada manusia, sastera dapat memberikan pengalaman, pengajaran dan pengetahuan. Oleh itu, *Pendekatan Moral* merupakan pendekatan yang digunakan untuk mengkaji pemikiran yang terkandung dalam bahan sastera. Seterusnya *Pendekatan Firasat* juga digunakan kerana terdapat sesuatu yang diistilahkan sebagai yang tersurat dan tersirat dan sesuatu yang berlaku dalam alam ini mempunyai petanda atau sebab dan akibatnya. Oleh sebab setiap kejadian alam itu mempunyai maknanya yang tersendiri, maka kajian terhadap peribahasa ini menggunakan pendekatan firasat. Kajian ini menganalisis makna unsur alam yang digunakan sebagai tanda dalam peribahasa tersebut.

Dalam penyelidikan ini, aspek tanda dan pemaknaannya menjadi salah satu aspek perbincangan. Kajian yang lebih mendalam tentang makna unsur alam yang digunakan dalam peribahasa akan dibuat supaya dapat menggali maksud tersirat yang ada dalam peribahasa. Oleh itu, unsur alam, iaitu padi dan air disenaraikan dalam kajian ini. Unsur-unsur alam ini sebagai tanda dalam peribahasa dan makna yang dibawa oleh unsur tersebut akan ditafsirkan dengan menerapkan pendekatan firasat bagi memperkukuh hujah.

1.2 Sorotan Kajian

Kajian tentang peribahasa Melayu telah banyak dilakukan oleh para pengkaji. Kajian yang dilakukan tidak terhad dalam disiplin ilmu kesusasteraan Melayu sahaja, bahkan juga dalam bidang bahasa dan budaya. Hal ini kerana kajian tentang peribahasa juga melibatkan kajian dalam aspek makna dan pemaknaan, iaitu, semantik dan pragmatik yang merupakan cabang ilmu dalam bidang bahasa dan linguistik. Manakala dalam bidang budaya pula kajian lebih tertumpu kepada aspek nilai dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. Kajian dalam disiplin ilmu kesusasteraan Melayu tentang peribahasa ada juga dilakukan dengan melihat dari sudut struktur dan kepengarangannya.

Dalam bahagian ini, analisis sorotan terhadap kajian yang menggunakan peribahasa sebagai bahan kajian dan juga sorotan terhadap kajian yang menggunakan pendekatan firasat dalam Teori Pengkaedahan Melayu akan dilakukan. Hal ini kerana pengkaji ingin mengkaji kaedah peribahasa dijadikan sebagai alat kajian dalam pelbagai disiplin ilmu dan juga ingin mengkaji kaedah penerapan Pendekatan Firasat terhadap bahan kajian.

1.2.1 Kajian Pendekatan Firasat

Bagi penggunaan Pendekatan Firasat, sudah ada kajian yang menggunakan pendekatan ini. Namun, kajian tersebut menggunakan bahan kajian sastera moden, iaitu kajian peringkat doktor falsafah, *Puisi Melayu Moden: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu* (2008) oleh Zurinah Hassan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau mengkaji unsur alam, iaitu tumbuh-tumbuhan, lautan dan haiwan yang mempunyai makna yang tersirat. Hal ini kerana menurut beliau, sastera

Melayu tidak akan dapat difahami sekiranya lambang yang ada pada sastera Melayu tersebut tidak dikaji. Kajian terhadap penggunaan unsur alam ini sangat penting kerana akan memberi pemahaman terhadap proses penciptaan karya oleh penyair Melayu. Kajian oleh Zurinah Hassan ini memperlihatkan bahawa unsur alam yang digunakan dalam puisi yang dikaji beliau mengandungi lapisan makna yang tersirat dan perlu ditafsirkan maknanya. Antara dapatan beliau dalam kajian ini ialah alam mengajak penyair Melayu berfikir atau menggunakan akal yang dikurniakan dan percaya bahawa kelebihan makhluk manusia ialah penganugerahan akal. Dapatan ini sangat penting kerana akal menjadi teras penting dalam melahirkan firasat. Tanpa merenung kejadian alam dengan akal budi, manusia tidak dapat mentafsirkan makna di sebalik unsur alam tersebut. Apabila pentafsiran makna alam itu dibuat, maka alam menjadi suatu iktibar dalam sesuatu tindakan. Kajian oleh Zurinah Hassan menggunakan teori yang sama dengan kajian yang akan dilakukan ini, namun menggunakan data yang berlainan kerana kajian ini menggunakan data puisi tradisional.

Ana Balqis membuat kajian yang berjudul *Melihat Cerpen-cerpen Anis Lewat Firasat Melayu* yang dibentangkan dalam Seminar Penulis Wanita; Cabaran dan Harapan Abad 21 pada tahun 2000. Kajian oleh Ana Balqis ini mengaitkan firasat Melayu dengan disiplin ilmu falsafah kerana beliau melihat bahawa ilmu firasat mempunyai nilai yang tinggi dan telah sebatik dalam masyarakat Melayu. Tambahan pula, penulis Anis mempunyai latar belakang pendidikan hingga ke peringkat tinggi dalam bidang falsafah. Kajian oleh Ana Balqis ini ingin menunjukkan kepada khalayak bahawa karya Anis masih kuat dengan pegangan budaya Melayu dan mempunyai etika sebagai pengarang. Penulisan oleh Anis juga dikatakan oleh Ana Balqis sebagai suatu penulisan yang bertitik tolak daripada

sesuatu keadaan yang nyata (realisme) yang menyingkapkan pelbagai pengalaman kehidupan. Hal ini sama seperti yang dikatakan oleh Hashim Awang (1992, p. 66) bahawa dalam konteks pendekatan firasat, karya sastera dimaknakan sebagai kejadian atau suatu peristiwa yang penuh dengan pengalaman hidup. Namun kajian oleh Ana Balqis ini tidak mengaitkan secara mendalam perkaitan pendekatan firasat yang diperkenalkan oleh Hashim Awang terhadap karya-karya Anis.

Jelani Harun pula menerapkan pendekatan firasat terhadap novel *Tunggul-tunggul Gerigis* karya Shahnnon Ahmad (1988) dan *Iman Markisa* karya Aminah Mokhtar (2002). Kajian beliau ini berjudul *Pendekatan Firasat dan Aplikasinya dalam Karya Sastera Melayu*. Kajiannya ini dibentangkan dalam Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu pada tahun 2002. Dalam awal kertas kerja beliau, Jelani Harun menegaskan bahawa ilmu firasat merupakan suatu ilmu yang mempunyai asas yang baik untuk dimajukan sebagai sebuah kaedah kajian dalam kesusasteraan Melayu. Jelani Harun (2002, p. 5) menyatakan bahawa huraian awal tentang ilmu firasat terdapat dalam *Bustan as-Salatin*, dan Nuruddin al-Raniri membahagikan ilmu firasat itu kepada firasat hakimi (yang boleh dimiliki oleh manusia biasa) dan firasat syar'ī (khusus kepada golongan tertentu, iaitu orang arif, anbia dan aulia Allah. Jelani Harun mengaplikasikan pendekatan firasat terhadap kedua-dua karya ini kerana menampilkan unsur alam dan kaya dengan tanda dan makna yang tersirat. Melalui kajian beliau ini, pembaca akan lebih memahami tentang pendekatan firasat kerana beliau mengkaji “tanda” dan „makna” yang ada dalam kedua-dua novel tersebut. Dalam novel *Tunggul-tunggul Gerigis*, watak utamanya, iaitu Su Usul menjadi tanda dan membawa makna terhadap keadaan yang berlaku di kampung Tua Poseng. Manakala dalam novel *Iman Markisa*, watak Iman sebagai tanda untuk memaknakan keadaan penduduk kampung yang semakin jauh daripada ajaran Islam. Kajian oleh

Jelani Harun ini turut memudahkan khalayak untuk memahami pendekatan firasat ini. Beliau membuat tatatingkat gerak kerja yang perlu dibuat untuk memahami sesebuah karya, dan peringkat tersebut ialah mengenal pasti penanda, memberi tafsiran, analisis secara logik dan menetapkan makna sebenar. Kajian beliau ini memudahkan pengkaji-pengkaji lain untuk mengaplikasikan pendekatan ini dalam kajian seterusnya.

Morsidi Haji Muhamad melalui kertas kerjanya, iaitu *Pendekatan Firasat dan Aplikasinya dalam Puisi Melayu* menerapkan pendekatan firasat dalam puisi tradisional, iaitu pantun dan puisi moden, iaitu sajak yang dihasilkan oleh Adi Kelana, penyair Negara Brunei Darussalam dan Latif Mohidin, penyair Malaysia. Kajiannya ini dibentangkan dalam Seminar Teori dan Kritikan Sastera Serantau II pada 22-24 Mac 2005. Ciri-ciri pantun yang terbahagi kepada pembayang dan maksud merupakan gambaran kepada prinsip firasat seperti yang dinyatakan oleh pengkaji. Pembayang mewakili unsur alam yang merupakan petanda bagi memberi tafsiran kepada makna yang akan disampaikan melalui bahagian maksud. Dalam hal ini, Morsidi melihat bahawa dalam penciptaan sesebuah pantun, konsep tersurat dan tersirat itulah yang menyamai prinsip firasat yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Perkataan yang dipilih dalam penciptaan pantun dalam pembayangannya merupakan gambaran kepada makna yang ingin ditafsirkan. Terdapat perkaitan antara pembayang sebagai isyarat (tanda) kepada apa yang berlaku (makna) melalui maksudnya. Kajian ini ada sedikit persamaan dengan kajian yang akan dilakukan, iaitu genre sastera tradisional, tetapi kajian ini akan mengkaji peribahasa. Walau bagaimanapun, kajian beliau tidak mengaitkan matlamat utama teori ini, iaitu berpaksikan kepada kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan. Perkara inilah yang akan dibincangkan dalam kajian ini.

Morsidi juga menerapkan Pendekatan Firasat dalam sastera moden, iaitu sajak. Penggunaan perkataan yang menggunakan alam sebagai simbol memberikan makna yang mendalam kepada sajak tersebut. Penyajak menggunakan perkataan yang memberikan penanda kepada sesuatu keadaan. Contohnya, perkataan „lumpur“; „kupu-kupu kota“, „kabus kota“ merupakan tanda kepada kepura-puraan hidup di kota besar. Berdasarkan kajian Morsidi ini, beliau telah membuat penerapan Pendekatan Firasat ini terhadap sastera tradisional dan sastera moden. Hal ini kerana beliau ingin melihat kemantapan teori ini terhadap pelbagai genre sastera. Kajian yang akan dilakukan ini juga merupakan sahutan daripada cabaran beliau dalam penulisannya kerana menurut beliau kajian terhadap puisi tradisional agak kurang menggunakan Pendekatan Firasat ini.

Hashim Awang membuat kajian menggunakan Pendekatan Firasat melalui tulisannya dalam sebuah artikel yang disiarkan dalam majalah *Dewan Sastera* (1992:66-68). Artikel ini dimasukkan juga dalam sorotan kajian kerana kajian ini dilakukan oleh pencetus teori dan kajian beliau ini menjadi perintis kepada kajian-kajian yang selanjutnya. Melalui tulisan ini, pengkaji-pengkaji lain boleh menggunakan kerangka yang sama untuk membuat kajian yang menggunakan pendekatan firasat. Hashim Awang mengkaji cerpen *Biar Kartika Menjadi Saksi* (Zaharah Haji Nawawi), *Rimpa* (Othman Puteh) dan *Nursirnafitrahtul'ain* (Sutung Umar RS) dengan menggunakan Pendekatan Firasat. Cerpen ini dipilih kerana ketiga-tiga cerpen ini dihasilkan daripada pengalaman penulis sendiri dan dialami secara nyata (*real*). Bagi beliau, peristiwa yang terjadi dalam cerpen tersebut sama halnya dengan situasi yang terjadi dalam alam ini. Peristiwa tersebut menjadi bahan untuk difikirkan dan mempunyai makna yang tersendiri.

Dalam tulisan ini, Hashim Awang menegaskan bahawa penanda-penanda dalam cerpen merupakan sesuatu yang penting untuk khalayak mentafsirkan makna sesebuah karya tersebut. Proses menafsir dan menaakul penanda ini penting supaya maklumat yang tersirat dalam cerpen tersebut dapat difahami. Hashim Awang menjelaskan bahawa penanda-penanda ini wujud dalam plot, watak, latar atau suasana. Berdasarkan tulisan ini, Hashim Awang ingin menjelaskan kepada khalayak bahawa pendekatan firasat ini merupakan suatu pendekatan yang memerlukan pembaca menghayati, menanggapi, meneliti dan menafsir penanda-penanda yang wujud dalam sesebuah karya itu untuk mendapatkan rasa dan jiwa karya tersebut. Apabila khalayak dapat merasai jiwa karya tersebut, maka khalayak dapat merasai keindahan hasil sastera tersebut, iaitu seperti yang dikatakan oleh beliau bahawa pendekatan firasat menyingkapkan dan membariskan pengalaman. Namun begitu, kajian ini tertumpu pada bahan kajian sastera moden. Kajian terhadap sastera tradisi seperti peribahasa masih belum ada dan masih belum dapat menguji sejauh mana pendekatan ini sesuai diterapkan ke dalam genre sastera tradisi.

1.2.2 Kajian Peribahasa

Unsur Haiwan dalam Peribahasa Melayu dan Cina: Satu Perbandingan oleh Tengku Azeezeen Tengku Shamsudden (2011) merupakan kajian peringkat sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya bertujuan untuk mengenal pasti jenis haiwan yang kerap digunakan dalam peribahasa Melayu dan Cina serta mencari persamaan dan perbezaan penggunaan unsur haiwan dalam peribahasa Melayu dan Cina.

Kajian ini juga melihat konsep dan persepsi penggunaan unsur haiwan dalam peribahasa Melayu dan Cina. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Melalui kajian ini didapati bahawa harimau merupakan salah satu haiwan yang paling kerap disebut dalam peribahasa Melayu dan Cina kerana memberikan pelbagai simbol dalam peribahasa, iaitu simbol kekuatan, kekuasaan, keberanian, kejahatan. Sebagai contoh, “anak harimau” membawa maksud anak orang yang berkuasa, “masuk sarang harimau” bermaksud termasuk ke dalam bahaya besar. Masyarakat Melayu lebih melihat harimau sebagai lambang kekuasaan, jahat dan berbahaya manakala masyarakat Cina melihat harimau sebagai lambang kekuatan dan kekuasaan.

Kajian ini berbeza dengan kajian yang hendak dilakukan kerana kajian ini hanya melihat unsur haiwan sahaja dan membandingkannya dengan peribahasa Cina. Manakala kajian yang akan dilakukan melihat padi sebagai unsur alam yang mewakili tumbuh-tumbuhan dan air sebagai unsur alam yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Kekuatan kajian yang dilakukan oleh Tengku Azeezeen ini ialah beliau telah melihat perbandingan antara peribahasa Melayu dan peribahasa Cina, berbeza dengan kajian yang akan dilakukan. Namun begitu, kajian yang akan dilakukan bukan sekadar melihat peribahasa itu sebagai suatu alat perbandingan dengan peribahasa bangsa lain, tetapi juga sebagai alat yang maknanya digunakan sebagai pengajaran untuk memantapkan masyarakat Melayu dari segi pembinaan akhlak dan sahsiah diri.

Kajian pada peringkat sarjana yang berjudul *Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing* oleh Imran Ho Abdullah (2011), Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti

Kebangsaan Malaysia merupakan analisis peribahasa berdasarkan teori kognitif. Kajian beliau membincangkan mekanisme kognitif yang membolehkan manusia membentuk peribahasa melibatkan haiwan dari sudut linguistik kognitif. Peribahasa berkaitan anjing sebagai unsur alam, iaitu haiwan diteliti dengan menghuraikan mekanisme kognitif (metafora dan metonimi) serta peranan mekanisme ini dalam pembentukan sesuatu peribahasa. Kajian ini melihat perkaitan antara peribahasa dengan minda, iaitu dengan melihat interpretasi sesuatu peribahasa berdasarkan kerangka kognitif semantik. Kajian ini mengkaji peribahasa dari sudut semantik dan berbeza dengan bidang kajian yang akan dilakukan. Namun begitu, kajian ini tidak melihat unsur kearifan yang ada dalam fikiran orang Melayu sehingga dapat membentuk peribahasa yang sangat indah dari sudut susunan perkataannya. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini akan melihat keindahan peribahasa itu sehingga memberi kesan kepada masyarakat yang mengamalkannya.

Salinah Jaafar (2005) dalam kajiannya yang berjudul *Fungsi Leksikal "Bunga" dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Melayu* mengkaji unsur semantik dan pragmatik dalam peribahasa. Kertas kajian ini diterbitkan dalam *Jurnal Bahasa, Jilid 5 Bil.4* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pengkaji melihat fungsi leksikal "bunga" yang terdapat dalam peribahasa Melayu, khususnya dalam simpulan bahasa. Pengkaji melihat unsur alam, iaitu bunga yang mempunyai fungsi leksikal dan menganalisis fungsi leksikal bunga melalui istilah kolokasi, konkordans, lema dan data korpus. Kajian ini melihat satu unsur alam, iaitu bunga yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan mengkhususkan makna konsep dan fungsi leksikal bunga dalam peribahasa Melayu. Pengkaji mendapati bahawa leksikal bunga dalam peribahasa Melayu mempunyai pelbagai makna, seperti "bunga dipetik, perdu ditendang" yang membawa maksud bunga sebagai seorang gadis yang dikahwini

tetapi keluarganya disingkirkan. Terdapat juga makna bunga sebagai objek yang elok tetapi lama-kelamaan akan menjadi buruk atau rosak seperti dalam peribahasa “bunga dipersunting sudahnya akan layu juga”.

Kajian ini melihat leksikal bunga dalam peribahasa dan melihat maknanya dalam peribahasa tersebut. Kajian ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan kerana beliau mengkaji peribahasa menggunakan disiplin ilmu linguistik dan kajian ini melihat aspek tanda dan makna seperti yang terdapat dalam Pendekatan Firasat. Walaupun secara dasarnya matlamat kedua-dua kajian ini sama, iaitu untuk melihat makna peribahasa tersebut, namun kajian yang akan dilakukan ini akan melihat makna yang lebih luas, iaitu dengan mengaitkannya dengan budaya kehidupan orang Melayu dan yang lebih penting lagi mengaitkannya dengan ajaran Islam.

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan membuat kajian yang berjudul *Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu* pada tahun 2011. Kajian ini bertujuan untuk membuktikan bahawa terdapat hubungan antara bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. Pengkaji menggunakan hipotesis Sapir-Whorf yang melihat bahawa bahasa menentukan pemikiran penuturnya. Dalam kajian ini, pengkaji melihat bahawa dalam peribahasa Melayu terdapat pemikiran orang Melayu yang meliputi struktur sosial bangsa, sikap serta falsafah hidup orang Melayu. Dalam peribahasa juga terdapat nilai dan hati budi orang Melayu.

Dalam kajian tersebut terdapat perkaitan antara bahasa dan sikap, pemikiran dan perilaku yang diterjemahkan melalui ragam bahasa seperti peribahasa. Pengkaji juga membincangkan aspek bahasa dan pemikiran mengikut lima bidang falsafah, iaitu metafizik, epistemologi, etika, logik dan estetika. Dalam hal ini, pembahagian

mengikut lima bidang falsafah ini menunjukkan bahawa peribahasa Melayu mempunyai hubungan yang rapat dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat.

Kajian ini boleh dikatakan menyeluruh untuk melihat hubungan antara bahasa dan pemikiran manusia melalui peribahasa. Pengkaji mendapati bahawa hipotesis yang digunakan dalam kajian tersebut boleh diterima. Dari sisi lain, kajian ini turut membuka ruang pengkaji lain untuk membuat kajian yang lebih lanjut dan mendalam setiap aspek pemikiran yang diutarakan mengikut lima bidang falsafah tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini berbeza dengan kajian yang akan dibuat kerana perbezaan disiplin ilmu. Namun begitu kajian yang dilakukan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Mohd. Fuad Hassan ini masih boleh dijadikan panduan untuk kajian yang akan dilakukan terutamanya aspek pemikiran tentang penaakulan manusia terhadap alam (logik).

Terdapat juga kajian yang berjudul *Haiwan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai* oleh Saidatul Nornis Haji Mahali dan Mohd. Rasdi Saamah (2013). Kertas kerja ini meneliti unsur haiwan sebagai salah satu unsur alam dalam peribahasa suku kaum Semai. Kajian ini menggunakan pendekatan kerangka etnografi komunikasi yang dikemukakan oleh Hymes (1972). Objektif kajian ini adalah untuk memberikan pemahaman kepada masyarakat yang mempunyai hubungan secara langsung dengan suku kaum ini, sebagai salah satu kaedah untuk merapatkan jurang sosiobudaya dalam kalangan masyarakat di negara ini. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara suku kaum Semai dengan alam sehingga menghasilkan peribahasa. Pemasukan unsur haiwan dalam peribahasa memperlihatkan bahawa terdapat sesetengah sifat haiwan yang mempunyai persamaan dengan sifat manusia, contohnya simpulan bahasa *raha-pok* (macam

ayam) yang bermaksud seseorang yang sangat rajin. Kajian yang bersifat kualitatif ini menggunakan 35 peribahasa berunsurkan haiwan yang terdiri daripada 22 simpulan bahasa dan 13 perumpamaan. Kajian yang dilakukan ini berbeza dengan kajian lepas kerana pengkaji menggunakan kerangka ilmu dalam bidang sosiobudaya, iaitu dengan melihat kaitan peribahasa dengan suku kaum orang Semai.

Pemikiran Saintifik Orang Melayu Melalui Peribahasa oleh Ithnin Abdul Jalil (2001) merupakan kertas kerja yang dimuatkan dalam buku *Kosmologi Melayu* (2001) terbitan Akademi Pengajian Melayu. Kertas kerja ini merupakan kajian tentang peribahasa yang terbentuk hasil daripada pemikiran orang Melayu yang berasaskan kaedah sains. Kajian tersebut melihat bahawa terdapat bilangan yang ketara peribahasa yang terbentuk berasaskan pertimbangan dan kaedah sains (Ithnin Abdul Jalil, 2001, p. 453). Kajian ini melihat hubungan alam dengan hal-hal yang berkaitan dengan disiplin ilmu sains. Contohnya, peribahasa yang berkaitan dengan ilmu graviti dalam ilmu fizik, iaitu “berludah ke langit, ditimpunya muka sendiri”. Pengkaji juga melihat unsur-unsur saintifik yang lain seperti ilmu matematik (kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga), ilmu kimia (rosak tapai kerana ragi), ilmu biologi (adat batang mati, adalah cendawan tumbuh), ilmu astronomi (sepuluh bintang bertabur, manakan sama bulan yang satu), ilmu geologi (sekali air bah, sekali pantai berubah).

Pengkaji melihat hubungan antara peribahasa dengan alam dan juga hukum-hukum saintifik yang berkaitan dengan peribahasa tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendapat Levi-Strauss (1966) yang mengatakan bahawa keupayaan mental, termasuk berfikiran saintifik, semua kaum sama dan setiap kelompok masyarakat mempunyai keupayaan mental untuk memahami dan berfikir

tentang perkara yang sukar dan juga abstrak lalu memancarkan idea dan fahaman yang diperoleh melalui bahasa yang mereka gunakan (Ithnin Abdul Jalil, 2001, p. 466). Kajian Ithnin Abdul Jalil ini mengaitkan peribahasa dengan unsur alam dan melihat unsur sains yang ada dalam peribahasa tersebut, namun kajian beliau berbeza dengan kajian yang akan dilakukan kerana beliau menggunakan kerangka ilmu sains. Namun begitu, kajian ini juga berbeza dengan kajian pengkaji kerana beliau tidak mencari titik persamaan antara ilmu saintifik tersebut dengan unsur sains yang ada dalam al-Quran dan Hadis. Kajian ini akan mengaitkan tanda-tanda dalam peribahasa yang ada dalam unsur padi dan air dan akan mengaitkannya dengan kehendak yang ada dalam ajaran Islam.

Kajian tentang peribahasa sebenarnya telah dilakukan lebih awal lagi. Namun kajian tersebut bukanlah kajian yang menyeluruh, tetapi sekadar kajian di samping pengumpulan peribahasa. Kajian dan pengumpulan awal tentang peribahasa dilakukan oleh Wilkinson (1907). Beliau mengenal perwatakan orang Melayu melalui peribahasa, dan menurutnya peribahasa melambangkan watak dan sifat sesuatu bahasa (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 1). A.W Hamilton dalam bukunya, *Malay Proverbs (Bidalan Melayu)* telah mengumpulkan 200 peribahasa pada tahun 1937. Beliau turut melakukan terjemahan terhadap peribahasa tersebut. Berdasarkan pemerhatian beliau, A.W. Hamilton mendapati bahawa: *“In a community where the written word came late and was the privilege of the few, the customary law of the land and accumulated moral precepts together with many practical injunctions for everyday life, based on the shrewd observation of natural phenomena, were handed down in the form of maxims which are still current and in frequent use”*. (A.W Hamilton, 1982, p. vi). Berdasarkan kata-kata beliau ini, jelas menunjukkan bahawa peribahasa dalam masyarakat Melayu

merupakan sesuatu yang menjadi panduan untuk mendidik masyarakat ke arah yang lebih baik dan boleh menjadi panduan sehingga bila-bila.

Kajian oleh Brown pada tahun 1958 dalam buku yang berjudul *Malay Saying* pula melihat peribahasa Melayu sebagai projeksi watak dan cara hidup orang Melayu dan mendapati bahawa peribahasa Melayu mengandungi perkataan yang ringkas, tetapi memberi makna yang mendalam (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 2). Kajian oleh pengkaji tempatan dimulakan oleh Za'ba pada tahun 1965 dalam *Ilmu Mengarang Melayu*. Beliau memberikan definisi peribahasa dan juga melihat peranan peribahasa sebagai teladan dan pengajaran. Beliau menjelaskan kaedah peribahasa itu wujud dalam masyarakat. Menurut beliau:

Tiap-tiap peribahasa yang telah terbit pada sesuatu bangsa itu ialah tumbuhnya kemudian daripada telah diuji mereka kebenarannya dengan dirasa atau dilihat sendiri beberapa lama, iaitu:

- (1) Mula-mulanya sebutan itu keluar dari mulut seseorang yang bijak dan pantas fikirannya, iaitu perkataan yang ringkas dan membetuli sepenuh-penuh maksudnya serta mengandungi di dalamnya sesuatu kebenaran yang telah dirasanya sendiri atau telah diperhatikannya berlaku pada diri orang-orang lain.
- (2) Kemudian apabila berkenan orang ramai mendengarnya maka dipakailah pula oleh mereka itu hingga berulang-ulang dan berhubung-hubung dari seorang ke seorang.
- (3) Dengan demikian masyhurlah perkataan itu dan akhirnya lalu melekat dalam bahasa itu sehingga bila-bila menjadi suatu kekayaan dan perhiasan bahasa itu.
- (4) Maka pada itu dinamakanlah akan dia "peribahasa, bidalan, pepatah, perumpamaan", iaitu semuanya satu maksud jua.

Abdullah Hussain (2003) pula berdasarkan pengamatannya mengatakan bahawa peribahasa Melayu dicipta apabila manusia mengenal peradaban dan penciptaan peribahasa itu berasal daripada tiga sumber, sumber pertama ialah rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman hidupnya, sumber kedua ialah orang-orang arif bijaksana, yang mengeluarkan ungkapan kata-kata hasil daripada renungannya, dan yang ketiga, bersumberkan kitab suci, iaitu al-Quran (2003, p. vii).

Kajian khusus dalam peribahasa Melayu yang menggunakan Pendekatan Firasat dan mengaitkannya dengan unsur alam masih belum ada lagi, oleh itu, diharap agar kajian ini menjadi rujukan yang lengkap untuk melihat firasat dalam peribahasa Melayu seperti yang dinyatakan prinsipnya dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

1.3 Permasalahan Kajian

Peribahasa merupakan salah satu khazanah yang amat berharga dalam sastera tradisi lisan. Penghasilan peribahasa dalam masyarakat Melayu membuktikan bahawa betapa hebatnya minda masyarakat Melayu tradisional. Kehebatan masyarakat Melayu ini adalah apabila mereka memasukkan unsur-unsur alam dalam peribahasa. Hal ini menunjukkan bahawa proses penciptaan karya sastera menyaksikan pencipta atau pengarang banyak memanfaatkan hubungan yang berlaku antara manusia dengan alam, interaksi manusia dengan Tuhan, dan interaksi sesama manusia (Norhayati Ab. Rahman, 2015, p.117). Secara tidak langsung menunjukkan bahawa rapatnya mereka dengan alam. Peribahasa yang menggunakan unsur alam ini sangat istimewa kerana menunjukkan keupayaan masyarakat Melayu menggunakan pemikiran mereka dalam menanggapi sesuatu. Terdapat banyak unsur alam yang digunakan dalam peribahasa, sama ada tumbuh-tumbuhan, haiwan, air, alam cakerawala dan sebagainya. Unsur alam yang digunakan dalam peribahasa ini juga merupakan sebagai kiasan kepada maklumat yang ingin mereka sampaikan. Unsur alam digunakan sebagai metafora dan memberi makna yang berlapis, iaitu makna yang tersirat kepada peribahasa tersebut. Namun, kajian unsur alam dalam peribahasa secara khusus masih belum meluas, oleh itu, kajian ini akan

mengumpulkan peribahasa yang menggunakan unsur alam, iaitu unsur padi dan unsur air dan menganalisis makna bagi kedua-dua unsur ini.

Dalam peribahasa, unsur alam yang digunakan mempunyai tanda-tanda yang tertentu. Tanda-tanda tersebut perlu dikenal pasti berdasarkan penilaian dan pentafsiran terhadap unsur alam tersebut. Tanda-tanda tersebut mempunyai makna yang tersirat yang perlu ditanggapi dengan jelas dan teliti dalam kajian ini kerana hasil sastera perlu ditafsirkan untuk mendapat maknanya dan setiap ungkapan membawa maksud tersirat yang mesti dicungkil dengan „mata hati“ (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014, p. 58). Oleh itu, dalam kajian ini, pengenalpastian unsur alam yang menjadi tanda perlu dilakukan dan seterusnya pentafsiran kepada tanda-tanda yang dibawa oleh unsur alam tersebut akan memberikan makna kepada keseluruhan peribahasa tersebut dan kajian ini akan menjelaskan makna tersebut secara keseluruhannya.

Peribahasa mempunyai kearifan dan segala prinsip kehidupan masyarakat Melayu dari segi sosial, ekonomi, politik dan sebagainya terdapat dalam peribahasa. Dalam peribahasa terkumpul segala macam aspek hidup (Abdullah Hassan, 2003, p.ix). Namun, kearifan yang ada dalam peribahasa tersebut belum sepenuhnya dikaji oleh masyarakat. Peribahasa tersebut hanya sekadar dibaca tanpa dihayati nilai kearifan yang terkandung dalamnya. Oleh itu, kajian tentang makna berdasarkan tanda-tanda yang terdapat dalam unsur alam tersebut akan menyelongkar kearifan yang dinyatakan di atas.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif dalam kajian ini, iaitu:

- 1.4.1 Untuk mengenal pasti tanda unsur alam, iaitu padi dan air dalam buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*.
- 1.4.2 Untuk menganalisis makna tanda tersebut berdasarkan makna yang terdapat dalam buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*.
- 1.4.3 Untuk merumuskan peranan unsur air dan padi dalam kehidupan orang Melayu berdasarkan Pendekatan Firasat.

1.5 Bidang Kajian

Bidang kajian ini ialah sastera lisan dengan tumpuan kepada peribahasa Melayu. Aspek kajian pula ialah unsur alam dalam peribahasa Melayu dengan pengkhususan terhadap unsur padi dan air serta unsur-unsur lain yang berkaitan dengan padi dan air.

1.6 Bahan Kajian

Kajian ini menggunakan peribahasa Melayu yang diambil daripada buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* (2011). Buku ini ditulis oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan dan diterbitkan di Universiti Putra Malaysia, Serdang. Buku ini dipilih kerana peribahasa yang dikumpulkan adalah daripada empat buah buku peribahasa Melayu, iaitu *Kitab Kiliran Budi* (1964), *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (2004), *1001 Peribahasa Melayu* (2000) dan *Peribahasa SPM* (2008). Oleh itu, buku ini merupakan sebuah himpunan peribahasa yang lengkap dan komprehensif kerana menghimpunkan lebih daripada 5000 peribahasa. Anwar Ridhwan dalam “Wacana Pengantar” buku ini mengatakan

bahawa buku ini boleh dianggap sebagai sebuah penerbitan peribahasa Melayu yang paling lengkap dan kemas kini (2011, p. xi). Di samping itu, peribahasa yang dihimpunkan merupakan peribahasa yang menggunakan perkataan padi dan air sebagai tanda. Namun begitu, unsur-unsur lain yang berkaitan dengan kedua-dua unsur tersebut juga diambil sebagai data untuk menyokong hujah dalam kajian ini. Sebanyak 570 peribahasa berkaitan alam dikumpulkan. Peribahasa tersebut termasuklah unsur tumbuh-tumbuhan, haiwan dan air. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 119 peribahasa tentang padi dan 114 peribahasa tentang air disenaraikan untuk kajian ini.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini berfokus terhadap peribahasa Melayu yang menggunakan unsur alam sebagai perlambangan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kajian makna bagi unsur alam yang digunakan dalam peribahasa tersebut dan mengapakah unsur alam tersebut digunakan dalam masyarakat juga dilakukan. Dalam kajian ini, unsur alam yang dikenal pasti dan dianalisis ialah padi yang mewakili tumbuh-tumbuhan dan juga air yang mewakili unsur alam yang sangat penting untuk manusia meneruskan kelangsungan hidup. Namun begitu, unsur-unsur lain yang berkaitan dengan kedua-dua unsur tersebut juga diambil sebagai data untuk menyokong hujah dalam kajian ini.

Dari segi konsep alam, kajian ini membataskan konsep alam berdasarkan sifat-sifat alam semesta seperti yang dinyatakan oleh Mohd. Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali (2002). Beliau menjelaskan bahawa sifat-sifat alam itu terbahagi kepada *mizan* (berpasangan), *tawazun* (keseimbangan), *nasim* (kesegaran) dan *jamal*

(indah). Dalam hal ini, pengkaji akan mengenal pasti peribahasa yang menggunakan unsur padi dan air sebagai tanda dalam peribahasa. Air dan padi (yang merupakan tumbuh-tumbuhan) dan haiwan merupakan komponen yang ada dalam sifat *nasim* dan *jamal*. Hal ini kerana air merupakan rahmat daripada Allah dengan penurunan hujan yang dapat menghidupkan tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan hidup subur sebagai lambang kesegaran (*nasim*) kepada para pencinta alam. Manakala sifat *jamal* pula berkaitan dengan keindahan yang Allah berikan bukan sahaja melalui kejadian tumbuh-tumbuhan, bahkan juga melalui haiwan dan bintang-bintang di langit. Tambahan pula, manusia Melayu amat akrab dengan air, tumbuh-tumbuhan dan haiwan kerana unsur alam ini menjadi sumber makanan dan juga sebagai tempat tinggal. Bulan, matahari dan peredaran bintang di langit pula menjadi petunjuk sekiranya mereka ingin memulakan pelayaran ataupun perjalanan. Walau bagaimanapun, dalam perbincangan kajian ini, pengkaji hanya menyenaraikan peribahasa yang menggunakan unsur alam, iaitu padi dan air sebagai tanda. Namun begitu, peribahasa yang menggunakan unsur-unsur lain yang berkaitan dengan padi juga diambil bagi menyokong hujah.

1.8 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat kajian kepustakaan. Kaedah ini merangkumi pemerolehan data dan pemprosesan data. Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti peribahasa yang mempunyai unsur alam dan memilih peribahasa yang berkaitan untuk dibuat analisis. Dalam proses pemerolehan data, sebanyak 570 peribahasa berkaitan alam telah dikumpulkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 119 peribahasa tentang padi dan 114 peribahasa tentang air disenaraikan untuk dianalisis. Data tersebut dianalisis dengan melihat makna

peribahasa tersebut. Proses tersebut dilakukan untuk mencari makna kepada tanda-tanda yang dipilih dalam peribahasa tersebut. Berdasarkan proses analisis tersebut, hanya 41 peribahasa yang berkaitan padi dimasukkan dalam perbincangan dan hanya 19 peribahasa yang berkaitan air digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana kajian ini melihat kesesuaian peribahasa dengan landasan kajian, iaitu Pendekatan Firasat dan matlamat kepada paksi teori Pengkaedahan Melayu, iaitu untuk mencapai kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan.

1.9 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini ialah:

1.9.1. Kajian ini penting dalam merintis kepada kajian lain tentang peribahasa, terutamanya dalam mengkaji peribahasa dalam ilmu bidang saintifik sama ada bidang perubatan, sains dan teknologi. Hal ini kerana dalam peribahasa, terdapat pelbagai ilmu saintifik yang terungkap hasil pengamatan masyarakat Melayu dengan alam. Oleh itu, kajian tentang peribahasa perlu menggabungkannya dengan institusi tertentu yang dapat menjelaskan unsur sains dan teknologi yang ada dalam peribahasa dengan bukti yang saintifik.

1.9.2. Kajian ini juga penting dalam memberi pengetahuan tentang kewajaran ilmu teori tempatan digabungkan dengan bahan kajian tradisional. Tujuannya adalah supaya teori tempatan yang dihasilkan oleh sarjana tempatan akan menjadi acuan kepada penghasilan karya tempatan yang mempunyai matlamat yang sama.

1.9.3 Kajian ini penting dalam memberi idea dan ruang kepada pihak-pihak tertentu untuk mengaplikasikan nilai dan pengajaran yang ada dalam peribahasa kepada masyarakat Melayu moden. Hal ini kerana kebejatan masalah sosial hari ini salah

satu puncanya adalah kerana tidak lagi menghayati didikan yang ada dalam peribahasa Melayu sebagai panduan kehidupan.

1.10 Konsep Operasional

1.10.1 Konsep Peribahasa

Setiap masyarakat mempunyai hasil kesusasteraannya. Hasil kesusasteraan ini merupakan pancaran sesuatu masyarakat kerana mengandungi nilai dan budaya yang menjadi pegangan masyarakat tersebut. Masyarakat Melayu tradisional mempunyai hasil kesusasteraannya sendiri. Ciri utama kesusasteraan tradisional Melayu ialah penyebarannya melalui lisan dan terbahagi kepada dua bentuk, iaitu berbentuk naratif dan bentuk bukan naratif. Peribahasa ialah sastera lisan yang berbentuk bukan naratif. Menurut Zainal Abidin Ahmad (Za"ba), peribahasa ialah "segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dipakai akan dia jadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran". Berdasarkan pengertian daripada Za"ba, didapati bahawa peribahasa ialah susunan perkataan yang membawa kepada keindahan bahasa dan mempunyai falsafah sebagai panduan kehidupan.

Ungkapan yang tergolong dalam peribahasa termasuklah perumpamaan, bidalan, simpulan bahasa, kias ibarat, pepatah, tamsilan. Za"ba (2002, p. 171-191) membahagikan peribahasa kepada dua bahagian, iaitu peribahasa yang bermakna selapis dan peribahasa yang bermakna dua lapis. Peribahasa yang bermakna selapis terdiri daripada bidalan dan pepatah (pematah) dan perbilang. Peribahasa yang bermakna dua lapis pula ialah perumpamaan. Bagi Za"ba (2002, p. 157), komponen-

komponen tersebut merupakan sesuatu yang tersendiri dan setiap satunya merupakan cabang bahasa yang tinggi. Simpulan bahasa dinyatakan juga oleh beliau sebagai ungkapan. Maknanya ialah rangkaian-rangkaian perkataan yang telah tetap tersimpul atau terbeku dengan susunan yang khas dan dipakai dengan erti yang khas berlainan daripada asalnya. Contohnya ialah “jejak bara”, “makan angin”, “panjang tangan”, “kaki ayam”. Bagi Za’ba peribahasa menurut beliau ialah:

“Maka ialah juga yang dikatakan bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan – kerana tiap-tiap satu ini cakap yang mengandungi segala sifat-sifat peribahasa yang telah disebutkan itu. Hanya bezanya antara satu-satu itu:

- (i) Peribahasa meliputi sama berat kesemua sifat-sifatnya yang tersebut itu.
- (ii) Bidalan lebih memberatkan tentang sifat ringkasnya, bijak perkataannya dan benar pengajarannya.
- (iii) Perbilangan berperenggan-perenggan perkataannya disebut lepas satu, satu, seperti orang membilang, dan isinya telah dihitungkan seperti undang-undang.
- (iv) Perumpamaan ialah peribahasa yang menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan dikiaskan kepada sesuatu perkara lain dan oleh sebab itu jadi ertinya dua lapis.”

Berdasarkan pengertian Za’ba (2002, p. 170) terhadap pengertian perkataan peribahasa seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, bidalan, perbilangan dan perumpamaan ini juga bertujuan untuk dijadikan pengajaran dan teladan. Dalam hal ini, Za’ba tidak memberatkan pembahagian komponen tersebut tetapi lebih melihat falsafah yang ada di sebalik setiap komponen tersebut.

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011, p. 4) pula mengatakan bahawa peribahasa merupakan salah satu cabang bahasa kiasan yang mengandungi lima komponen utama, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan kata-kata hikmat. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011, p. 4-5) memberikan makna komponen tersebut seperti yang berikut:

Simpulan bahasa diertikan sebagai ungkapan yang lazimnya terdiri daripada dua atau tiga perkataan yang tersimpul dengan susunan yang tetap dan mempunyai makna tersirat yang berlainan daripada makna asal perkataan-perkataan tersebut. Contohnya “panjang tangan”, “buah hati”, “kepala batu” dan “telinga kualiti” Manakala perumpamaan merupakan sejenis peribahasa yang membandingkan atau mengumpamakan tingkah laku manusia dengan alam sejawat, iaitu dengan apa-apa yang ada di sekeliling persekitaran hidup mereka. Perumpamaan juga dimaksudkan sebagai susunan kata-kata dalam ayat yang memberikan makna khusus dan berlainan daripada makna yang tersurat. Lazimnya, perumpamaan menggunakan perkataan „bagai, bak, ibarat, laksana, macam, seperti dan umpama sebagai mengiaskan sesuatu dengan perkara lain secara perbandingan. Contohnya, “ibarat bunga, sedap dipakai, layu dibuang”, “laksana pohon kayu tidak berbuah”, “seperti bulan di pagar bintang”.

Bidalan pula ialah susunan kata-kata yang telah umum digunakan atau ucapan fikiran atau perasaan yang setepat-tepatnya, disampaikan secara berkias atau beribarat sahaja. Dengan perkataan lain, bidalan mempunyai maksud tersirat di sebalik kata-kata yang membentuknya dan mengandungi nilai ilmu dan pengajaran yang benar, teladan, peringatan, sindiran dan nasihat. Tujuannya untuk mendidik, memberi peringatan, menegur atau membidal sesuatu perbuatan atau perkara agar perbuatan dan perkara itu dapat dielakkan atau tidak diulangi lagi. Contohnya, “alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan”, “anak kera di hutan disusui, anak di rumah mati kelaparan” dan “biar putih tulang, jangan putih mata”.

Pepatah pula dinyatakan maksudnya sebagai ungkapan yang dibentuk berdasarkan adat resam orang Melayu atau kebiasaan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat sebagai pedoman hidup ahli masyarakat. Perbezaan antara pepatah

dengan bidalan ialah pepatah mempunyai rangkaian perkataan yang berkerat-kerat atau berpatah-patah. Dari segi makna, pepatah mengandungi makna dua lapis, iaitu tersurat dan tersirat. Contohnya, “ada ubi ada batas, ada budi boleh balas”, “adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah”, “ayam berinduk, sirih berjunjung”.

Kata-kata hikmat pula ialah ungkapan yang mengandungi pengertian falsafah dan pengajaran yang berguna sebagai panduan hidup. Contohnya, “bahasa jiwa bangsa”, “fikir itu pelita hati”, “muafakat itu membawa berkat”.

Bagi Ismet Fanany dan Rebecca Fanany (2003, p. vii), peribahasa merupakan suatu pernyataan yang merangkumi keseluruhan ungkapan tradisional. Maksud penulis ialah apa-apa sahaja ungkapan yang ada dalam masyarakat tersebut dikategorikan sebagai peribahasa. Namun begitu, dalam masyarakat Melayu struktur dan fungsinya berbeza. Misalnya, bidalan dikatakan berfungsi untuk membidas, manakala ungkapan lain digunakan untuk menasihati masyarakat.

Dalam *Kamus Simpulan Bahasa* (Abdullah Hussain, 2007, p. vii) mengatakan bahawa:

“Simpulan bahasa ataupun ungkapan, seperti juga bidalan, pepatah dan perumpamaan digolongkan dalam peribahasa. Ada orang mengatakan simpulan bahasa itu bunga bahasa, mutiara bahasa, mestika bahasa dan sebagainya, tetapi betapa pun juga nama yang diberikan pada hakikatnya simpulan bahasa itu ialah bukti yang menunjukkan bahawa bahasa itu hidup dan berkembang, kerana setiap waktu timbul simpulan-simpulan bahasa yang baharu, yang menambah isi perbendaharaan bahasa itu.”

Walau apa pun kategorinya, setiap kata yang diperikan dengan menggunakan bahasa yang indah dan terkandung falsafah, nilai serta norma yang mengawal peraturan menjadi pedoman untuk masyarakat Melayu dalam kehidupan bermasyarakat dan membantu membentuk peribadi manusia budiman.

Sebagai hak eksklusif orang Melayu, peribahasa mempunyai cirinya yang istimewa, iaitu maknanya yang berlapis dan berbeza dengan susunan katanya. Siratan makna dalam suratan perkataan inilah yang menunjukkan kearifan bangsa Melayu dan menjadi ciri utama peribahasa. Dalam hal ini, intelektual Melayu dahulu telah memainkan unsur metafora untuk melahirkan pengucapan yang berbentuk kiasan ini. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014, p. 42-43), metafora mempunyai asas untuk membentuk fikiran yang luar biasa, bukan hanya lahir sebagai bunga-bunga bahasa tetapi mengandungi konsep yang tersirat. Menurut beliau lagi, penghasilan metafora bukan semberono sifatnya, tetapi sarat dengan falsafah yang mencerminkan minda Melayu. Keakraban manusia Melayu dengan alam, iaitu flora dan fauna juga dijadikan sumber untuk melahirkan pengucapan yang indah dan memberi makna konotasi terhadap susunan kata tersebut. Hal ini berdasarkan ungkapan “alam terkembang dijadikan guru”. Dengan bersumberkan alam jugalah percambahan ungkapan itu diteruskan sehinggalah lahir peribahasa, “langit yang tinggi hendak ditampar, bumi yang dipijak tak dapat dicapai”, “laut budi tepian akal”, dan “laut mana yang tak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan”.

Peribahasa sering menggunakan unsur perbandingan. Perkataan “seperti”, “bagai”, “umpama”, “laksana” sering digunakan dalam peribahasa yang berbentuk perumpamaan. Hal ini berkait rapat dengan sifat peribahasa itu yang dituturkan sebagai kiasan terhadap sesuatu perkara. Sesuaiilah dengan psikologi orang Melayu tradisi yang tebal dengan sikap malu, rendah hati, sabar, bersopan santun dan tidak suka berterus-terang dalam memperkatakan sesuatu. Situasi ini akan membentuk satu lagi ciri peribahasa, iaitu sebagai bahan sindiran. Maka terciptalah peribahasa “bagai tikus membaiki labu”, “seperti lintah menghisap darah”, dan “umpama kiambang di air, akar tidak jejak di bumi”. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Mat

Rofa Ismail (2014, p. 291) bahawa penggunaan peribahasa dalam masyarakat Melayu ada hubungan dengan sifat Melayu yang penyantun, lemah lembut serta menyatakan maksud secara berkias dan sindiran. Ini diharapkan akan menimbulkan kesan retorik yang lebih mendalam selain teguran yang dilakukan secara tidak langsung.

Matlamat utama penyebaran sastera tradisi lisan adalah untuk mendidik, menegur dan melentur anggota masyarakatnya supaya menjadi manusia yang budiman, iaitu seimbang dari segi akhlak dan menggunakan seluruh akal budinya untuk kebaikan. Dalam al-Quran, konsep ini disebut sebagai *ulul albab*, iaitu kemuncak kepada ketinggian ilmu dan keluhuran peribadi. Perkara inilah yang menjadi ciri terpenting yang terkandung dalam peribahasa Melayu dan melambangkan simbol nilai masyarakat Melayu yang berlandaskan hukum agama.

Kesimpulannya, konsep peribahasa membawa pengertian yang sangat besar kepada masyarakat Melayu kerana dalam peribahasa itu mengandungi kearifan orang Melayu kerana kaya dengan falsafahnya serta mampu menjadi kuasa yang mengawal tindak tanduk masyarakat sebelum undang-undang yang khusus ada dalam masyarakat Melayu. Sebagai sesuatu yang mampu mengawal masyarakat, peribahasa dalam masyarakat Melayu sangat bernilai dan menjadi suatu kuasa yang membentuk peribadi manusia Melayu.

1.10.2 Konsep Alam

Alam mengandungi makna yang sangat luas. *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2005, p. 30) mendefinisikan alam sebagai segala yang ada di langit dan di bumi (bumi, bintang-bintang, segala tenaga yang ada). Alam merupakan segala benda hidup dan

bukan hidup yang wujud secara semula jadi di permukaan bumi atau sebahagian daripadanya. Perkataan alam sering dirangkaikan dengan perkataan sekitar dan juga perkataan semesta dan mempunyai pengertian yang lebih berfokus dan luas.

Perkataan sekitar dalam *Kamus Dewan* (2006, p.797) bermaksud sekeliling. Menurut Mohd. Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali (2002, p. 20) perkataan „alam sekitar“ atau dalam bahasa Inggeris disebut *environment* merujuk apa sahaja yang melingkungi manusia. Bagaimanapun secara lebih khusus perkataan „alam sekitar“ merujuk fenomena fizikal sama ada biotik atau abiotik yang melingkungi sesuatu organisma. Alam sekitar meliputi beberapa komponen utama; (i) unit landskap yang berfungsi sebagai sistem semula jadi tanpa penglibatan manusia, termasuk tumbuh-tumbuhan, haiwan, batu-bata dan sebagainya, serta fenomena semula jadi yang berlaku (ii) sumber sejangat semula jadi serta fenomena fizikal yang tidak mempunyai batasan tertentu seperti air, udara dan iklim serta tenaga, sinaran, cas elektrik dan kemagnetan yang wujud hasil daripada aktiviti manusia (http://ms.wikipedia.org/wiki/Alam_sekitar). Berdasarkan definisi ini, alam sekitar merupakan suatu komponen yang wujud di bumi ini yang melingkungi kehidupan di darat, di laut dan di udara. Sebagai sesuatu yang melingkungi kehidupan di bumi, sudah tentulah berlakunya interaksi antara alam dengan manusia. Hal ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh James M. Baldwin yang dipetik daripada buku *Etika Alam Sekitar* (2002, p. 21), iaitu alam sekitar dapat didefinisikan sebagai lingkungan dan keseluruhan keadaan luaran yang memberi pengaruh serta berinteraksi dengan organisma dalam apa juga peringkat kedudukan. Berdasarkan pengertian ini boleh dikatakan bahawa alam sekeliling didefinisikan sebagai apa yang ada di sekeliling manusia, iaitu apa yang ada di langit, darat dan di air.

Bagi perkataan alam semesta pula, maksudnya lebih mendalam. *Ensiklopedia Pendidikan Sains dalam al-Quran* mendefinisikan alam semesta ialah segala-galanya yang telah diciptakan oleh Allah SWT di seluruh alam angkasa lepas, di sekitar alam kita dan juga di dalam struktur jirim dalaman yang mata kasar tidak nampak (Haji Abu Hassan Haji Ali, 2005, p.51). Dalam bahasa Greek, perkataan alam semesta atau dunia yang teratur merujuk perkataan *cosmos* (Abdul Rahman Abdullah: 1999, p. 1). Perkataan „semesta“ dalam *Kamus Dewan* (2006, p. 1439) dimaksudkan sebagai „seluruh“. Osman Bakar (2001, p. 1) dalam buku *Kosmologi Melayu* mengatakan bahawa:

“Kosmologi adalah cabang ilmu yang membicarakan persoalan pokok tentang alam semesta (kosmos). Persoalan tersebut ialah; persoalan asal-usul alam semesta, persoalan anatomi, struktur, atau perlembagaan alam semesta, persoalan asas kewujudan dan sistem perjalanan alam semesta dan persoalan matlamat dan kesudahan alam semesta.”

Oleh itu, perkataan seluruh yang dimaksudkan dalam konsep ini ialah merangkumi keseluruhan tentang alam daripada proses penciptaannya sehinggalah kepada kesudahannya. Dalam Islam, kewujudan alam merupakan bukti kewujudan Allah Taala. Orang Islam perlu meyakini bahawa Allah itu wujud berdasarkan adanya alam ciptaan Allah Taala ini. Dalam surah al-„Ankabut ayat 19-20, Allah Taala berfirman, maksudnya:

“Tidakkah mereka melihat dan memikirkan bagaimana Allah mencipta makhluk-makhluk pada mulanya, kemudian ia akan mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya)? Sesungguhnya yang demikian itu amatlah mudah bagi Allah. Katakanlah: Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Berdasarkan terjemahan ayat tersebut, telah jelas dinyatakan bahawa Allah menciptakan alam ini dan seluruh isi yang ada di dalamnya dan berkuasa terhadap setiap apa yang diciptakan-Nya. Berdasarkan kewujudan alam ini, Allah memberi

sedikit pengetahuan kepada manusia untuk melihat bahawa Maha Bijaksananya Allah menciptakan alam ini. Zakaria Awang Soh (1991, p. 9) mengatakan bahawa:

Ekoran daripada ketakjuban yang dirasai daripada pengamatan dan pencerapan keadaan alam, kalangan ahli astronomi dan kosmologi mengakui bahawa sekiranya alam ini ada penciptanya maka Penciptanya adalah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui.

Namun pengetahuan manusia itu terbatas dan akal manusia tidak dapat mencapai keseluruhan ilmu tentang alam, penciptaan dan kewujudannya. Menurut Zakaria Awang Soh (1991, p. 9) lagi, walaupun penjelajahan dalam berbagai-bagai-bagai cara ini telah maju sedemikian rupa, keupayaan manusia masih lagi terbatas kepada ruang yang tertentu sahaja. Menurut Mohd. Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali (2002, p. 121), kewujudan Allah adalah kewujudan yang mutlak, manakala kewujudan alam semesta pula adalah tertakluk kepada kehendak Allah. Daripada alam, manusia mendapat ilmu, daripada alam juga manusia Melayu mengatur kehidupannya. Daripada alam juga manusia mendapat rezeki. Penciptaan alam semesta adalah kurniaan kepada manusia untuk dipergunakan bagi memperoleh keperluan hidup mereka.

Secara keseluruhannya, alam merupakan suatu ciptaan Allah yang Maha Hebat. Setiap yang dijadikan-Nya itu mempunyai fungsinya yang tersendiri, dan ciptaan-Nya itu dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran. Segala yang diciptakan-Nya itu pula di bawah kekuasaannya seperti yang difirmankan-Nya dalam surah an-Nur, iaitu maksudnya “Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi, dan kepada Allah sahaja tempat kembali (sekalian makhluk). Air, haiwan, tumbuh-tumbuhan, bintang, bulan, matahari, kejadian siang dan malam sebenarnya dijadikan oleh Allah

untuk manusia berfikir akan kekuasaannya. Dalam surah al-Baqarah, ayat 163, Allah Taala berfirman, maksudnya:

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang berlayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, dan keluasan rahmat-Nya) bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran.

Keseluruhannya, alam semesta merangkumi keseluruhan alam yang dicipta Allah yang turut merangkumi proses penciptaannya, struktur serta proses pengakhiran alam ini. Kewujudan, proses penciptaan, pengurusan serta kehebatan alam semesta ini semuanya telah dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran. Zakariah Awang Soh (1991, p. 11) mengukuhkan hujah ini dengan mengatakan bahawa wahyu telah menyatakan bahawa Allah bukan sahaja mencipta tetapi juga mengawal, mengurus dan menjaga segala lakuan unsur-unsur alam ciptaan-Nya.

1.10.3 Konsep Tanda

Tanda ialah unit komunikasi yang paling asas. Unit ini berbentuk linguistik (huruf atau perkataan) atau bukan linguistik (baju, gambar atau apa-apa yang boleh dianggap mempunyai makna). Sesuatu tanda pada hakikatnya tidak mempunyai sebarang makna, melainkan pengguna mengiktirafnya sebagai suatu tanda (*Kamus Kesusasteraan Melayu*, 2015, p. 357). Definisi tentang „tanda“ dilanjutkan lagi dalam *Kamus Kesusasteraan Melayu* dengan penjelasan bahawa maksud sesuatu tanda perlu dipelajari oleh pengguna dan nilai tanda boleh berubah-ubah. Penanda dan petanda boleh berkait. Penanda merujuk kepada kosa kata, manakala petanda merujuk kepada entiti atau idea yang dihubungkannya. *Kamus Istilah Filsafat dan*

Ilmu mentakrifkan bahawa tanda (*signs*) ialah sesuatu yang mewakili sesuatu yang lain, sesuatu yang mewakili atau menandakan sesuatu objek pada seseorang yang memahaminya atau menanggapinya (Ali Mudhofir, 2001, p.335).

Tanda itu ialah sebarang sesuatu yang dapat kepada seseorang berdiri untuk sesuatu yang lain (Arbak Othman, 2008, p. 1). Bagi menjelaskan maksud ini, Arbak Othman mengatakan lagi bahawa tanda atau *sign* tidak sahaja berdiri untuk sesuatu selain sebagai dirinya, tetapi juga untuk yang ketiga (yakni sebagai yang lain) (2008, p. 82).

Berdasarkan beberapa penjelasan tentang konsep tanda ini, tanda membawa makna sesuatu objek yang mewakili sesuatu yang lain dan membawa makna yang lain daripada apa yang sebenarnya dilihat. Makna kepada tanda itu difahami oleh sesebuah masyarakat berdasarkan kebiasaan mereka. Dalam kajian ini, unsur alam, iaitu „padi“ dan „air“ merupakan tanda yang akan dilihat maknanya dalam peribahasa dan mengkaji maknanya berdasarkan konvensi masyarakat Melayu. Unsur alam, iaitu „padi“ dan „air“ akan dilihat maknanya dalam peribahasa dan dilihat peranannya dalam mendidik masyarakat Melayu. Konsep tanda dalam kajian ini diselarikan dengan pengertian konsep firasat yang dibawa oleh Hashim Awang dalam Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu melihat makna yang tersirat di sebalik tanda tersebut.

1.10.4 Konsep Firasat

Dalam *Ensiklopedi Islam* (1996, p. 117) firasat dihuraikan maksudnya sebagai keadaan yang dirasakan (diketahui) akan terjadi sesudah melihat suatu gelagat; kecekapan mengetahui (meramalkan) sesuatu dengan melihat suatu keadaan; atau

kemampuan batin atau hati yang dimiliki seseorang dalam membaca (meramalkan) keadaan atau peristiwa yang akan terjadi.

Kamus Dewan (2006, p. 412) mendefinisikan firasat sebagai pengetahuan mengenai tanda-tanda pada muka (badan dan lain-lain) untuk mengetahui kelakuan atau nasib seseorang. Firasat turut didefinisikan sebagai perasaan hati bahawa akan terjadi sesuatu sesudah melihat tanda tertentu. Berdasarkan kedua-dua definisi ini, firasat merupakan gerak hati yang hadir dahulu sebelum berlakunya sesuatu kejadian atau peristiwa.

Dalam hadis, firasat dijelaskan melalui sabda Nabi Muhammad SAW, iaitu “Berjaga-jagalah terhadap firasat orang mukmin, kerana ia melihat dengan cahaya Allah (Hadis Riwayat at-Tirmizi). Dalam al-Quran, firasat dikaitkan dengan perkataan “tanda”. Antara ayat al-Quran yang menyebut tentang tanda ini ialah dalam surah Muhammad ayat 30, iaitu maksudnya:

“Dan sekiranya kami kehendaki, tentulah kami akan mengenalkan mereka kepadamu (wahai Muhammad), lalu engkau tetap mengenalinya dengan tanda-tanda (yang menjadi sifat) mereka; dan demi sesungguhnya, engkau akan mengenali mereka dari gaya dan tutur katanya. Dan ingatlah kamu masing-masing), Allah mengetahui segala yang kamu lakukan.”

Dalam surah al-Hijr, ayat 75, Allah Taala berfirman, maksudnya:

“Sesungguhnya, balasan azab yang demikian itu, mengandungi tanda-tanda bagi orang-orang yang kenalkan sesuatu serta memerhati dan memikirkannya.

Hal berkaitan firasat ini selalunya dikaitkan dengan ilmu tasawuf dan berdasarkan beberapa pengertian tentang firasat ini, terdapat perkaitan yang kuat antara hati dan juga fikiran dalam menanggapi sesuatu keadaan. Hal ini kerana dalam kalangan sufi (ahli tasawuf), firasat mengandungi erti anugerah (hidayah) yang diberikan oleh

Tuhan dalam bentuk kemampuan batin (al-qalb) menangkap isyarat-isyarat suatu keadaan atau peristiwa yang akan terjadi (1996, p. 117).

Hashim Awang (1999, p. 66) melihat bahawa firasat ialah pentafsiran karya sastera berdasarkan tanda-tanda yang terdapat dalam karya tersebut. Hal ini sama seperti mimpi yang maknanya perlu ditafsirkan kerana beliau mengatakan bahawa karya sastera dan mimpi merupakan sesuatu yang di dalamnya terkandung peristiwa dan pengalaman hidup. Pentafsiran tersebut akhirnya membawa kepada pengertian yang menyeluruh.

Dalam buku *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*, Jelani Harun (2003, p. 138) menjelaskan bahawa ilmu firasat berkait rapat dengan kebolehan “membaca” perwatakan manusia melalui tanda yang ada pada tubuh. Tanda yang “dibaca” tersebut bukannya dibuat secara sewenang-wenangnya tetapi budaya dan amalan masyarakat.

Dalam kehidupan masyarakat Melayu, maksud firasat sering kali menjelma dalam pelbagai istilah yang berbeza-beza tetapi mempunyai maksud yang sama, antara lain, melalui kata-kata “mengikut perkiraan”, “mengikut kata orang tua-tua”, “gerak rasa”, “gerak hati”, dan sebagainya (Jelani Harun, 2003, p. 140).

Secara keseluruhannya, firasat merupakan suatu ilmu yang membolehkan seseorang itu menanggapi sesuatu perkara sama ada sebelum atau selepas sesuatu peristiwa itu berlaku. Dalam Teori Pengkaedahan Melayu, konsep firasat lebih menjurus kepada tanda dan pentafsiran terhadap maknanya dan tanda-tanda tersebut dilihat melalui unsur alam yang digunakan dalam sesebuah karya sastera. Huraian

tentang konsep firasat akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 2, iaitu Metodologi Kajian dan Kerangka Teoretis..

1.10.5 Konsep Padi

Padi dikelaskan dalam genus *Oryza* dan terdapat 23 spesies di dunia. Namun, hanya dua spesies, iaitu *Oryza sativa* (Asia Tenggara) dan *Oryza glaberrima* (Afrika Barat) yang dimanfaatkan sepenuhnya oleh manusia (Faszly Rahim *et.al*, 2015, p. 30). Daripada tumbuhan padi, akan menghasilkan beras, iaitu padi yang telah dibuang sekamnya dan menjadi makanan ruji bukan sahaja bagi masyarakat di Malaysia, bahkan di rantau Asia (2015, p. 27-28). Dalam al-Quran, padi atau beras tidak disebut secara langsung, tetapi istilah “tangkai” dalam Surah Yusuf ayat 47 berkaitan dengan tumbuhan padi, iaitu maksudnya:

“Beliau (Nabi Yusuf) berkata, Kamu hendaklah bercucuk tanam selama tujuh tahun berturut-turut. Apa yang kamu tuai, maka biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya kecuali sedikit sahaja bahagian yang kamu makan”.

Dalam ayat tersebut juga menunjukkan bahawa tanaman tersebut menjadi makanan ruji umat terdahulu (2015, p. 28). Dalam masyarakat Melayu, padi merupakan tanaman tradisional yang dilakukan secara kecil-kecilan dan dilakukan dalam kalangan keluarga sendiri sahaja. Tanaman ini diusahakan bagi menampung keperluan untuk meneruskan kehidupan. Ahmad Ezanee Mansor dan Abdul Malik Johan (1995, p. 2480) dalam artikel mereka, *Evolusi Teknologi Pertanian Melayu: Penanaman Padi Basah di Semenanjung Malaysia* dalam buku *Tamadun Melayu Jilid Lima* mengatakan bahawa secara tradisi, petani Melayu menanam padi sekadar untuk kegunaan sendiri sahaja, cukup untuk keperluan keluarga, sanak-saudara, dan untuk memenuhi kewajipan masyarakat setempat. Hubungan sosial dalam

masyarakat terjalin melalui penanaman padi dan berlaku pelbagai interaksi sosial bermula daripada proses penanaman padi sehinggalah proses menuai padi. Wan Abdul Kadir mengukuhkan lagi hujah ini dengan mengatakan bahawa paras ekonomi sara diri masyarakat Melayu masa lalu memberikan banyak masa untuk anggota-anggota kelompok menumpukan kepada kegiatan-kegiatan sosial yang dapat merapatkan hubungan sesama anggota kelompok (1994, p. 472). Berdasarkan konsep padi mengikut bidang pertanian, fungsi padi sebagai makanan utama dan kedudukannya seperti yang terdapat dalam al-Quran, padi dapat disimpulkan bahawa padi merupakan salah satu unsur alam yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi sehinggalah kepada masyarakat hari ini. Hal ini kerana melalui tanaman padi, ekonomi masyarakat Melayu berkembang, teknologi pertanian juga semakin maju dan hubungan dalam masyarakat juga berlaku semasa proses penanaman padi ini. Penjelasan lanjut tentang konsep padi ini dijelaskan dalam Bab 3, iaitu Padi Sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu.

1.10.6 Konsep Air

Dalam *Ensiklopedia Sains dalam al-Quran*, air (H_2O), dari segi kimia terhasil apabila dua atom hidrogen (H_2), dibakarkan dengan satu atom oksigen (O). Air yang bersih ialah air yang tidak ada warna, bau dan rasa. Pada tekanan udara atmosfera biasa, air yang tulen mendidih (berubah menjadi gas) pada suhu 100 darjah *celcius* dan membeku pada 0 darjah *celcius* (2005, p. 23).

Air dalam kehidupan manusia sangat penting. Allah menciptakan air untuk pelbagai kegunaan dan memberi manfaat kepada manusia, haiwan mahupun tumbuhan (2015, p. 3). Air di bumi menutup melebihi 71% daripada permukaan

bumi dan lebih kurang 97% daripada semua air di atas muka bumi ini terkandung di dalam lautan (2005, p. 23). Dalam al-Quran, dalam surah al-Furqan, ayat 48 Allah berfirman, maksudnya: “Dialah Tuhan yang telah menghantarkan angin sebagai berita gembira sebelum kedatangan rahmat-Nya, dan Kami menurunkan air yang bersih suci dari langit”. Dalam ayat ini, Allah menjelaskan kepada manusia bahawa air yang turun dari langit ini ialah air yang sifatnya suci lagi menyucikan (2015, p. 5). Dalam hal ini, jelas menunjukkan sifat utama air selain sebagai sumber minuman adalah untuk menyucikan.

Dalam *Ensiklopedia Pendidikan Sains dalam al-Quran* (2005, p. 26), dijelaskan lagi tentang air yang turun dari langit ini sehingga menghasilkan air sungai, air tasik dan air laut, iaitu:

“Air hujan yang turun ke bumi mulai mengalir ke bawah. Ada yang diserap oleh tanah sebagai air bawah bumi; ada yang mengalir ke dalam sungai, tasik dan akhirnya ke laut. Sebahagian tersimpan di dalam ketulan air di kutub-kutub dan sebahagiannya tersejat menjadi wap ke dalam atmosfera dan dikitarkan semula sebagai air hujan. Kuantiti air di bumi seluruhnya tidak bertambah atau berkurang.”

Kesimpulannya, air ialah suatu entiti yang sangat penting kepada seluruh kehidupan di muka bumi ini. Tidak ada kehidupan di muka bumi ini yang boleh hidup tanpa air. Oleh sebab itu, konsep air dilihat dari sudut fizikalnya dan juga dari sudut fungsinya terhadap kehidupan manusia. Penjelasan lanjut tentang konsep air ini dijelaskan dalam Bab 4, iaitu Air Sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, peribahasa Melayu ialah sastera tradisi lisan yang amat berharga bagi orang Melayu. Nilai, falsafah, pemikiran, adat dan sebagainya terkandung dalam peribahasa Melayu. Walaupun banyak kajian tentang peribahasa

telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini, namun banyak lagi aspek lain tentang peribahasa yang belum dikaji. Bagi melihat unsur alam sekitar, peribahasa ialah alat yang sesuai untuk melihat pemanifestasiannya kerana manusia Melayu dahulu peka terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya. Tambahan pula, hubungan manusia Melayu dahulu dengan alam sangat akrab, berbeza dengan masyarakat kini yang lebih terdedah kepada unsur kemodenan.

Ungkapan peribahasa yang menggunakan unsur alam sekeliling dengan penggunaan metafora menjadikan peribahasa lebih indah dan mempunyai nilai estetika yang tinggi. Melalui unsur alam ini juga terdapat tanda-tanda yang perlu dicari maknanya untuk dijadikan panduan oleh masyarakat. Oleh sebab itu kajian ini akan melihat dan menyelongkar makna yang ada di sebalik unsur alam tersebut sebagaimana prinsip yang ada dalam Pendekatan Firasat.

BAB 2: METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS

2.1 Pendahuluan

Bab 2 ini akan membincangkan metodologi kajian dan kerangka teoretis. Perbincangan akan dimulakan dengan metodologi kajian dan diikuti dengan kerangka teoretis yang merupakan sokongan kepada kajian ini. Kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menerapkan Pendekatan Firasat. Perbincangan tentang kerangka teoretis akan dimulakan dengan latar belakang penciptaan Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu selepas saranan daripada sarjana Barat, iaitu A.Teeuw yang mengatakan bahawa Malaysia dan Indonesia perlu ada teori sastera tempatan. Timbulnya Teori Pengkaedahan Melayu pula apabila Hashim Awang, pencipta teori ini mengemukakan gagasannya dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu pada tahun 1989. Perbincangan selanjutnya mengutarakan paksi Teori Pengkaedahan Melayu, kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan dan tunjangnya ialah alam dan agama. Oleh sebab itu, dalam perbincangan Bab 3 dan Bab 4 nanti, analisis terhadap peribahasa turut mengaitkan dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadis Nabi SAW dan mengaitkan tanda-tanda dalam peribahasa tersebut dengan paksi Teori Pengkaedahan Melayu.

Selanjutnya, Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan akan dihuraikan dengan jelas dan mengaitkannya dengan Pendekatan yang ada di bawah Pengkaedahan tersebut. Dalam Bab ini juga penjelasan tentang Pendekatan Firasat akan dibuat kerana dalam Bab 3 dan Bab 4, penganalisan tentang peribahasa akan menerapkan Pendekatan Firasat. Bab ini akan menjelaskan tentang hubungan antara kesusasteraan dengan alam serta pentingnya unsur keagamaan yang turut diterapkan dalam perbincangan.

Setiap bangsa di dunia mempunyai hasil kesusasteraannya yang tersendiri. Hasil kesusasteraan tersebut menjadi wakil atau cerminan sesuatu bangsa itu. Hasil kesusasteraan itu juga merupakan hasil seni yang direka oleh sesebuah masyarakat dan mempunyai perantaraannya. Karya sastera sebenarnya adalah sebuah hasil seni, sesuatu yang dikerjakan oleh manusia, yang boleh diubah dan diperbaiki (Hashim Awang, 1988, p. 31). Terdapat tiga elemen utama dalam penciptaan karya sastera, iaitu pencipta, karya serta khalayak. Perantaraan bagi menghubungkan tiga elemen tersebut ialah bahasa, sama ada bahasa lisan ataupun bahasa tulisan. Sastera sebagai hasil seni merupakan suatu pernyataan diri. Terdapat berbagai-bagai bentuk perlakuan manusia yang merupakan pengalihan emosi daripada dirinya. Emosi tersebut merupakan pengalaman daripada diri pengkarya itu sendiri (Hashim Awang, 1981, p. 33).

Bagi menghubungkan sesebuah hasil kesusasteraan itu semakin dekat dengan khalayak dan bagi memudahkan untuk khalayak memahami sesebuah hasil kesusasteraan maka pelbagai kajian dilakukan oleh para sarjana dan pengkaji dan penggunaan teori dituntut untuk memberi nilai ilmiah kepada sesuatu hasil kajian. Menurut Mana Sikana (1997, p. 147) :

“Teori itu dijadikan landasan untuk menganalisis teks-teks tersebut. Dan kajian itu pula lebih dituntut demi perkembangan epistemologi sastera menggunakan teori yang baru pula, supaya ia mampu menghasilkan analisis dan dapatan yang baru juga”.

Hasil kesusasteraan yang hendak dikaji pula perlu mempunyai nilai yang mampu untuk mendidik masyarakat supaya hasil kesusasteraan itu mampu membentuk individu itu menjadi anggota yang baik dalam masyarakatnya. Menurut Mana Sikana

(1997, p. 161), sebuah teks sastra yang baik itu merupakan teks yang ditulis secara halus dan berhikmah. Teks sastra itu mempunyai nilai yang memberi stimulasi kepada pembacanya untuk memperbaiki hidup di dunia dan di akhirat.

Berdasarkan pandangan daripada Hashim Awang dan Mana Sikana ini, dapatlah dirumuskan bahawa hasil kesusasteraan membawa kebaikan kepada manusia dan matlamat penghasilannya juga perlu jelas, iaitu untuk mendidik masyarakat ke arah sesuatu yang lebih baik melalui estetika yang ada dalam proses kepengarangan karya tersebut. Walaupun hasil kesusasteraan merupakan pancaran emosi daripada pengarangnya, namun hasil garapan tersebut perlulah dikawal supaya pembaca ataupun khalayak hanya dapat menuai hasil yang telah ditapis untuk dimanifestasikan ke dalam kehidupan setiap lapisan masyarakat. Hal ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Muhammad Haji Salleh (2005, p. 264) bahawa:

“Sastra itu indah kerana karya-karyanya membawa faedah dan manfaat, biasanya dalam bentuk pengajaran. Pengajaran di sini ditakrifkan dalam suatu julat makna yang luas, daripada membawa panduan untuk membina sesuatu barang atau bangunan, kepada membawa contoh untuk menjadi raja yang adil, isteri yang taat, suami yang penyayang, wira yang setia dan secara umumnya manusia yang baik di sisi masyarakat dan agama”.

Dalam kajian ini, Teori Pengkaedahan Melayu menjadi alat bagi menganalisis peribahasa yang merupakan tradisi sastra lisan masyarakat Melayu. Dalam bab ini, Teori Pengkaedahan Melayu dihuraikan secara khusus, merangkumi sejarah teretusnya teori sastra tempatan sehingga Hashim Awang yang mencipta Teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan Firasat daripada Pengkaedahan Alamiah dipilih kerana dalam pendekatan ini, sesuatu hasil karya sastra itu dilihat mempunyai makna luaran dan dalamannya. Makna tersebut pula dikenal pasti melalui tanda-tandanya yang tertentu dan perlu ditafsirkan. Prinsip utama Pendekatan Firasat ini ialah makna sesuatu karya itu perlu dianalisis melalui tanda-tandanya berdasarkan

ilmu dan pengetahuan. Oleh sebab itu, bagi menganalisis makna dalam peribahasa berdasarkan tanda-tandanya, maka Pendekatan Firasat ini sesuai digunakan. Tambahan pula kajian ini menggunakan alam sebagai tanda yang perlu ditafsirkan maknanya secara tersurat dan tersirat.

2.2 METODOLOGI KAJIAN

Untuk melaksanakan kajian ini, kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif, iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Sebagai sebuah kajian tentang hasil kesusasteraan tradisi lisan, kajian kepustakaan menjadi perkara utama untuk mendapatkan maklumat. Kaedah kepustakaan ini dilakukan untuk memperoleh data dan membuat penganalisan data. Pemerolehan data dibuat dengan mengumpulkan peribahasa Melayu daripada buku kumpulan peribahasa yang dipilih. Penerbitan buku tentang pengumpulan peribahasa banyak dilakukan oleh sarjana tempatan dan barat. Antara kajian yang utama termasuklah *Kitab Kiliran Budi* oleh W.G Shellabear dan Suleiman Mohd. Noor (1964), *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*, Abdullah Hussain (1989) *Tikaman Bahasa* (1992) oleh Mohd. Adnan Mohd. Ariffin, *Kamus Peribahasa Daya* oleh Lai Choy (2010) dan yang terkini ialah *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Oleh itu, bagi mengumpulkan data, kajian ini menggunakan buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Sebanyak 570 peribahasa berkaitan alam dikumpulkan. Peribahasa tersebut termasuklah unsur tumbuh-tumbuhan, haiwan dan air. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 119 peribahasa tentang padi dan 114 peribahasa tentang air disenaraikan untuk kajian ini.

Penganalisan data pula dibuat dengan melihat tanda yang terdapat dalam peribahasa yang menggunakan unsur padi dan air. Dalam proses menganalisis ini, peribahasa tersebut dilihat maknanya terlebih dahulu secara keseluruhan dan melihat makna yang dibawa secara khusus oleh tanda yang terdapat dalam unsur padi dan air. Dalam proses analisis ini, pentafsiran terhadap makna kepada tanda tersebut dilakukan untuk melihat sejauh mana peribahasa tersebut, iaitu hasil sesebuah kesusasteraan yang menggunakan unsur alam memberikan pengalaman kepada masyarakat Melayu. Dalam hal ini, bahan penerbitan seperti buku, jurnal dan artikel serta bahan daripada sumber Internet dalam bidang sastera, budaya dan bahasa juga dijadikan rujukan. Rujukan dan perbandingan daripada pelbagai sumber penting untuk melihat kepelbagaian pemikiran yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Kajian ini akan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dengan mengkhususkan Pendekatan Firasat yang ada dalam Pengkaedahan Alamiah.

2.3 Kerangka Teoretis

2.3.1 Latar Belakang Penciptaan Teori Pengkaedahan Melayu

Disiplin ilmu dan teori dan kritikan sastera bermula dari Barat bermula dengan teori klasik pada awal abad ke-19 sehinggalah wujudnya teori moden, iaitu moral, sejarah, sosiologi, psikologi pada tahun 1950-an dan 1960-an dan timbul pula teori pascamoden, iaitu strukturalisme, semiotik, fenomenologi, feminisme dan lain-lain lagi pada era 1970-an. Kesedaran terhadap keperluan untuk mempunyai teori sastera tempatan telah menyebabkan tokoh-tokoh sastera tempatan mencambahkan idea dan pemikiran untuk merangka suatu prinsip kesusasteraan tempatan untuk menjadi paksi bagi kajian yang menggunakan hasil kesusasteraan tempatan. Menurut Sahlan Mohd. Saman (1997, p. 194), kesedaran terhadap kegemilangan tamadun bangsa serta

khazanah sastra yang berada di dalam dan di luar negeri sedikit sebanyak menyumbang terhadap teori sendiri itu.

Faktor pemangkin kepada pembinaan teori sastra tempatan bermula apabila sarjana Barat, iaitu A. Teeuw menyarankan dalam ceramah anjuran Persatuan Pengajian Melayu di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 22 November 1980. Menurut beliau, sastra Nusantara, khususnya Malaysia dan Indonesia belum memiliki teori dan kaedah pengajian sendiri (Hashim Awang, 1989, p. 3). Kesan daripada tulisan A. Teeuw yang diterbitkan dalam *Bingkisan*, Bil. 1 pada tahun 1981 itu, para sarjana tempatan telah mengorak langkah untuk mempergiatkan penciptaan pengkaedahan tempatan. Antara tokoh yang terlibat ialah Ismail Hussein dan Mana Sikana. Mana Sikana telah menimbulkan isu ini dalam buku kritikan sasteranya, iaitu *Kritikan Sastra – Pendekatan dan Kaedah* (1986) dan paksi kepada pembinaan teori sastra tempatan yang dikemukakan oleh Mana Sikana berunsurkan Islam (Hashim Awang, 1989, p. 3). Menurut Mana Sikana (2006, p. 327), untuk kembali kepada peribadi Melayu harus ada pencarian terhadap sastra Islam. Antara teori sastra yang berunsurkan Islam yang muncul ialah Teori Taabudiyah, Puitika Sastra Melayu, Pengkaedahan Melayu dan Takmilah.

Pembinaan teori sastra tempatan juga timbul apabila wujudnya keinginan untuk memadankan acuan hasil kesusasteraan tempatan dengan teori sastra tempatan. Tambahan pula, hasil kesusasteraan tempatan mempunyai nilai ilmu dan keindahannya yang tersendiri. Bahkan seluruh pengalaman manusia Melayu, terutamanya masyarakat Melayu tradisional dimanifestasikan dalam hasil kesusasteraannya sama ada tradisi lisan mahupun tulisan. Hashim Awang (1989, p. 4) menegaskan bahawa sastra Melayu itu terhasil oleh adanya pandangan hidup,

kebudayaan dan kepercayaan masyarakat Melayu sendiri, yang ternyata amat berbeza dengan apa yang termilik oleh masyarakat Barat.

Dalam buku *Puitika Sastera Melayu*, Muhammad Haji Salleh (2000, p. x) mengatakan bahawa: “Kita tidak mungkin memahami sesuatu bangsa tanpa mengetahui puitika sasteranya.” Teori Puitika Sastera Melayu ini bermula dengan syarahan pengukuhan kesarjanaan dan dikembangkan menjadi sebuah teori sastera Melayu tradisional (Mana Sikana, 2006, p. 328). Oleh itu para sarjana tempatan pada masa itu merasakan bahawa tanggungjawab untuk merangka teori sastera tempatan yang bertunjangkan akar budi Melayu perlu dibuat.

Perkembangan pembinaan teori sastera Melayu semakin meluas apabila Hashim Awang mengemukakan gagasan Teori Pengkaedahan Melayu. Teori ini muncul apabila pencipta teori ini mengemukakan pandangannya dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu pada tahun 1989. Timbulnya kesedaran untuk membina teori ini apabila hampir keseluruhan pengkaedahan yang diterapkan adalah hasil peniruan atau saduran yang kental dari Barat. Hashim Awang (1989, p. 2) mengatakan bahawa:

“...sebenarnya kita tertumbuk dengan suatu persoalan besar, iaitu persoalan menggunakan pengkaedahan sendiri dalam pengkajian terhadap sastera sendiri. Di samping penggunaan pengkaedahan dari Barat itu, kita seharusnya turut pula berusaha mencari dan meneroka pengkaedahan sendiri yang lebih bernilai asli dan setempat – yang di sini penulis sebutkan sebagai “pengkaedahan Melayu.”

Teori Pengkaedahan Melayu merupakan suatu pendekatan dalam pengkajian kesusasteraan yang menyeluruh dan mencakupi keseluruhan hidup manusia. Teori ini menyentuh hubungan manusia dengan alam, manusia dengan masyarakat serta perkaitan manusia dengan ruang lingkup kehidupan yang membawa ke arah

kebaikan. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan oleh Sahlan Mohd. Saman (1997, p. 194) bahawa:

“Hashim Awang mengemukakan “gagasan teori pengkaedahan Melayu” yang diasaskannya kepada kitab Taj-al-Muluk. Sarjana ini merumuskan bahawa pengarang Melayu menghasilkan karyanya berpaksikan kepada dua hakikat. Pertama pengkaedahan alamiah yang meletakkan seorang pengarang Melayu sebagai sebahagian daripada alam yang didiaminya. Dia dan alam adalah sinonim yang sehati saling melengkapi dan memerlukan. Kedua pengkaedahan keagamaan. Beliau yakin bahawa sumber utama pengarang Melayu adalah Al-Quran dan hadith. Untuk mengagungkan Allah, mempertingkatkan ketakwaan manusia serta proses pendakwaan adalah asas penting pengarang Melayu menghasilkan karyanya.”

Oleh sebab itu teori ini dipilih kerana hubungannya yang lengkap antara manusia dengan alam dan manusia dengan pencipta-Nya, iaitu Allah SWT. Manakala penciptaan sesebuah karya itu pula bertujuan untuk mencapai kebaikan dan sumbernya sudah tentu daripada al-Quran dan Hadis.

2.3.2 Paksi Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu didefinisikan sebagai teori sastera Melayu yang terbentuk dengan berasaskan sepenuhnya kepada budaya cara dan sikap hidup (*weltanschauung*), pandangan dunia (*world-view*), perspektif alam semesta (kosmologi) dan agama (Islam) orang-orang Melayu yang memiliki ciptaan-ciptaan karya sastera mereka yang tinggi dan unik (Hashim Awang, 1999, p. 5). Perkara utama yang menjadi tunjang kepada teori ini ialah alam dan agama. Hal ini kerana pencipta teori ini melihat hubungan manusia Melayu dengan alam sangat erat sehingga menterjemahkan pengalaman mereka dengan alam dalam karya sastera. Agama pula merupakan unsur yang menjadi pedoman kepada individu dalam masyarakat untuk membentuk masyarakat yang seimbang antara dunia dan akhirat. Agama juga perlu diterapkan dalam karya sastera yang ingin dihasilkan.

Bagi Hashim Awang (1999, p. 2-3), wajar diwujudkan teori tempatan berdasarkan kepada dua hakikat utamanya, iaitu hakikat keberadaan bangsa Melayu sebagai warga dunia dan hakikat yang kedua ialah kesusasteraan Melayu sebagai satu antara penghasilan daya fikir dan daya cipta terpenting bahasa Melayu. Berdasarkan hakikat ini, terbentuk tiga teras utama, iaitu teras kebajikan, teras ketakwaan dan teras ketatasusilaan.

2.3.2.1 Teras Kebajikan

Kebajikan membawa maksud sesuatu yang membawa kebaikan, perbuatan baik (*Kamus Dewan*, 2006, p.110). Apabila memperkatakan tentang kebaikan, sudah tentulah perkara ini mendorong masyarakat untuk melakukan sesuatu yang baik. Hashim Awang (1999, p.3) menegaskan bahawa:

“Kewujudan teras kebajikan telah menimbulkan karya-karya kesusasteraan Melayu yang kebanyakannya bersifat didaktik, iaitu kesusasteraan yang memaparkan persoalan-persoalan moral dan didikan ke arah pembinaan kemajuan dan peningkatan taraf hidup serta budi pekerti bersama-sama semangat nasionalisme bangsa Melayu.”

Dalam teras ini, dapat dilihat bahawa setiap karya yang dihasilkan oleh pengarang perlu mempunyai pengajaran yang dapat mendorong masyarakat untuk melakukan kebaikan. Hal ini perlu kerana dengan adanya unsur kebajikan, dapat membina sebuah masyarakat yang baik dan harmoni. Penghasil karya kesusasteraan juga dapat memberi sumbangan dari segi pembentukan masyarakat yang baik.

2.3.2.2 Teras Ketakwaan

Ketakwaan dalam konteks ini matlamatnya adalah untuk mendekatkan masyarakat dengan Tuhan. Hal ini kerana matlamat kehidupan manusia di muka bumi ini,

khususnya beragama Islam adalah untuk mendapat keredaan Allah SWT. Hashim Awang (1999, p. 4) mengatakan bahawa:

“Teras ketakwaan pula menggerakkan karya-karya kesusasteraan Melayu untuk membangkitkan persoalan-persoalan tentang pemupukan rasa kemanusiaan dan kasih sayang antara sesama manusia, sama ada yang berlainan atau pun bersamaan agama dan bangsa; semua perasaan ini dikaitkan pula dengan kesayangan-kesayangan terhadap bangsa, agama dan watan.”

Dalam teras ketakwaan ini, pengarang perlu menegakkan prinsip untuk meletakkan agama Islam sebagai sesuatu yang utama dan memperlihatkan kesucian agama Islam.

2.3.2.3 Teras Ketatasusilaan

Beradab dalam melahirkan karya amat perlu kerana hasil karya seseorang pengarang akan diamati oleh para khalayak. Apa-apa sahaja yang dilahirkan oleh pengarang akan menjadi ikutan khalayaknya. Hashim Awang (1999, p. 4) mengatakan bahawa kesusasteraan Melayu berteraskan ketatasusilaan membawa maksud bahawa penciptaan kesusasteraan Melayu amat mementingkan adab atau teknik penulisan khusus yang dapat melahirkan nilai keindahan atau nilai seni. Dalam hal ini, hasil kesusasteraan seseorang pengarang perlulah mempunyai etikanya tanpa menyentuh sensitiviti mana-mana pihak yang boleh menimbulkan keraguan ataupun kekecohan.

Berdasarkan ketiga-tiga teras dalam Teori Pengkaedahan Melayu ini, jelaslah bahawa hasil kesusasteraan Melayu ini bukanlah sesuatu yang dicipta sesuka hati tanpa tujuan, tetapi hasil kesusasteraan itu dicipta dengan tujuan yang murni dan mempunyai kebaikan kepada masyarakat. Hal ini seperti yang disebutkan oleh A. Rahim Abdullah (1999, p. 5). “Dalam sastera Melayu, karya-karya yang dilahirkan

mempunyai sasaran khalayak tersendiri mengikut pandangan dunia orang Melayu, dan pengetahuan atau kedudukan individu dalam kelompok masyarakat". Shahnnon Ahmad (Dlm. A. Rahim Abdullah, 1999, p. 5) turut menegaskan bahawa teras dinamika kesusasteraan Melayu haruslah bersandarkan kombinasi budaya Melayu yang berlandaskan akidah Islam, yang bertanggungjawab mempertahankan kebenaran dan menolak kebatilan. Oleh itu, sumber kepada budaya Melayu yang berlandaskan akidah Islam itu sudah tentulah daripada al-Quran seperti yang dinyatakan dalam *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam* bahawa al-Quran menjadi sumber seluruh ajaran Islam sama ada aqidah, syara' atau akhlak secara umum atau budi bahasa secara khusus (Mustafa Haji Daud, 1995, p. 53).

Daripada teras utama yang dikemukakan dalam Teori Pengkaedahan Melayu ini, Hashim Awang telah membuka dua pengkaedahan yang penting dalam teori ini, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan (Hashim Awang, 1999, p. 6). Pengkaedahan ini dikemukakan berdasarkan cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat setempat, masyarakat Melayu yang melahirkan karya-karya sasteranya sendiri (Hashim Awang, 1999, 8). Menurut beliau, kedua-dua pengkaedahan ini saling berkaitan, namun Pengkaedahan Keagamaan mempunyai banyak persamaan dengan teori-teori sastera Melayu lain yang berasaskan Islam.

2.3.3 Pengkaedahan Alamiah

Manusia dengan alam tidak boleh dipisahkan. Hubungan antara manusia dengan alam dan juga tindak balas yang terbina antara manusia dengan alam mewujudkan suatu hubungan yang sangat harmoni kerana kedua-dua entiti ini merupakan sesuatu yang dicipta oleh Allah SWT dan mempunyai organisasi dan fungsi yang tersendiri.

Bahkan kejadian manusia itu sendiri dinyatakan berasal daripada unsur alam, iaitu tanah. Dalam surah as-Sajadah ayat 7, Allah SWT berfirman, maksudnya:

“Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya, dan dimulakan-Nya kejadian manusia berasal daripada tanah.”

Hubungan antara manusia dengan alam dijemakan melalui karya sastera hasil garapan ilham dan emosi pengarang. Penghasilan karya tersebut juga mendapat pengaruh daripada lingkungan kehidupan pengarang tersebut. Hashim Awang (2003, p. 8) menjelaskan perkaitan antara kesusasteraan dengan alam berlaku dalam dua keadaan, iaitu perhubungan kaitan dalaman dan perhubungan kaitan luaran. Dalam proses penghasilan karya, kaitan dalaman ini lebih mendominasi berbanding dengan kaitan luaran yang hanya wujud setelah karya tersebut siap untuk tujuan kritikan. Menurut Hashim Awang (2003, p. 8), perhubungan bersifat kaitan dalaman berlaku secara meluas dalam karya sastera itu sendiri, khususnya dalam aspek isi, bentuk dan struktur pembinaan karya.

Dalam konteks ini, pengarang akan terpengaruh dengan latar tempat yang rapat dengan dirinya, memilih cerita yang melingkungi kehidupan dan pengalamannya serta tafsirannya terhadap situasi yang berlaku di sekeliling pengarang. Sebagai contoh, hasil karya daripada pengarang-pengarang sejak dahulu lagi menggunakan daerah atau negeri sendiri sebagai latar tempat. Bahkan ada juga yang menggunakan pengalaman kehidupan mereka sejak kecil sehingga dewasa sebagai latar penceritaan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan pengarang dengan alam persekitaran mereka amat akrab dan dimanifestasikan ke dalam karya.

Hashim Awang menjadikan *Kitab Tajul Muluk* sebagai landasan kepada penciptaan teori ini. Dalam kitab ini, Hashim Awang (2002, p. 13) mengatakan bahawa:

“Kitab ini membicarakan enam perkara utama yang menyangkut pokok-pokok persoalan tentang manusia, kesihatan (perubatan) manusia, sifat dan gerak laku manusia, mimpi dan dan firasat, cakerawala dan perumahan. Kitab itu juga turut memperkatakan tentang kejadian alam dari kaca mata Islam, iaitu kejadian tujuh petala langit dan bumi, dalam persoalan berbentuk tambahan.”

Perkara yang berkaitan alam yang disebut dalam kitab *Tajul Muluk* ini tidak memisahkan konsep alam daripada kaca mata Islam, oleh itu sumber daripada al-Quran tentang alam perlu dilihat kerana dalam al-Quran terkandung pelbagai ilmu tentang alam, termasuklah tentang penciptaan alam, fungsi alam serta segala-galanya tentang fenomena alam. Allah SWT berfirman, maksudnya:

“Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya, dan dimulakan-Nya kejadian manusia berasal daripada tanah”.

(Surah as-Sajdah:7)

“Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang mencipta langit dan bumi dalam enam masa, lalu Dia bersemayam di atas Arasy; Dia menutup malam kepada siang yang mengikutnya dengan cepat, dan matahari dan bulan serta bintang-bintang tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, mencipta dan memerintah hanya hak Allah. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbir sekalian alam”.

(Surah al-Araaf: 54)

“Tidakkah kamu melihat bahawa Allah mengarak awan, kemudian mengumpulkan antaranya, kemudian menjadikannya bertindih-tindih, maka kelihatanlah olehmu hujan keluar dari celah-celahnya dan Allah menurunkan ais dari langit, dari (gumpalan-gumpalan awan seperti) gunung-gunung, maka ditimpakan-Nya ais itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan dipalingkan-Nya dari siapa yang dikehendaki-Nya. Kilauan kilat awan itu hampir-hampir menghilangkan penglihatan .”

(Surah an-Nuur:43)

Hashim Awang seterusnya telah menggolongkan tiga pendekatan dalam Pengkaedahan Alamiah, iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat. Dalam Pendekatan Gunaan, Hashim Awang (1989, p. 10) melihat bahawa pendekatan ini didasarkan kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek alam, iaitu objek-objek daripada hasil ciptaan; objek-objek alam lainnya diciptakan Tuhan, manakala sastera ciptaan manusia. Dalam pendekatan ini, Hashim Awang menjelaskan kepada khalayak bahawa alam adalah ciptaan Allah SWT, manakala hasil sastera dicipta oleh manusia (dengan izin Allah SWT) dengan menggunakan alam sebagai perlambangan. Kedua-duanya, iaitu alam dan hasil sastera mempunyai fungsi dan manfaat serta kedua-duanya digunakan oleh manusia untuk tujuan tertentu.

Pendekatan Moral pula timbul daripada ekoran tanggapan dasar yang dipegang dalam pendekatan pertama di atas tadi jua, iaitu sastera di samping dianggap sebagai objek alam, iaitu merupakan suatu kejadian alam; tetapi kejadian alam di sini bukan lagi berupa suatu kewujudan berbentuk alat atau benda, melainkan bersifat pengalaman hidup pula (Hashim Awang, 1989, p. 10). Dalam pendekatan ini, Hashim Awang melihat bahawa karya sastera juga dianggap sebagai objek alam dan fungsinya di sini juga jauh lebih besar, iaitu sebagai sesuatu yang dapat memberi kemanfaatan yang jauh lebih besar, iaitu sastera sebagai sesuatu yang menyingkapkan dan memberikan pengalaman. Dalam pendekatan ini, hasil sastera itu perlu dikaji kerana dalamnya mengandungi pengetahuan dan pengajaran yang perlu disingkap oleh para pengkaji supaya nilai pengajarannya dapat disebarkan kepada khalayak dan boleh dijadikan iktibar oleh masyarakat.


Dalam Pendekatan Firasat pula, Hashim Awang (1989, p. 11) menjelaskan bahawa:

“Pendekatan ini juga ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup; dan, di sini, kejadian tersebut adalah dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup yang oleh masyarakat Melayu sering dianggap sebagai bermakna kepada kehidupan.

Dalam pendekatan ini, Hashim Awang melihat bahawa hasil sastera itu merupakan kejadian alam yang menyerupai suatu mimpi yang mempunyai makna dan makna tersebut hanya boleh diperoleh melalui proses pentakbiran atau tafsiran. Dalam hal ini, khalayak perlu mengerti bahawa hasil sastera memiliki sifat rohani dan jasmani ataupun sifat tersirat dan tersurat. Sifat luaran atau yang tersurat itu merupakan lambang kepada sifat dalamannya. Keadaan ini menjelaskan bahawa terdapat perkaitan yang erat antara lambang, iaitu unsur luaran dan juga makna, iaitu unsur dalaman. Bagi mendapat makna kepada lambang dalam karya sastera tersebut, proses penafsiran perlu dilakukan dan proses ini dilakukan dengan bantuan ilmu dan pengetahuan. Menurut Hashim Awang (1989, p. 12):

“Demikianlah maksud inti pati yang perlu tercapai apabila pendekatan firasat digunakan dalam kajian sastera: maknanya perlu dianalisis dan ditemukan melalui penafsiran sifat-sifat zahir atau sistem tanda dan lambang yang dimiliki.”

Berdasarkan penjelasan yang dikemukakan oleh Hashim Awang, hubungan alam dan hasil sastera telah melahirkan Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat. Manakala perkaitan antara alam dengan hasil sastera serta fungsinya itu dapat dilihat dalam rajah 2.1 di bawah:



Rajah 2.1: Perkaitan Alam dengan Hasil Sastera serta Fungsinya.

S. Othman Kelantan (2002, p. 2) melihat Pengkaedahan Alamiah ini sebagai suatu pendekatan yang amat dekat dengan kosmologi Melayu dan Islam. Keakraban manusia Melayu dengan alam mewujudkan hubungan yang harmoni antara manusia Melayu dengan alam. S. Othman Kelantan (2002, p. 4) mengatakan bahawa hubungan yang harmoni antara alam dan manusia sebagai estetika Melayu, atau estetika orang Melayu secara alamiah, untuk menghubungkannya dengan praktik Pendekatan Alamiah. Menurut S. Othman Kelantan, estetika Melayu ini secara hakikatnya ada hubung kaitnya dengan etika atau akhlak atau moral. Dalam hal ini, beliau memaksudkan bahawa hubungan antara manusia Melayu dengan alam itu saling melingkungi dan mempengaruhi kehidupan, pemikiran dan kebudayaan mereka dan keindahan estetika itu wujud daripada keindahan etika juga. S. Othman Kelantan (2002, p. 4) menghuraikan bahawa sastera Melayu klasik seperti karya agung merupakan bahan sastera yang sesuai dikaji dengan menggunakan Pendekatan Alamiah. Menurut beliau:

“Sebab semua karya sastera Melayu, bermula dengan sastera rakyat sampai kepada sastera hikayat, sastera sejarah, sastera kreatif seperti novel, cerpen, sajak dan

drama, sama ada sebelum dan selepas perang, dan selepas kemerdekaan, membawa aspirasi kosmologi Melayu dalam budaya, lambang, tingkah laku, pemikiran dan cita rasa Melayu, yang oleh Hashim Awang dikatakan Melayu itu adalah bangsa besar, berdaulat bertamadun dan kreatif. Ia mencakupi nilai luaran dan dalaman, dan merangkumi secara tersurat dan yang tersirat, yang menunjukkan keagungan, kebolehan dan keupayaan pengarang Melayu merakamkan peristiwa dan kejadian dalam zamannya”.

Berdasarkan kenyataan tersebut, S. Othman Kelantan merumuskan bahawa semua hasil kesusasteraan Melayu sama ada klasik mahupun moden mempunyai ciri-ciri yang ada dalam prinsip Pendekatan Alamiah serta merangkumi ketiga-tiga pendekatan tersebut. Hal ini kerana, hasil kesusasteraan mengandungi aspek kosmologi yang menjadi lambang kepada pemikiran manusia Melayu dalam pelbagai aspek sehingga menjadikan manusia Melayu sebagai bangsa yang intelek. Selain itu, hasil kesusasteraan Melayu yang mempunyai aspek rohani (dalaman) dan aspek jasmani (luaran) menunjukkan bahawa kebolehan manusia Melayu menyampaikan maksud sesuatu melalui cara yang penuh berhemah. Hal inilah yang dimaksudkan oleh S. Othman Kelantan sebagai estetika Melayu yang wujud hasil daripada keindahan etika.

Suatu hal yang utama dan perlu sentiasa diingat ialah Teori Pengkaedahan Melayu ini sentiasa melihat sesebuah hasil sastera itu sebagai suatu yang mempunyai nilai pengajaran ataupun bersifat didaktik. Oleh sebab itu, teras kepada teori ini ialah kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan unsur-unsur ini ada dalam hasil sastera Melayu. Menurut Norhayati Ab. Rahman (2002, p. 2), dunia sastera Melayu amat memerlukan teori sendiri memandangkan pemakaian dan penerapannya adalah lebih tepat dan sesuai dengan corak hidup dan budaya Melayu dan juga sifat serta penciptaan kesusasteraan kita.

Norhayati Ab. Rahman (2002, p.10-11) turut mengatakan bahawa puisi-puisi Melayu amat relevan untuk dikaji dengan menggunakan Pendekatan Alamiah kerana puisi sebagai objek alam mempunyai sebab, hikmah dan fungsi yang tertentu. Penciptaannya juga boleh dilihat, dinilai dan dimanfaatkan oleh manusia. Hal ini dibuktikan oleh beliau dalam kertas kerjanya yang melihat puisi Melayu moden yang pertama, iaitu *Angan-angan dengan Gurindam* karya Omar Mustaffa (1913) yang memenuhi prinsip yang ada dalam Pengkaedahan Alamiah. Puisi ini mengandungi Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat. Sebagai puisi Melayu moden yang pertama dan sebagai objek ciptaan manusia, penghasilannya itu menyingkap tabir kehidupan dan memberi manfaat kepada khalayak melalui lambang-lambang yang wujud dalam puisi tersebut.

Secara keseluruhannya, Pengkaedahan Alamiah ini merupakan suatu pengkaedahan yang sangat mendalam prinsipnya terhadap kesusasteraan Melayu. Pengkaedahan ini melihat hubungan alam dan hasil sastera sebagai suatu ciptaan dan memainkan peranan yang sama terhadap manusia. Hashim Awang melihat bahawa hasil sastera itu bukan sahaja merupakan cerminan alam bahkan juga mempunyai fungsinya yang sama dengan alam ciptaan Allah.

2.3.4 Pengkaedahan Keagamaan

Teras kepada Teori Pengkaedahan Melayu salah satunya ialah teras ketakwaan. Apabila berbicara tentang ketakwaan, unsur keimanan menjadi salah satu daripada unsur yang membina ketakwaan tersebut. Unsur keimanan tersebut pula disokong oleh sifat-sifat mulia yang lain seperti mengajak manusia ke arah kebaikan, menegah manusia daripada melakukan perbuatan mungkar, dan yang paling utama ialah

sentiasa melakukan suruhan Allah SWT dan ajaran Nabi SAW serta tidak melakukan larangan-Nya. Hashim Awang (1989, p. 12) melihat Pendekatan Keagamaan sebagai pendekatan yang berdasarkan keimanan yang bersendikan aqidah agama Islam. Dalam hal ini, rujukan utama sudah tentulah al-Quran dan al-Hadis yang menjadi pegangan orang Islam. Dalam Surah al-Imran ayat 110, ada menyatakan tentang seruan terhadap manusia supaya melakukan kebaikan, maksudnya:

“Kamu (orang-orang Islam) adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia. Kamu menyeru mereka supaya melakukan kebaikan dan mencegah mereka daripada kemungkaran. Dan kamu beriman dengan Allah.”

Melalui pengkaedahan ini, tujuan utamanya adalah untuk menonjolkan ciri-ciri sastera sebagai suatu bahan dakwah kepada orang Islam dan juga bukan Islam. Selain itu, sastera juga dilihat sebagai suatu hasil ciptaan yang membongkar permasalahan yang ada dalam masyarakat dan menjadi punca kepada kepincangan dalam masyarakat yang hanya boleh dipulihkan melalui ilmu agama. Segala permasalahan tersebut disampaikan pula dengan cara yang berhemah dan mewujudkan keindahan dalam menyampaikan maksud tersebut. Semua perkara tersebut digolongkan oleh Hashim Awang melalui tiga pendekatan, iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni.

Pendekatan Dakwah bagi Hashim Awang (1989, p.13) ialah pendekatan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah; yang darinya para insan dapat mengenali dengan lebih dekat dan khusyuk sifat dan diri Tuhan yang demikian itu, sehingga timbulnya pertambahan dan peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan insan yang lebih besar dan murni terhadap-Nya. Dalam hal ini, Hashim Awang meletakkan hasil kesusasteraan itu sebagai ejen untuk menjadikan masyarakat meletakkan rasa kecintaan kepada Allah SWT melebihi rasa cinta kepada

makhluk lain. Hal ini perlu supaya hasil sastra tidak dianggap sebagai bahan hiburan yang melalaikan dan merosakkan manusia.

Pendekatan Kemasyarakatan pula menganggap sastra sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang berakarkan kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat, seperti yang dituntut oleh Islam (Hashim Awang, 1989, p. 14). Dalam sesebuah masyarakat, pelbagai kejahatan situasi yang wujud. Permasalahan seperti masalah sosial, kemungkaran, penipuan, pecah amanah dan pelbagai perkara negatif yang lain sentiasa berlaku. Oleh itu bagi mengatasi dan menyelesaikan perkara tersebut, ilmu agama perlu disebarluaskan kepada masyarakat. Oleh itu, karya sastra berperanan sebagai pembongkar perkara tersebut dan juga sebagai sesuatu yang mengajak masyarakat kembali kepada ajaran yang benar dan membentuk masyarakat yang lebih harmoni.

Dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat, perlu digunakan cara yang berhemah dan baik. Hal ini supaya maklumat yang ingin disampaikan itu baik dan tidak bertentangan dengan aqidah Islamiah. Hashim Awang (1989, p.15) meletakkan Pendekatan Seni dalam pengkaedahan ini untuk memaparkan keindahan dalam sastra sebagai persoalan pokok. Menurut beliau keindahan tersebut ditemukan dalam sastra menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya: bentuk harafiah dan dalamannya, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, atau pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasanya.

Norhayati Ab. Rahman (2002, p. 26) melihat pendekatan kemasyarakatan ini sangat relevan digunakan dalam kajian terhadap puisi-puisi yang terbit pada tahun 1950-an. Menurut beliau:

“Penubuhan Angkatan Sastera 50 (ASAS 50) yang membawa slogan “seni untuk Masyarakat” telah menyaksikan bagaimana bahasa dan kesusasteraan dijadikan sebagai alat perjuangan, iaitu bahawa bahasa dan kesusasteraan adalah alat untuk perpaduan kebangsaan dalam perjuangan kemerdekaan. Bahasa dan sastera juga dijadikan alat untuk memajukan fikiran rakyat sesuai dengan cita-cita keadilan masyarakat, kemakmuran, keamanan dan perdamaian hidup.”

Jumali Haji Selamat (2009, p. 35) yang menulis kertas kerja yang berjudul *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Novel Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah* mendapati bahawa Pendekatan Dakwah dalam Pengkaedahan Keagamaan ini melibatkan sepenuhnya aspek pendakwahan yang membawa ke arah kebaikan dan kemajuan yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia menjadi muslim yang berupaya memilih dan meletakkan diri sebagai insan bertakwa seiring dengan kehendak ajaran Islam.

Prinsip yang ada dalam Pendekatan Keagamaan yang dibawa oleh Hashim Awang ini sangat perlu diutamakan oleh para penghasil karya kerana mereka perlu tahu matlamat dalam menghasilkan karya. Dalam penghasilan karya, pengkarya bukan sahaja menterjemahkan perasaan mereka terhadap sesuatu perkara, bahkan juga sebagai ejen dalam menyeru masyarakat untuk melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang dilarang seperti yang dianjurkan dalam al-Quran dan Hadis. Seruan terhadap perkara yang mengajak ke arah kebaikan ini walaupun melalui tulisan akan mendapat ganjaran yang sewajarnya daripada Allah SWT. Surah al-Imran ayat 57 Allah berfirman, maksudnya:

“Adapun orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal soleh, maka Allah akan memberikan kepada mereka dengan sempurna pahala amalan-amalan mereka dan Allah tidak menyukai orang yang zalim.”

2.3.5 Pendekatan Firasat

Dalam Pengkaedahan Alamiah, Pendekatan Firasat merupakan salah satu daripada cabang yang mendukungi pengkaedahan ini. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan tentang asas kepada pendekatan ini dan akan disesuaikan dalam analisis kajian ini. Dalam Bab 1, penjelasan tentang konsep firasat telah dibincangkan berdasarkan beberapa pandangan. Dalam bahagian ini, akan dibincangkan pandangan tersebut sama ada selari ataupun tidak dengan Pendekatan Firasat yang dibawakan oleh Hashim Awang dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Menurut Hashim Awang (1992, p. 66), dalam konteks Pendekatan Firasat, karya sastera dimaknakan sebagai kejadian atau suatu peristiwa yang penuh dengan pengalaman hidup. Dalam menzahirkan pengalaman hidup tersebut, pengarang perlu mengadunkannya dengan kreativiti untuk melahirkan impak dramatis kepada sesuatu hasil karya tersebut. Hashim Awang juga menyamakan proses ini dengan proses mimpi. Menurut beliau:


“Ia menyamai seperti mimpi yang di dalamnya terkandung peristiwa dan pengalaman dramatis daripada pembentukan fantasi. Mimpi juga memiliki makna yang memerlukan menungan dan pemikiran mendalam untuk memahaminya.”

Dalam hal ini, Hashim Awang melihat bahawa karya sastera dan mimpi perlu melalui proses yang sama untuk memahami maksud yang terkandung di dalamnya. Bagi memahami maksud yang terkandung dalam karya sastera dan juga mimpi, penanda atau isyarat yang ada dalam karya sastera dan mimpi perlu ditafsirkan. Hashim Awang (1992, p. 67) menegaskan bahawa:

“Apabila karya sastra menyerupai mimpi, maka ia juga memiliki makna yang perlu ditakbirkan, atau ditafsirkan. Proses pentafsirannya sama seperti halnya dengan pentakbiran mimpi. Ia bermula dengan mengenali penanda atau isyarat yang terdapat di dalamnya. Maksud penanda itu pula perlu difahami, untuk mengetahui apakah petanda atau alamat yang berada di sebalik penanda tadi. Kemudian maksud atau petanda tersebut dikumpul atau seterusnya dibina suatu pengertian makna yang menyeluruh. Makna yang besar dan tepat terjelma setelah maksud-maksud kecil tercantum atau tergabung secara logik.”

Perkaitan antara mimpi dengan karya sastra seperti yang dimaksudkan oleh Hashim

Awang dimudahkan dengan rajah yang berikut:



Rajah 2.2: Perkaitan Antara Karya Sastra dengan Mimpi.

Dalam penegasan yang dibawa oleh Hashim Awang ini, perkataan penanda (tanda) dan makna (maksud) merupakan perkara yang perlu diambil perhatian dalam menerapkan Pendekatan Firasat. *Kitab Tajul Muluk* yang menjadi pegangan Teori Pengkaedahan Melayu memberikan 20 perkara yang dapat menjadi penanda untuk dicari maksudnya. Perkara-perkara itu antaranya ialah: cakerawala; manusia; perlakuan manusia; binatang berkaki empat; pohon, bukit dan rumah; pakaian; sumber air (sungai, laut dan telaga); unggas (burung); binatang di bumi; makanan dan minuman; bau-bauan; bakti kepada Tuhan; api; negeri, dusun, dan jalan raya; senjata; batu dan bumi; buah-buahan; bunyi-bunyian; alat menangkap burung dan ikan; najis (*Kitab Tajul Muluk*, Pulau Pinang, hlm. 74-85 dlm. Hashim Awang, 1992, p. 67).

Dalam hasil penciptaan karya, terdapat makna yang ingin disampaikan oleh pengarang atau penyampai. Makna yang ingin disampaikan tersebut merupakan struktur dalaman yang dijelmakannya melalui struktur luaran. Struktur dalaman merupakan makna tersirat yang disampaikan melalui penanda tersebut. Hashim Awang (1992, p. 67) menjelaskan bahawa penanda-penanda ini menjadi benteng antara yang tersurat dengan yang tersirat. Namun, sebenarnya apa yang dimaksudkan oleh beliau bukanlah benteng, lebih tepat lagi ialah penyambung antara makna yang tersirat dengan yang tersurat.

Apabila berbicara tentang maksud yang tersurat (struktur luaran) dan maksud yang tersirat (struktur dalaman), antara konsep-konsep lain yang melingkunginya termasuklah unsur metafora, unsur kiasan, tanda, unsur lambang, unsur simbol. Hassan Ahmad (2003, p. 2) melihat bahawa metafora bukan sekadar perhiasan bahasa atau bunga-bunga bahasa, atau penyelewengan daripada bahasa harfiah, tetapi mempunyai fungsi kognitif, iaitu untuk membentuk fikiran dan makna yang luar biasa, atau makna yang bersifat abstrak atau konseptual, bukan untuk bermain-main dengan kata-kata, tanpa melahirkan apa-apa konsep. *Kamus Kesusasteraan* (2015, p. 227) mentakrifkan metafora sebagai kiasan yang membandingkan secara tersirat dua objek yang berlainan melalui daya imaginasi sehingga melahirkan konotasi yang segar dan baharu.

Penggunaan metafora merupakan tanda kepada sesuatu keadaan yang lain. Dalam kajian ini, melalui pendekatan firasat, unsur-unsur alam merupakan sesuatu yang memberikan pengalaman kepada manusia yang melalui proses kehidupan bersama-sama alam. Apa yang dialami oleh mereka dalam alam kehidupan menjadi pengalaman hidup mereka dan mengungkapkannya dalam bentuk metafora.

Ungkapan yang lahir tersebut hadir dalam pelbagai bentuk pengucapan dan antaranya ialah peribahasa Melayu. Hal inilah yang dimaksudkan oleh Hashim Awang sebagai Pendekatan Firasat yang menyingkapkan dan membariskan pengalaman.

Dalam kajian ini, Pendekatan Firasat menjadi landasan kerana terdapat banyak unsur alam yang menjadi penanda dalam peribahasa Melayu. Dalam al-Quran juga telah dinyatakan dengan jelas perkaitan antara alam dan tanda-tanda yang terdapat di dalamnya. Dalam surah al-Jathiyah, ayat 3 Allah SWT berfirman, maksudnya: “Sesungguhnya pada langit dan bumi benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang mukmin.” Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa semua yang ada di bumi, berbentuk makhluk yang menakjubkan, dan kejadian luar biasa, serta perkara yang mengagumkan merupakan bukti kekuasaan Allah SWT yang sempurna dan bagi orang yang percaya kewujudan-Nya (*Tafsir Mubin*, 2009, p. 492).

Hubungan antara alam dengan hasil kesusasteraan juga sangat akrab, dan kesusasteraan dikatakan sebagai manifestasi manusia dan alam. Oleh itu, hubungan antara manusia, alam dan kesusasteraan sangat rapat kerana hubungan tersebut akhirnya akan melahirkan pengalaman. Sebagai pendekatan yang melihat hasil kesusasteraan itu umpama proses dalam mentakbir mimpi, Hashim Awang (1999, p.9) menggariskan bahawa kajian dalam pengaplikasian Pendekatan Firasat perlu melalui tatatingkat analisis yang berikut:

- (1) Sastera perlu dilihat sebagai memiliki sifat-sifat zahir dan batin, atau yang sering disebutkan sebagai yang tersurat dan yang tersirat. Sifat zahir (yang tersurat) menjadi sebagai **penanda**, atau dalam masyarakat Melayu

diistilahkan sebagai **alamat**, untuk mendapatkan makna yang tersirat atau **petandanya**.

- (2) Sastera dianggap sebagai wacana berlapis atau berkias yang memerlukan kerja-kerja penafsiran untuk menemukan makna atau isi dan tujuan sebenar yang mahu disampaikan oleh pengarangnya.
- (3) Dalam sastera terkandung makna atau isi yang tersembunyi; makna dan isinya perlu dianalisis serta ditemukan melalui penafsiran sifat-sifat luarannya, atau melalui sistem tanda dan lambang yang ternukil.
- (4) Sastera dalam konteks ini juga harus dilihat dan dikaji sebagai pembentukan wacana yang berpengalaman.

Dalam kajian ini, empat tatatingkat analisis ini akan menjadi pegangan dalam melihat unsur alam yang menjadi tanda dalam peribahasa Melayu dan menghuraikannya dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini menganalisis unsur-unsur luaran yang terzahir dalam peribahasa terlebih dahulu dan menganalisis unsur dalamnya dengan melakukan kerja-kerja pentafsiran untuk melihat makna yang ingin disampaikan melalui peribahasa tersebut. Dalam hal ini, tanda-tanda tersebut akan dikenal pasti dan menyingkapkan maknanya bagi menunjukkan bahawa peribahasa Melayu merupakan sebuah wacana yang merupakan hasil pengalaman masyarakat Melayu yang perlu dijadikan pengajaran dan iktibar kepada orang Melayu sehingga zaman-berzaman. Secara ringkasnya, kajian ini boleh digambarkan melalui rajah berikut:

Peribahasa :Baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang (BD219).

Langkah 1: Mengenal pasti tanda dalam peribahasa → PADI sebagai tanda pembinaan akhlak.

Langkah 2 : Pentafsiran tanda → sifat padi yang menunduk apabila berisi.

Langkah 3 : Analisis makna → sifat padi yang menunduk apabila berisi melambangkan sifat rendah hati, tidak sombong.

Rajah 2.3: Proses Menganalisis Berdasarkan Pendekatan Firasat.

Berdasarkan rajah, kajian ini akan melakukan tiga langkah seperti yang digambarkan dalam rajah di atas. Langkah 1 merupakan pengenalpastian tanda yang digunakan dalam peribahasa. Dalam kajian ini, tanda yang dipilih ialah padi dan air. Contoh peribahasa yang dipilih ialah **baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang (BD219)**. Padi merupakan tanda dalam peribahasa ini. Padi dalam peribahasa ini ialah sebagai tanda bagi membina akhlak individu dalam masyarakat. Kemudian, proses pentafsiran dilakukan bagi melihat makna padi dalam peribahasa tersebut, iaitu dengan melihat sifat padi sebagai tumbuh-tumbuhan yang


akan menunduk apabila buahnya semakin berisi dan masak, iaitu sebagai gambaran kepada manusia. Pentafsiran ini juga dilakukan dengan membuat perbandingan antara padi dengan lalang yang merupakan sejenis tumbuh-tumbuhan yang sentiasa menegak walaupun tidak ada isi dan sifat padi itu yang boleh membina akhlak manusia.

Berdasarkan pentafsiran tersebut, langkah seterusnya dibuat, iaitu menganalisis makna tersebut dengan mengaitkannya dengan sifat manusia yang perlu ada, iaitu sentiasa rendah hati dan tidak sombong walaupun mempunyai ilmu, kekayaan dan kedudukan. Akhirnya, daripada peribahasa tersebut, kajian ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu dibentuk berdasarkan hasil kesusasteraan mereka yang merupakan gambaran daripada alam dan pengalaman mereka yang sangat akrab dengan alam sekeliling mereka. Oleh itu, penjelasan tentang Pendekatan Firasat dalam bahagian ini membuktikan bahawa konsep firasat yang dibawa oleh Hashim Awang adalah tentang perkaitan tanda dan makna dan berbeza dengan konsep firasat yang lazimnya dalam masyarakat Melayu, iaitu “gerak hati” atau “gerak rasa”. Walau bagaimanapun, “gerak hati” atau “gerak rasa” tersebut akan wujud berdasarkan isyarat yang berlaku di sekeliling masyarakat Melayu.

Seterusnya kajian yang menggunakan Pendekatan Firasat, akan dibincangkan berdasarkan beberapa kategori, iaitu dengan melihat padi dan air sebagai tanda dalam peribahasa Melayu. Dalam perbincangan padi sebagai tanda dalam peribahasa Melayu, analisis dibuat dengan membahagikannya kepada beberapa kategori, iaitu padi sebagai tanda hubungan kekeluargaan dan persaudaraan, tanda pembinaan akhlak yang baik, dan tanda sumber rezeki. Manakala perbincangan air sebagai tanda dalam peribahasa Melayu pula dipecahkan kepada beberapa kategori iaitu, air

sebagai tanda pendidikan, dan air sebagai tanda persaudaraan dan perdamaian. Kesemua kategori tersebut memperlihatkan bahawa kajian unsur padi dan air dalam masyarakat Melayu berdasarkan Pendekatan Firasat ini membuktikan bahawa terdapat hubungan antara nilai Islam dengan nilai-nilai tempatan Melayu.

Berdasarkan huraian tentang paksi Teori Pengkaedahan Melayu serta dua pengkaedahan yang menyokongnya, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan serta pendekatan yang melengkapkan lagi Pengkaedahan tersebut, secara ringkasnya dapat digambarkan dalam rajah berikut:



Rajah 2.4: Teori Pengkaedahan Melayu.

2.4 Rumusan

Teori Pengkaedahan Melayu seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian awal Bab ini merupakan suatu teori yang tercipta berdasarkan acuan dan corak kebudayaan bangsa Melayu. Sebagai suatu teori yang berakarakan kebudayaan Melayu, maka terasnya tidak boleh lari daripada unsur keagamaan. Oleh itu, teras kepada teori ini ialah ketakwaan, kebajikan dan ketatasusilaan. Puncak kepada teori ini ialah al-Quran dan Hadis yang menjadi pegangan umat Islam. Perkara inilah yang menjadi paksi yang mendukung teori ini. Apatah lagi hasil kesusasteraan perlulah menjadi sesuatu yang dapat dijadikan pegangan, didikan dan iktibar kepada masyarakat.

Teori Pengkaedahan Melayu ini dikukuhkan lagi dengan dua pengkaedahan yang merupakan prinsip asas dalam teori ini, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Prinsip inilah yang mendasari teori ini kerana Hashim Awang melihat bahawa kesusasteraan tidak lari daripada unsur alam. Manakala unsur keagamaan dalam sesebuah karya pula menjadikannya sebagai sesuatu yang boleh dijadikan pedoman untuk pembaca.

Suatu perkara yang penting dalam Teori Pengkaedahan Melayu ini ialah pendekatan-pendekatan yang menyokong setiap pengkaedahan ini. Kaedah ini dimaksudkan sebagai cara menilai sastera dengan menerapkan pendekatan yang berteraskan keimanan dan bersendikan akidah Islam. Pendekatan tersebut bukan sahaja sebagai perencah yang menjadi pelengkap kepada pengkaedahan tersebut,

tetapi juga sebagai sesuatu yang menjadi garis panduan kepada pengkarya untuk melahirkan sebuah karya yang boleh dijadikan pedoman kepada masyarakat.

Hal ini kerana teori ini merupakan acuan kepada kebudayaan dan bangsa Melayu, oleh itu sebagai pengkarya yang ingin melahirkan karya yang murni sifatnya, prinsip-prinsip yang ada dalam teori ini boleh dijadikan panduan. Oleh itu, untuk membuat analisis tentang peribahasa yang merupakan hasil kesusasteraan orang Melayu, Teori Pengkaedahan Melayu ini sesuai digunakan.

University of Malaya

BAB 3: PADI SEBAGAI TANDA DALAM PERIBAHASA MELAYU

3.1 Pendahuluan

Dalam Bab 3 ini, perbincangan menjurus kepada unsur padi sebagai tanda yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Unsur padi yang dipilih ialah yang memberikan tanda-tanda tertentu dan mencapai matlamat yang ada dalam teori Pengkaedahan Melayu, iaitu paksi kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan. Analisis dalam bahagian ini membincangkan unsur padi dalam peribahasa Melayu menjadi tanda hubungan kekeluargaan dan persaudaraan (silaturahim), padi sebagai tanda pembinaan akhlak dan padi sebagai tanda sumber rezeki. Unsur-unsur lain yang berkaitan padi juga dimasukkan dan penjelasan lanjut tentang hal ini terdapat dalam bahagian ini.

Dalam penghasilan sastera tradisional, padi selalunya menjadi subjek utama. Dalam pantun misalnya, padi sering menjadi pembayang sebagai gambaran awal maksud yang ingin disampaikan. Sebagai contoh:

Di sana padi di sini padi,
Padi huma dari seberang;
Di sana budi di sini budi,
Barulah nama dikenang orang.

(Nik Safiah Karim & Siti Aishah Ali, 1993, p. 246)

Padi turut dijadikan sebagai pemaksud dalam pantun, antaranya dalam pantun di bawah:

Kalau tuan pergi menyambut,
Belikan saya sehelai kain;
Sayang padi buangkan rumput,
Jangan ingat pada yang lain.

(Nik Safiah Karim & Siti Aishah Ali, 1993, p. 249)

Menurut Nik Safiah Karim (1993, p. iii), kata-kata hikmat dan ungkapan ungkapan peribahasa juga kerap berasaskan dunia pertanian padi yang menunjukkan bagaimana persepsi dan falsafah masyarakat Melayu dibentuk oleh kegiatan ini. Dalam peribahasa Melayu, peribahasa „harapkan pagar-pegar makan padi“ sangat masyhur dalam kalangan masyarakat kerana membawa maksud yang sangat mendalam. Bahkan polemik tentang keaslian peribahasa ini dipertikaikan oleh sesetengah pihak kerana ada kemungkinan kesilapan transliterasi perkataan daripada huruf Jawi kepada Rumi. Perkataan „pagar“ dalam peribahasa tersebut dikatakan sebenarnya ialah perkataan „pegar“ iaitu sejenis burung yang memakan padi. Dalam keadaan ini, masyarakat seharusnya melihat sifat peribahasa itu sendiri seperti yang dikatakan oleh Za“ba (1965) bahawa salah satu sifatnya ialah dipertuturkan dahulu dan penyebarannya adalah secara lisan dan diterima dalam masyarakat tersebut berdasarkan pertuturan mereka seharian. Bahkan peribahasa juga sifatnya mempunyai lapisan makna dalaman. Oleh itu dalam hal ini, para pengumpul peribahasa tersebut berkemungkinan telah mendengar sendiri peribahasa tersebut dan mencatatkannya. Perkataan pagar dalam peribahasa tersebut mempunyai lapisan makna yang kedua, iaitu sebagai sesuatu yang melindungi.

Tanaman padi sangat penting dalam masyarakat Melayu. Kisah padi di Bukit Siguntang Mahameru merupakan kisah yang sangat rapat dengan masyarakat Melayu. Melalui kisah inilah bermulanya pemerintahan raja-raja Melayu. Dalam Sulalat al-Salatin (1997) diceritakan bahawa tanaman padi yang diusahakan oleh dua orang perempuan, iaitu Uwan Empuk dan Uwan Malini sangat luas humanya,

diperikan oleh pengarangnya sebagai “terlalulah luas humanya, syahadan terlalu jadilah padinya”. Kehadiran tiga orang pemuda yang merupakan keturunan Raja Iskandar Zulkarnain membawa kemakmuran lagi terhadap bumi Palembang itu sehinggakan padi Bukit Seguntang itu “berbuahkan emas, berdaunkan perak dan berbatangkan suasa”.

Dalam kisah ini, diberikan gambaran bahawa padi merupakan suatu unsur yang sangat berharga kepada masyarakat Melayu dan menjadi punca rezeki kepada masyarakat Melayu. Apabila turunnya anak raja tersebut, padi tadi disimbolikan lagi dengan emas, perak dan suasa yang merupakan sesuatu yang amat berharga, dan menunjukkan bahawa keturunan raja-raja Melayu ini adalah keturunan yang mulia. Bahkan tanah bukit tersebut juga dikatakan menjadi emas dan padi yang dituai oleh Uwan Empuk dan Uwan Malini menjadikan mereka bertambah kaya. Demang Lebar Daun, raja Palembang turut menumpang tuah anak raja tersebut dan mengahwinkan anaknya dengan salah seorang anak raja tersebut dan berlakulah perjanjian antara raja dan rakyat, iaitu wa[‘]ad.

Dalam masyarakat Melayu yang kegiatan asalnya ialah pertanian, aktiviti bersawah menjadi darah daging mereka. Menurut Nik Safiah Karim & Siti Aishah Ali (1993, p. 245):

“Tidak dapat dinafikan betapa pentingnya padi dalam masyarakat Melayu dahulu, kini dan akan datang. Padi dalam berbagai-bagai bentuk merupakan makanan utama orang Melayu. Sebelum wujud kegiatan-kegiatan ekonomi moden, masyarakat Melayu bergantung pada pertanian padi dengan kegiatan-kegiatan sampingan seperti berkebun dan menangkap ikan. Seluruh kehidupan mereka berkisar di sekitar dunia penanaman padi dan hasil-hasil yang berkaitan seperti beras, pulut dan penyediaan pelbagai jenis makanan. Maka tidak hairanlah sekiranya padi menjadi satu unsur yang kerap kali muncul dalam pengkaryaan orang-orang Melayu”.

Berdasarkan pendapat ini menunjukkan bahawa padi dalam masyarakat Melayu fungsinya sangat besar kerana daripada tanaman padilah terhasilnya beras dan beras pulut, serta pelbagai jenis padi seperti padi huma, padi bukit dan muncul juga antah, hampa, sekam serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan seperti menuai, menugal, menumbuk. Bahkan peralatan yang berkaitan aktiviti ini juga akrab dengan masyarakat Melayu seperti tampi, ketam, beliung, lesung, nyiru dan lain-lain lagi. Daripada kegiatan penanaman padi juga melahirkan perbendaharaan kata bahasa Melayu. Menurut Nik Safiah Karim (1993, p. iii):

“Dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu, amat banyak perkataan yang merujuk kegiatan dan unsur-unsur yang berkaitan dengan pertanian padi. Daripada tahap persediaan awal (benih padi, tapak semaian, anak benih) kepada peringkat-peringkat tertentu dalam penanaman padi (menyemai, menugal, menanam, merumput, menajak, menuai), kepada jenis-jenis hasil yang diperolehi (padi, pulut, emping, beras, melukut, antah, nasi) dan alat-alat yang digunakan (cangkul, tajak, tuai, lesung, gantang), terdapat puluhan perkataan dalam khazanah bahasa Melayu yang melambangkan keamatan dunia pertanian padi dengan masyarakat Melayu.”

Dalam masyarakat Melayu moden, pokok padi dianggap sebagai sesuatu yang hanya menghasilkan beras sebagai makanan ruji masyarakat tanpa melihat peranan dan fungsinya yang lebih besar. Falsafah dalam proses penghasilan padi, beras dan sehingga menjadi nasi tidak dihayati oleh masyarakat. Berbeza dengan masyarakat Melayu tradisi yang menganggap bahawa padi sebagai sesuatu yang sangat bermakna dalam masyarakat. Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (1992, p. 1) menjelaskan lagi bahawa:

“Berasaskan kepada kegiatan menanam padi, penghidupan orang Melayu berkisar kepada perlakuan-perlakuan yang berkaitan dengannya. Padi mempengaruhi pemikiran dan perlakuan mereka dan seterusnya memainkan peranan penting dalam membina tradisi yang kukuh.”

Penjelasan oleh Wan Abdul Kadir menunjukkan bahawa unsur padi dalam masyarakat Melayu mampu membina intelektual masyarakat dalam pelbagai sudut berdasarkan lingkungan yang mempengaruhi padi. Sebagai contoh, sifat-sifat tumbuhan padi itu sendiri seperti menunduk apabila buahnya sudah masak, antah yang kualitasnya tidak bagus dalam beras, serta perbandingan pokok padi dengan lalang atau jagung, dan peralatan yang selalu dikaitkan dengan penanaman padi. Semua ini menjadi bahan pemikiran orang Melayu dan dikaitkan dengan kehidupan mereka.

Kajian selanjutnya dalam Bab 3 ini akan membincangkan padi sebagai tanda dalam peribahasa dengan melihat unsur padi sebagai tanda hubungan kekeluargaan dan persaudaraan (silaturahim), padi sebagai tanda pembinaan akhlak dan padi sebagai tanda sumber rezeki. Ketiga-tiga tanda ini dipilih kerana melihat bahawa dalam peribahasa Melayu, unsur padi banyak digunakan oleh masyarakat Melayu untuk memberi kiasan dalam ketiga-tiga perkara tersebut. Suatu hal yang sangat penting dalam perbincangan ini ialah perbincangan akan mengaitkan dengan paksi dalam Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu kebajikan, ketakwaan, dan kesusilaan. Hal ini kerana matlamat akhirnya adalah untuk melihat bahawa peribahasa Melayu merupakan suatu wahana yang dapat mendidik masyarakat.

Dalam analisis ini juga, unsur-unsur lain yang berkaitan dengan padi juga akan dimasukkan bagi memantapkan hujah. Unsur-unsur lain tersebut ialah seperti sawah, beras, hampa, sekam, nasi, antah, lesung dan beberapa unsur lain lagi yang ada kaitan dengan perbincangan. Unsur-unsur ini dimasukkan adalah untuk menunjukkan bahawa padi sebagai unsur alam mempunyai perkaitan yang sangat luas dengan unsur-unsur lain dan perlu dilihat keseluruhan penggunaannya dalam peribahasa.

Selain itu, secara tidak langsung dapat menunjukkan ketajaman fikiran orang Melayu bahawa sesuatu unsur alam itu tidak dilihat secara bersendirian sahaja tetapi juga melihat unsur-unsur lain yang ada perkaitan dengannya. Hal ini seperti yang dikatakan oleh Tenas Effendy (2003, p. 3) bahawa:

“melalui kearifan yang luar biasa, serta penghayatan yang mendalam terhadap simbol-simbol alam, terhadap perilaku dan sifat alam, orang Melayu berusaha memadukannya menjadi peribahasa yang bernas serta sarat dengan nilai-nilai mulia sebagai media tunjuk ajar, petuah amanah nilai-nilai asas Melayu.”

Dalam bahagian ini perbincangan akan melihat bahawa padi yang ada dalam peribahasa sebagai tanda untuk mengajak manusia ke arah kebaikan. Unsur kebaikan yang dilihat ialah mengajak ke arah hubungan kekeluargaan dan persaudaraan yang harmoni, menggalakkan masyarakat untuk membina akhlak yang baik serta mendidik masyarakat untuk berusaha dengan gigih bagi mendapat sumber rezeki yang baik. Ketiga-tiga tanda ini dipilih kerana unsur padi yang ada dalam peribahasa banyak digunakan untuk mengajak masyarakat melaksanakan perkara tersebut. Tambahan pula pembinaan masyarakat bermula daripada hubungan yang baik dalam lingkungan keluarga, iaitu hubungan antara suami isteri, hubungan antara ibu bapa dengan anak serta hubungan antara mereka yang mempunyai tali persaudaraan. Hubungan dalam lingkungan keluarga tersebut pula perlu dikukuhkan dengan akhlak yang baik dan usaha yang gigih untuk mengukuhkan ekonomi keluarga. Berikut ialah perbincangan yang lebih khusus tentang padi sebagai tanda yang telah dijelaskan sebelum ini.

3.2 Padi Sebagai Tanda Hubungan Kekeluargaan dan Persaudaraan (Silaturahmi)

Dalam membina sesebuah masyarakat, hubungan kekeluargaan sangat penting kerana daripada keluarga yang baiklah akan membentuk masyarakat yang baik dan harmoni.

Masyarakat Melayu tradisi amat menitikberatkan hubungan sesama mereka, hubungan kekeluargaan ini bukan sahaja dalam kalangan mereka yang mempunyai pertalian darah dengan mereka, bahkan juga dalam kalangan masyarakat yang hidup di sekeliling mereka. Pentingnya menjaga hubungan persaudaraan dalam Islam ditegaskan oleh Allah SWT apabila berfirman bahawa orang yang menjaga hubungan persaudaraan itu ialah orang yang beriman. Dalam surah al-Hujurat ayat 10 Allah berfirman yang bermaksud:

“Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah SWT supaya kamu beroleh rahmat”.

Hubungan kekeluargaan dan persaudaraan ini sangat penting bagi masyarakat Melayu bagi menjamin keutuhan mereka dalam masyarakat dan menimbulkan suasana kemesraan dalam masyarakat. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Zainudin Hashim (2008, p. 26), “persaudaraan itu menjadikan orang mukmin bertambah teguh dan kuat, persaudaraan itu menimbulkan suasana kemesraan di kalangan masyarakat.”

3.2.1 Ikatan Hubungan Kekeluargaan

Dalam masyarakat Melayu, penanaman padi menjadi unsur yang mengikat hubungan kekeluargaan. Padi sebagai sumber tanaman makanan utama masyarakat Melayu menjadi sesuatu yang mengikat hubungan sesama ahli keluarga dan juga sesama anggota masyarakat. Wan Abdul Kadir (1992, p. 9) menyokong hujah ini dengan menyatakan bahawa “kegiatan menanam padi sebagai usaha yang menentukan penghidupan orang Melayu masa lalu amat mempengaruhi pembinaan ikatan kekeluargaan yang erat”.

Dalam kajian ini, hubungan kekeluargaan dan persaudaraan bukan sahaja ditandakan dengan tumbuhan padi itu, tetapi juga ditandakan dengan unsur lain yang berkaitan dengan tanaman padi. Oleh sebab itu dalam kajian ini, peribahasa yang dipilih bukan sahaja yang ada menyebut tentang padi, bahkan juga perkara lain yang berkaitan dengan padi seperti antan, lesung, antah, bernas dan sebagainya bagi menyokong kajian ini. Dalam peribahasa **padi setangkai bernas semuanya (BD 1910)**, padi menjadi tanda kepada sebuah keluarga yang hidup bahagia dan beruntung. Dalam hal ini, bernas yang dimaksudkan ialah berisi penuh (*Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005, p.146*) dan seterusnya memberi keuntungan yang banyak kepada penanamnya. Perkara ini jika dikaitkan dengan sistem kekeluargaan, sudah tentulah berhubung kait dengan isi keluarga tersebut, iaitu suami dan isteri yang hidup bahagia dan dikelilingi oleh anak-anak yang baik dan memberi manfaat kepada keluarga. Dalam hal ini, sekiranya ada anak yang tidak memberi kebaikan kepada keluarganya, ibu dan bapa perlu menyedari hakikat bahawa **tak ada padi yang bernas setangkai (BD2277)** kerana tidak ada sesuatu perkara atau manusia yang benar-benar sempurna (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 540). Melalui kedua-dua peribahasa ini, para bijaksana Melayu dahulu mendidik anggota masyarakatnya tentang nilai bersyukur, serta sentiasa menghargai ahli keluarganya dalam apa jua keadaan. Orang Melayu dahulu juga tidak menggalakkan perlakuan seperti apa yang dikatakan melalui peribahasa **yang hampa biar terbang, yang bernas biar tinggal (PT953)**, iaitu buang yang tidak berguna dan ambil yang baik (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 953). Hal ini kerana ditakuti bahawa anak atau ahli keluarga yang disisihkan akibat kekurangannya itu akan membawa kebaikan kepada keluarga tersebut kemudian hari. Didikan seperti ini telah dinyatakan dalam al-Quran melalui

surah al-Baqarah, ayat 216, Allah SWT berfirman, maksudnya: “Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu dan boleh jadi pula kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu, Allah mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui”.

3.2.2 Peranan Ketua Keluarga dan Pemimpin Masyarakat

Dalam pembentukan sesebuah keluarga atau masyarakat, peranan seorang suami dalam sesebuah keluarga dan pemimpin masyarakat sangat penting kerana keluarga dan masyarakat yang harmoni dipimpin oleh seorang suami dan ketua yang baik. Peribahasa **sebuah lesung seekor ayam jantannya (BD 2114)** memberi gambaran terhadap keadaan tersebut. Dalam peribahasa ini, lesung merupakan alat untuk menumbuk padi dan kelazimannya ayam akan berkeliaran di sekeliling lesung tersebut untuk mendapat limpahan padi atau beras yang terkeluar daripada lesung. Dalam keadaan seperti itu sudah tentulah ada perebutan dan ada pihak yang menguasai. Biasanya ayam jantan terkenal dengan sikapnya yang menunjukkan kekuasaan dan menguasai sesuatu situasi. Oleh itu dalam hal ini, ayam jantan diibaratkan sebagai ketua dalam situasi tersebut. Sebagai seorang ketua, nilai yang perlu ada dalam dirinya ialah rasional, bijaksana dan mempunyai integriti supaya menjadi pemimpin yang baik (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p.518). Nilai inilah yang sebenarnya ingin diajar oleh masyarakat Melayu kepada anggota masyarakatnya, terutamanya kepada orang lelaki yang menjadi ketua keluarga.

Dalam hal kekeluargaan ini, dalam soal untuk melakukan kebajikan kepada ahli keluarga, suami sebagai ketua rumah tangga juga perlulah mempunyai sikap yang jujur dan memberikan kasih sayang sepenuhnya terhadap ahli keluarganya. Peranan

seorang lelaki yang menjadi suami dan bapa sangat berat dalam menentukan arah masa depan keluarganya. Beratnya peranan seorang lelaki sebagai suami dan bapa ini diriwayatkan dalam sebuah hadis Rasulullah SAW oleh Imam Ahmad daripada ibn Umar (2008,p. 10), maksudnya:

“Tiga golongan yang diharamkan Allah SWT untuk memasuki syurga-Nya; peminum arak; anak yang derhaka terhadap kedua-dua ibu bapanya; seorang lelaki yang dayus yang membiarkan ahli keluarganya melakukan kejahatan (yang bercanggah dengan hukum Allah SWT).

Dalam peribahasa **jikalau kasihkan padi, buanglah rumput (BD1070)** memberi makna bahawa jika kasihkan anak isteri (keluarga) berhentilah daripada mengasihi orang lain (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 385). Padi dalam peribahasa ini ditandakan sebagai ahli keluarga, iaitu anak dan isteri manakala „orang lain“ itu ditandai dengan perkataan rumput. Padi dan rumput dalam peribahasa ini merupakan perbandingan yang sangat besar jurangnya kerana fungsi kedua-dua unsur alam ini sangat berbeza. Padi dalam masyarakat Melayu sangat berharga dan menjadi sumber rezeki dalam masyarakat Melayu tradisional, iaitu sebagai sumber makanan utama kepada penduduk di rantau ini (Wan Abdul Kadir Wan Yusuf, 1992, p. 1). Nilainya dalam peribahasa ini sama dengan ahli keluarga bagi seorang lelaki. Rumput pula hanya tumbuhan melata di bumi yang menjadi makanan haiwan seperti kambing dan rumput (*Kamus Dewan* Edisi Keempat, 2006, p. 1353). Impak peribahasa ini sangat besar dalam hal kekeluargaan kerana peribahasa ini mendidik seorang lelaki supaya menjadi seorang suami dan bapa yang baik kepada ahli keluarganya. Seorang lelaki yang gagal menjalankan tanggungjawabnya dengan baik terhadap isteri dan anak-anaknya dengan melakukan kecurangan akan meruntuhkan nilai kekeluargaan dan seterusnya memincangkan sesebuah masyarakat. Ciri-ciri yang ada pada seorang bapa antaranya ialah menunjukkan akhlak dan contoh teladan yang baik terhadap isteri dan anak-anak,

serta mengasihi isteri dan anak-anak sama rata mengikut garis panduan agama (Zainudin Hashim, 2008, p. 20-21). Oleh itu, peribahasa ini mendidik orang lelaki supaya tidak melakukan kecurangan dengan mengasihi orang lain sehingga boleh merosakkan keluarganya dan nilai yang utama dalam peribahasa ini ialah kejujuran.

3.2.3 Ikatan Hubungan dalam Masyarakat

Dalam membincangkan hal kekeluargaan dan persaudaraan, masyarakat Melayu tradisional biasanya akan membuat suatu mekanisme bagi menjamin ikatan yang kukuh terutamanya dalam kalangan mereka yang ada hubungan pertalian darah. Hal ini biasanya berlaku dalam kalangan orang yang berada. Ikatan tersebut biasanya dikukuhkan lagi dengan mekanisme ikatan perkahwinan dalam kalangan sesama saudara. Peribahasa **padi dikebat dengan daunnya (BD1906)** membawa maksud anak dikahwinkan dengan anak saudara sendiri (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 491). Padi yang diikat dalam peribahasa ini sebagai tanda ikatan kekeluargaan yang diertatkan lagi dengan tali perkahwinan supaya nasab keturunan dan harta sesebuah keluarga itu terpelihara. Dalam hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu yang mengamalkan ajaran Islam ini cukup menjaga hal keturunan bagi anak-anak mereka supaya tidak berkahwin dengan orang yang tidak baik. Hal ini bertujuan untuk memperkasakan silaturahim (Zainudin Hashim, 1998, p. 37). Dalam al-Quran surah al-Anfal ayat ke 75, Allah SWT berfirman:

“Orang yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesama mereka daripada yang bukan kerabat”

Dalam ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa kaum kerabat berhak untuk mendapatkan segala-galanya seperti kasih sayang, perhatian, pertolongan dan

penghormatan, selagi ia masih dalam ruang lingkup yang dibenarkan Islam (1998, p. 37).

Padi yang diikat dalam peribahasa ini juga menjadi tanda bahwa ahli dalam sesuatu keluarga yang saling menyokong antara satu sama lain. Dalam sesebuah keluarga, prinsip saling membantu dalam pelbagai aspek sangat penting supaya keutuhan sesebuah keturunan itu dapat diteruskan. Dalam ajaran Islam hal ini turut dititikberatkan. Dalam surah an-Nisa, ayat 1 Allah berfirman, maksudnya:

“Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam), dan Allah menciptakan pasangannya (Hawa) dari dirinya; dan lalu dari keduanya Allah mengembangbiakkan lelaki dan perempuan yang banyak. Bertakwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta, dan (peliharalah) hubungan kekeluargaan. Sesungguhnya Allah menjaga dan mengawasimu.”

Ayat ini menyuruh manusia agar berbuat kebajikan terhadap ahli keluarga yang mempunyai pertalian sama ada melalui ikatan perkahwinan ataupun pertalian darah. Zainudin Hashim (2008, p. 25) menjelaskan bahawa anggota masyarakat yang perlu diberi perhatian ialah golongan kaum kerabat terdekat atau saudara yang mempunyai pertalian darah dengan kita. Pendapat beliau ini dikukuhkan lagi dengan ayat al-Quran, iaitu dalam surah ar-Rum, ayat 38, yang bermaksud:

“Maka berikanlah haknya kepada kerabat dekat, juga kepada orang miskin dan orang yang dalam perjalanan. Itulah yang lebih baik bagi orang yang mencari keredaan Allah. Dan mereka itulah orang yang beruntung”.

Namun, Islam turut menggariskan batasan dalam hubungan kekeluargaan ini supaya tidak berlebih-lebihan sehingga mengabaikan kewajipan terhadap agama seperti dalam surah at-Taubah, ayat 24 yang bermaksud:

“Katakanlah: Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri kamu, keluarga-keluarga kamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatirkan kerugiannya dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai adalah kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan daripada berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang fasik.

Kepentingan dalam menjaga hubungan kekeluargaan antara mereka yang ada hubungan darah ini dan faktor untuk menjaga nasab dan harta perlu juga mengambil kira akan kewajipan untuk menolong orang lain yang memerlukan. Masyarakat Melayu tradisional melihat bahawa bagi mengukuhkan sesebuah masyarakat, perlu ada semangat bermasyarakat, iaitu dengan menghulurkan pertolongan. Hal ini digambarkan dalam peribahasa **bersisih antah dengan beras (BD411)** yang memberi maksud bahawa tersisih orang miskin dengan orang kaya (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 303). Antah dan beras dalam peribahasa ini ialah tanda kepada orang miskin dan kaya. Peribahasa ini mendidik masyarakat supaya ada nilai kemasyarakatan dalam hubungan sesama anggotanya. Masyarakat Melayu turut menasihati masyarakatnya supaya mempunyai nilai kesederhanaan dan saling menghormati dalam perhubungan sesama anggota masyarakatnya supaya tidak menjadi seperti apa yang dimaksudkan dalam peribahasa **antah berkumpul sama antah, beras berkumpul sama beras (PT44)** yang menggambarkan bahawa terdapat orang yang selalu mencari orang yang sama darjat dengannya (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 582). Ajaran Islam mengajar bahawa manusia sama sahaja yang membezakan antara manusia itu ialah ketakwaan. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat, ayat 13, maksudnya:

“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan

bersuku-suku agar kamu saling mengenali. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.”

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, Allah SWT tidak membeza-bezakan makhluk-Nya kecuali dengan ketakwaan mereka.

3.2.4 Pertelingkahan dan Pengawalan Terhadap Pertelingkahan

Dalam hal kekeluargaan ini, perlakuan saling berselisih faham dan berlainan pendapat sudah pasti ada. Hal ini dibuktikan dalam peribahasa **bertelingkah bagai antan di lesung (PM278)** dan peribahasa **bertelingkah antan di lesung ayam juga yang kenyang (BD429)**. Antan dan lesung merupakan unsur yang sangat penting dalam proses penghasilan beras daripada padi. Kedua-dua objek ini menjadi tanda bahawa dalam proses mengukuhkan hubungan persaudaraan, sudah pasti ada pertelingkahan. Namun begitu, pertelingkahan tersebut perlu dilihat dari sudut yang positif kerana untuk menghasilkan sesuatu yang baik, perbezaan pendapat perlu ada tetapi perlu ditangani dengan baik. Hal ini supaya tidak ada pihak ketiga yang mendapat keuntungan akibat pertelingkahan yang tidak dikawal dengan sempurna seperti yang digambarkan dalam peribahasa **bertelingkah antan di lesung ayam juga yang kenyang (BD429)**. Dalam peribahasa ini, perselisihan faham antara saudara akan memberi peluang kepada orang lain untuk mengambil kesempatan (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 305). Apabila berlaku seperti ini, anggota masyarakat perlu bijaksana menanganinya dan perdamaian perlu dilakukan seperti yang diajarkan kepada masyarakat melalui peribahasa **bermimpi mendapat emas, takkan membuat pura; bermimpi mendapat padi, takkan membuat lambung (PT134)**. Dalam peribahasa ini, semangat bermasyarakat sangat ditekankan sehingga sebarang perselisihan itu

dianggap sebagai sesuatu yang tidak wujud dan mudah dilupakan (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 595).

Bagi memudahkan perbincangan, padi sebagai tanda hubungan kekeluargaan dan persaudaraan digambarkan dalam rajah di bawah.

| Padi sebagai Tanda Hubungan Kekeluargaan dan Persaudaraan | | | |
|---|--|----------------------------------|---|
| Ikatan Hubungan Kekeluargaan | Peranan Ketua Keluarga dan Pemimpin Masyarakat | Ikatan Hubungan dalam Masyarakat | Pertelingkahan dan Pengawalan Terhadap Pertelingkahan |

Rajah 3.1: Padi Sebagai Tanda Hubungan Kekeluargaan dan Persaudaraan.

Dalam rajah di atas, diringkaskan bahawa padi dalam peribahasa Melayu merupakan tanda dalam hubungan kekeluargaan dan persaudaraan. Bagi membentuk hubungan kekeluargaan dan persaudaraan yang baik dalam kalangan ahli keluarga dan masyarakat, pembinaan keluarga yang bahagia perlu dilaksanakan dengan peranan ketua keluarga yang perlu mempunyai nilai kasih sayang, kejujuran dan juga sikap hormat daripada ahli keluarganya. Untuk perhubungan yang lebih besar, hubungan persaudaraan dan kekeluargaan itu diikat pula dengan suatu mekanisme bagi menjamin kesucian keturunan, iaitu melalui perkahwinan dan juga sikap saling tolong-menolong dalam masyarakat. Akhir sekali seluruh perhubungan tersebut, sama ada pada peringkat keluarga ataupun masyarakat, perlu ada kawalan dalam menangani pertelingkahan supaya masyarakat tersebut terus kekal harmoni. Keseluruhannya, padi sebagai tanda hubungan kekeluargaan atau pun persaudaraan dalam perbincangan ini dilihat dalam konteks individu, keluarga dan seterusnya

masyarakat dan matlamatnya adalah untuk mengajak manusia ke arah yang lebih baik bagi mencapai matlamat kebajikan seperti yang terdapat dalam paksi Teori Pengkaedahan Melayu.

3.3 Padi Sebagai Tanda Pembinaan Akhlak yang Baik

Dalam pembinaan sebuah masyarakat yang baik, akhlak merupakan suatu elemen yang penting bagi mencapai hasrat tersebut. Individu yang mempunyai akhlak yang baik akan membentuk pula sebuah masyarakat yang teratur dan tidak menyimpang daripada peraturan yang telah ditetapkan oleh agama dan juga peraturan yang ditentukan oleh masyarakat tersebut. Dalam peribahasa Melayu, peribahasa **menumbuk di lesung, bertanak di periuk (BD1768)** menunjukkan bahawa setiap perbuatan kita hendaklah mengikut peraturan dan adatnya (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 474). Bagi perbuatan yang tidak mengikut peraturan pula diterjemahkan melalui peribahasa **menumbuk di periuk, bertanak di lesung (BD1769)**. Sebagai contoh, lesung merupakan alat untuk menumbuk padi dan periuk merupakan alat untuk menanak nasi. Sekiranya kedua-dua alat ini digunakan pada tempat dan kegunaan yang salah, sudah pasti terdapat kekeliruan dan kekacauan. Melalui kedua-dua peribahasa ini, didapati bahawa masyarakat Melayu tradisional mempunyai jaluran peraturan yang mereka tentukan dan perlu dipatuhi oleh masyarakat. Peraturan ini pula selari dengan ajaran dan kehendak agama Islam. Mohd. Ayop Abd. Razid (2013, p. 81) mengatakan bahawa:

“Dalam Islam, nilai dan peraturan kehidupan diasaskan kepada nilai akhlak. Akhlak dalam ajaran Islam adalah bersifat rabbani, iaitu bersumber daripada Allah. Ia meliputi semua akhlak dan sifat mulia yang diajar al-Quran”.

Secara umumnya akhlak yang baik merangkumi pertuturan yang baik, perlakuan yang sopan dan juga sifat rendah hati. Bahkan akhlak amat dititikberatkan dalam

Islam. Kepentingan akhlak itu terdapat dalam al-Quran dan merupakan bidang ketiga yang menjadi keutamaan dalam al-Quran. Akhlak ialah perkara yang berkaitan dengan perlakuan ataupun gerak-geri seseorang individu yang boleh diamalkan sehingga sehati dalam diri. Perkara ini dijelaskan dalam buku *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*,

“akhlak sebagai asas budi bahasa Islam boleh didefinisikan sebagai tingkah laku yang mulia dan terpuji yang digubal oleh Allah SWT dan sekali gus merupakan wahyu untuk dihayati, dilaksana dan diamalkan oleh manusia sehingga menjadi adat kebiasaan” (Mustafa Haji Daud, 1995, p. 2).

Bagi menunjukkan bahawa pentingnya akhlak dalam kehidupan manusia, Allah SWT mengutus Nabi Muhammad SAW bagi menyempurnakan akhlak manusia. Sabda Nabi SAW yang bermaksud, “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak”. Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai utusan-Nya selaku insan yang bertanggungjawab menyebarkan Islam ke seluruh pelosok dunia. Allah SWT juga membekalkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW sebagai panduan dan manhaj untuk mentadbir manusia (Syeikh Muhd. Mujahid, 2013, p. 138-139).

Dalam masyarakat Melayu tradisional, pembinaan peribadi yang mulia sangat penting. Hal ini kerana peribadi seseorang itu lazimnya akan dihubungkan dengan ahli keluarganya, terutama ibu bapa individu tersebut. Oleh sebab itu pendidikan akhlak dilakukan sejak dari kecil lagi seperti yang terungkap dalam ungkapan “melentur buluh biar dari rebungunya”. Pentingnya orang yang berakhlak mulia dalam masyarakat ini membolehkan ia menjadi contoh teladan yang baik dan dihormati dalam masyarakat tersebut. Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa:

“Dalam masyarakat Melayu orang yang dianggap mempunyai nilai etika, moral dan akhlak yang tinggi dan dipandang mulia oleh masyarakat dinamakan sebagai orang yang “budiman” yang mempunyai tiga sifat utama, iaitu pertama budi pekerti dan adab sopan yang mulia, kedua, budi bahasa dan budi bicara

yang santun, bernas dan berwibawa, ketiga hati budi dan akal yang tinggi dan bijaksana.” (p. 118).

Dalam penjelasan di atas, unsur penting yang mempunyai kaitan dalam perbincangan ini ialah sifat rendah hati, memelihara lidah ketika berbicara (lisan), dan juga menjaga perlakuan (tingkah laku) yang perlu ada dalam diri setiap anggota masyarakat. Ketiga-tiga perkara inilah yang akan menjadikan seseorang itu mempunyai akhlak yang baik dan boleh digelar orang yang budiman. Hashim Musa (2008, p. 25-26) mengatakan bahawa manusia yang budiman ialah:

“Dalam masyarakat Melayu Islam, individu yang dianggap mempunyai nilai etika, moral dan akhlak yang tinggi dan dipandang mulia oleh masyarakat dinamakan sebagai orang yang “budiman” yang mempunyai tiga sifat utama, iaitu budi pekerti dan adab sopan yang mulia, budi bahasa dan budi bicara yang santun, bernas dan berwibawa, akal budi atau hati budi yang tinggi dan bijaksana.

Pentingnya mempunyai akhlak yang baik ini difirmankan oleh Allah SWT dalam surah al-Furqan, ayat 63 yang bermaksud: “Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhai-Nya) ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun.”

3.3.1 Sifat Rendah Hati

Dalam peribahasa Melayu, kebanyakan unsur padi banyak digunakan untuk mendidik masyarakat supaya rendah hati. Peribahasa berikut menggunakan unsur padi sebagai tanda rendah hati.

Seperti buah padi, makin berisi makin rendah, jangan seperti lalang, makin lama makin meninggi (PM582)

Baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang (BD219)

Ilmu padi, makin berisi makin tunduk (BD954)

Bawa resmi padi makin berisi makin menunduk (PT79)

Jangan bawa resmi jagung, makin berisi makin tegak, bawalah resmi padi semakin berisi semakin menunduk (PT367)

Dalam peribahasa di atas, padi ditandakan sebagai sifat rendah hati, iaitu satu sikap yang sangat mulia dalam kalangan masyarakat Melayu. Tenas Effendy (2006, p. 311) memaknakan sikap rendah hati itu sebagai:

“Merendah yang dimaksudkan di sini ialah merendahkan hati, bermuka manis, dan berlembut lidah, tidak “rendah diri” atau pengecut. Sifat rendah hati adalah cerminan dari kebesaran hati, ketulusikhlasan, tahu diri, dan menghormati orang lain.”

Sikap rendah hati yang ditandakan melalui perkataan „padi“ dalam peribahasa Melayu secara umumnya membawa maksud sikap tidak sombong dan tidak angkuh. Terdapat unsur dalaman, iaitu unsur rohani dalam sikap rendah hati ini. Unsur rohani tersebut hanya boleh dibina dengan hati. Secara lebih terperinci, Hashim Musa (2008) mengatakan bahawa:

“Hati boleh disimpulkan sebagai unsur rohaniah berfungsi sebagai tempat perasaan, keinginan dan kemahuan, yang apabila mendapat cahaya taufik hidayat daripada Allah dapat menyedari yang hak dan yang batil yang boleh membawa dan mendorong seseorang kepada sifat yakin, iaitu beriman kepada Allah dan taat terhadap hukum Allah. Sebaliknya tanpa taufik hidayah Ilahi, hati boleh mendorong manusia kepada keburukan, kejahatan, dan perbuatan-perbuatan yang tercela.” (p.6)

Berdasarkan penjelasan tersebut, untuk menjadikan seseorang itu tidak sombong dan tidak angkuh, hati memainkan peranan utama untuk membolehkan seseorang itu membezakan yang baik dan yang buruk.

Dalam peribahasa yang disenaraikan tersebut, makna yang ingin disampaikan sama, iaitu seseorang yang mempunyai kelebihan dari segi ilmu tidak boleh meninggi diri, iaitu bersikap sombong. Dengan maksud lain, kelebihan yang ada pada seseorang itu sebenarnya menjadikan orang itu lebih bersikap mulia, sederhana dan

bersikap rasional yang datangnya daripada hati dan fikiran yang waras dan dikatakan sebagai “menyedari yang hak dan yang batil” (Hashim Musa, 2008, p.6).

Unsur padi sebagai tanda rendah hati ini pula dikontraskan dengan unsur “jagung” yang membawa maksud makin kaya makin sombong, seperti dalam peribahasa **jangan bawa resmi jagung, makin berisi makin menegak (BD990)** yang menunjukkan bahawa hati seseorang itu tidak mengetahui untuk meletakkan sesuatu itu di tempatnya dengan baik. Begitu juga dengan unsur “lalang” dalam peribahasa **baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang (BD219)** dan peribahasa **seperti buah padi, makin berisi makin rendah, jangan seperti lalang, makin lama makin meninggi (PM582).**

Sebenarnya, masyarakat Melayu tradisi yang akrab dengan alam ini telah melihat bahawa sifat fizikal antara padi dengan jagung dan lalang ini sangat berbeza. Padi yang sudah berisi dan masak akan menunduk manakala lalang pula berbeza, walaupun tidak ada sebarang hasilnya, tetapi tumbuhannya tetap tegak. Tanaman jagung pula walaupun sudah berbuah, juga tetap tegak. Walaupun padi selalu ditandakan sebagai sikap rendah hati, namun kebijaksanaan orang Melayu juga membolehkan mereka untuk tidak menjadi seperti yang disebut dalam peribahasa **seperti ilmu padi hampa, makin lama makin mencongak (PM642)** yang membawa maksud orang yang bercakap besar, tetapi tidak dapat membuktikan apa yang dikatakan (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 225). Pengamatan seperti inilah yang menjadikan intelektual Melayu dahulu menjadikan unsur-unsur alam tersebut sebagai tanda untuk mendidik masyarakat Melayu menjadi orang yang berakhlak baik.

3.3.2 Perbuatan Menjaga Lisan

Pembinaan akhlak yang baik juga disokong oleh perbuatan menjaga lisan atau percakapan. Menjaga percakapan sangat penting bagi orang Melayu kerana melalui tutur kata yang baik akan menjadikan seseorang itu dipandang baik dan dihormati. Pentingnya menjaga lisan itu dinyatakan dalam al-Quran ayat 148 dalam surah an-Nisa" yang bermaksud: "Allah tidak menyukai perkataan-perkataan buruk (yang diucapkan) secara terus-terang kecuali oleh orang yang dizalimi. Dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." Ucapan-ucapan buruk yang dimaksudkan ialah mencela orang, memaki, menerangkan keburukan-keburukan orang lain, menyinggung perasaan seseorang dan sebagainya (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad, 2012, p. 102). Sikap yang tidak baik dalam menuturkan kata-kata akan menghasilkan akibat yang buruk seperti dalam peribahasa **kerana pulut santan binasa; kerana mulut badan binasa (PT421)**.

Peribahasa **jika ada padi berhampalah, jika ada hati berasalah (PT383), jika ada padi, tentu ada hampanya; jika ada hati tentu terasa (PT384)** memberi makna bahawa seseorang yang terasa apabila disindir ialah orang yang melakukan perbuatan tersebut. Dalam hal ini, unsur padi ditandakan sebagai sesuatu yang dekat dengan hampa kerana dalam padi biasanya ada hampa, iaitu butir-butir padi yang tidak berisi. Peribahasa ini memberi makna ataupun pengajaran bahawa orang yang melakukan kesalahan akan terasa apabila disindir oleh orang lain, namun sikap suka menyindir orang pula merupakan sikap yang tidak baik kerana boleh menimbulkan perbalahan dan permusuhan yang berpanjangan dalam kalangan masyarakat. Dalam hal menjaga lisan ini juga, masyarakat perlu memegang prinsip yang terkandung

dalam peribahasa **ada beras taruh dalam padi (BD7)** dan **taruh beras dalam padi (BD2348)**. Padi dalam peribahasa ini ditandakan sebagai sesuatu yang melindungi ataupun menutup sesuatu yang lain. Oleh itu, sebagai pengajaran kepada masyarakat, sesuatu yang aib itu tidak boleh dihebohkan kerana akan membawa kesan yang lebih buruk. Hal ini ditegaskan dalam al-Quran, surah al-Hujurat, ayat 12 yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa, dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah ada di antara kamu yang mengumpat sebahagian yang lain. Apakah ada di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Tentu kamu merasa jijik. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat, lagi Maha Penyayang”.


3.3.3 Menjaga Perlakuan

Perlakuan yang baik juga dapat membina peribadi dan akhlak yang mulia. Perlakuan yang baik itu termasuklah dalam gerak-geri seseorang itu dalam perbuatannya. Ibarat seperti yang terdapat dalam ungkapan “dalam melangkah berpatut-patut, bila duduk tahu tempatnya, bila tegak tahu adatnya” (Hashim Haji Musa, 2008, p. 8). Dalam peribahasa **seperti lonjak alu penumbuk padi (PM707)**,maksudnya ialah seseorang yang berperlakuan sombong dengan langkah yang gagah kerana gembira (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 707). Perbuatan ini yang ditandakan melalui alat alu penumbuk padi itu tidak boleh diikuti oleh masyarakat. Nilai dalam peribahasa ini adalah untuk mendidik masyarakat supaya mempunyai budi yang mulia dan berhemah tinggi.

Dalam membincangkan tentang perlakuan, seseorang yang berpekerti mulia pasti akan beramanah dalam tugasnya dan tidak boleh menjadi seperti dalam peribahasa **pagar makan padi (tanaman) (BD1911)** dan **harapkan pagar, pagar makan padi**

(PT316). Hal ini kerana padi dalam peribahasa ini ditandakan sebagai sesuatu yang perlu dilindungi, dan disimbolikan seperti ahli keluarga ataupun anggota masyarakat. Sesuatu yang dilindungi itu perlu mendapatkan haknya untuk dijaga keselamatan bukannya dirosakkan ataupun dimusnahkan. Dalam hal ini, sesetengah pihak berpendapat bahawa perkataan “pagar” yang terdapat dalam peribahasa **BD 1911** dan **PT316** itu ialah burung pegar yang biasanya menjaga tanaman padi daripada dirosakkan oleh haiwan lain tidak sepatutnya memakan padi tersebut. Kesilapan ejaan sewaktu proses transliterasi tulisan Jawi kepada tulisan Rumi telah menyebabkan perkataan pegar disalin menjadi pagar. Namun begitu, hal ini telah dijelaskan oleh Awang Sariyan bahawa ejaan Jawi yang digunakan dalam buku-buku lama ialah pa-alif-ga-ra (pagar), bukannya pa-ga-ra (pegar). Beliau menjelaskan lagi bahawa dalam peribahasa banyak penggunaan unsur gaya bahasa seperti personifikasi (<http://kembarabahasa.blogspot.my/2012/05/isu-peribahasa-pagar-makan-padi>).

Dalam perbincangan ini, padi merupakan unsur yang menjadi tanda sebagai pembinaan akhlak yang baik kepada masyarakat. Sebagai sesuatu yang menjadi lambang kepada pembinaan akhlak yang baik sudah tentu ada juga unsur lain yang menyokongnya. Oleh itu dilihat juga unsur lain yang berkaitan dengan padi yang memberikan kekuatan kepada makna yang dibawa oleh padi tersebut. Penghayatan masyarakat terhadap peribahasa yang menggunakan unsur padi sebagai tanda pembinaan akhlak ini sebenarnya boleh membentuk akhlak individu menjadi lebih baik dan boleh menjadikan masyarakat itu sebuah masyarakat yang mempunyai kesusilaan yang tinggi seperti yang dihasratkan dalam paksi Teori Pengkaedahan Melayu. Padi sebagai tanda pembinaan akhlak digambarkan dalam rajah di bawah.



Rajah 3.2: Padi Sebagai Tanda Pembinaan Akhlak.

3.4 Padi Sebagai Tanda Sumber Rezeki

Penanaman padi seperti yang masyarakat umum ketahui memerlukan tenaga dan iltizam yang tinggi bagi menghasilkan padi yang baik kualitasnya supaya dapat dimakan sepanjang tahun. Oleh itu, petani yang menanam padi perlu menggunakan kebolehan dan pengetahuan yang mereka ada supaya tanaman padi mereka boleh menghasilkan padi yang baik. Wan Abdul Kadir (1992, p. 1) mengatakan bahawa:

“Kebolehan orang Melayu menanam padi merupakan peringkat perubahan yang penting kepada penghidupan mereka. Tanaman padi tidak sebagaimana tumbuhan lain, yang terpaksa dijaga dengan rapi bagi menjamin hasil yang baik. Kemampuan mereka menanam padi telah membuktikan mereka telah mencapai suatu paras tamadun yang penting dalam membina tradisi yang mantap.”

Berdasarkan penjelasan di atas, usaha penanaman padi akan memberikan hasil yang lumayan jika diusahakan dengan baik dan bersistem.

3.4.1 Usaha yang Gigih dan Sabar

Padi akan menjadi sumber rezeki jika hasilnya banyak. Bagi mendapat hasil padi yang banyak, para petani perlu melakukan usaha yang gigih. Dalam peribahasa Melayu, terdapat unsur padi yang dijadikan sebagai tanda sumber rezeki. Peribahasa **baik berjagung-jagung dahulu, sementara menunggu padi masak (BD221)** dan

peribahasa **sementara menanti padi masak berjagung-jagunglah dahulu (BD2277)** menunjukkan bahawa padi merupakan suatu hasil tanaman yang utama dan hasilnya memang menjadi suatu yang dinanti-nantikan. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu dahulu dididik untuk melipatgandakan usaha dengan melakukan pekerjaan lain yang turut mendatangkan hasil kepada mereka (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 280). Dalam konteks ini, jagung merupakan tanaman pilihan untuk ditanam sementara menunggu padi masak. Melalui kedua-dua peribahasa ini, masyarakat Melayu diajar tentang nilai bijaksana dan rasional dalam melakukan kerja. Padi dalam konteks ini dilihat sebagai sesuatu yang sangat tinggi nilainya jika dibandingkan dengan jagung kerana ia merupakan makanan utama bagi masyarakat Melayu. Manakala jagung pula hanya sebagai tanaman sampingan. Oleh itu sebagai makanan utama, sudah tentulah padi menjadi sumber rezeki bagi masyarakat Melayu dahulu kerana daripada padi terhasilnya beras dan juga nasi. Menurut Wan Abdul Kadir (1992, p. 2-3):

“Orang Melayu sejak lama dahulu amat bergantung pada nasi sebagai makanan utama. Tanpa nasi bermakna suatu kesusahan, penderitaan dan kemiskinan yang amat tertekan. Memandangkan nasi sebagai makanan utama, kegiatan menanam padi merupakan tumpuan kepada mereka dan kegiatan pertanian yang lain sebagai sampingan. Orang yang tidak mengerjakan tanah padi dianggap orang yang susah hidupnya. Sebaliknya, orang yang mengerjakan tanah padi yang luas dianggap sebagai hidup senang.”

Dalam berusaha melaksanakan tanaman padi ini, masyarakat Melayu juga diajar supaya melakukan sesuatu dengan sabar dan tekun supaya apa yang dilaksanakan itu tidak menjadi sia-sia. Peribahasa **tanam padi tumbuh lalang, ayam ditambat disambar helang (PT853)** memberikan gambaran tentang hal ini. Keghairahan untuk mendapatkan keuntungan kadang kala boleh membawa kerugian sekiranya masyarakat Melayu tidak dididik dengan keberanian dan kesabaran (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 697). Oleh itu, usaha yang

gigih diterjemahkan dalam peribahasa **tak ada beras antah dikisik (BD2270)** yang menunjukkan bahawa sesuatu pekerjaan itu perlu dilakukan dengan segala daya upaya untuk mencapai sesuatu maksud (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 539).

3.3.2 Sifat Bersederhana dan Bersyukur

Padi sebagai sumber rezeki juga menjadi lambang kekayaan bagi masyarakat Melayu yang mempunyai tanaman padi yang banyak dan menjadi. Peribahasa **ayam bertelur atas padi (BD194)** menunjukkan bahawa padi sebagai tanda kekayaan, kesenangan dan kemewahan. Peribahasa ini memberi makna orang yang hidup senang dan mewah (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 276). Peribahasa ini ada juga kaitannya dengan peribahasa **seperti tikus jatuh ke dalam beras (PM806)**, yang membawa makna seseorang yang mendapat kekayaan tetapi tidak memberitahu kepada orang lain (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 245). Mendapat sesuatu kekayaan dengan mudah pula diibaratkan oleh masyarakat Melayu dalam peribahasa **orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi (PT603)** nilai nasi dalam peribahasa ini ialah sesuatu yang sangat berharga tatkala diperlukan dalam keadaan yang sangat diperlukan.

Apabila mendapat sesuatu yang sangat dihajati, sudah tentulah perlu bersederhana dan bersyukur. Beras dalam peribahasa **seperti tikus jatuh ke dalam beras (PM806)** juga sebagai tanda kekayaan, dan orang yang memiliki kekayaan tersebut bersikap sederhana dan tidak sombong. Perbuatan inilah yang dituntut oleh agama seperti yang terkandung dalam surah an-Nisa" ayat 114, yang bermaksud:

“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan rahsia mereka, kecuali bisikan rahsia daripada orang yang menyuruh (orang) bersedekah atau berbuat kebaikan atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Barang siapa berbuat demikian kerana mencari keredaan Allah, maka Kami akan memberinya pahala yang besar.

Melalui peribahasa di atas dan ayat 114 dalam surah an-Nisa ini, suatu nilai yang diajarkan dalam masyarakat Melayu ialah sifat kesederhanaan yang tinggi serta perlu sentiasa bersyukur atas nikmat rezeki yang Allah SWT telah kurniakan. Oleh sebab itu, dalam konsep padi sebagai tanda rezeki ini, terdapat satu lagi tanda padi dalam peribahasa Melayu, iaitu sebagai tanda kesyukuran. Dalam surah ad-Dhuha, ayat 11 Allah berfirman, maksudnya: “Dan terhadap nikmat Tuhanmu, hendaklah engkau nyatakan (dengan bersyukur)”. Tanda kesyukuran ini perlu dizahirkan oleh anggota masyarakat apabila telah mendapat keuntungan yang berlipat ganda seperti yang dimaksudkan dalam peribahasa **daripada segenggam jadi segantang (BD631)**. Dalam peribahasa ini menunjukkan bahawa rezeki yang pada mulanya kecil akan semakin bertambah apabila kita semakin bersyukur. Perkara ini seperti yang dinyatakan dalam surah Ibrahim, ayat 7:

“Dan (ingatlah juga) tatkala Tuhanmu memaklumkan: “Sesungguhnya jika kamu bersyukur, Kami pasti akan menambah nikmat kepadamu., dan jika kamu mengingkari nikmat-Ku, maka sesungguhnya azab-Ku sangatlah pedih”.

Peribahasa **padi masak jagung mengupih (BD1907)** dan **padi rebah, paksa tekukurlah (BD1908)** pula mengajar masyarakat supaya bersyukur kerana rezeki yang ada telah dilipatgandakan oleh Allah SWT tanpa perlu bersusah payah (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 491). Dalam konsep kesyukuran ini, satu hal yang perlu umat Islam laksanakan ialah dengan sentiasa mengingati Pemberi Rezeki, iaitu Allah SWT. Surah Faatir, ayat 3 membawa maksudnya seperti berikut:

“Wahai manusia, ingatlah akan nikmat Allah kepadamu. Apakah ada pencipta selain Allah yang dapat memberi rezeki kepadamu dari langit dan bumi? Tidak ada Tuhan selain Dia; maka mengapa kamu berpaling (daripada menyembah-Nya)”.

Dalam ayat di atas, Allah SWT mendidik manusia supaya tidak menyembah selain daripada-Nya.

3.4.3 Sifat Suka Bersedekah


Ciri-ciri peribahasa Melayu yang bersifat mendidik tidak boleh dinafikan. Masyarakat Melayu mendidik masyarakatnya supaya kekayaan itu dikongsi dengan orang lain. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk berkongsi kekayaan ataupun rezeki. Sebagai contoh, dengan bersedekah ataupun dengan memberi imbalan kepada mereka yang memerlukan pekerjaan. Peribahasa **ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras (PT3)** merupakan manifestasi kepada keadaan ini. Padi dalam peribahasa ini ialah tanda rezeki yang dikongsi dengan orang lain dengan cara memberikan imbalan kepada mereka yang telah melakukan sesuatu pekerjaan. Begitu juga dengan peribahasa **ada padi, segala menjadi; ada beras, segala deras (PT4)**. Padi dalam kedua-dua peribahasa ini merupakan pembuka rezeki kepada orang lain dalam bentuk imbalan. Peribahasa **ada padi masak adalah pipit (BD19)** pula menunjukkan bahawa individu perlu pandai mencari peluang untuk mendapatkan rezeki di tempat yang telah tersedia ruang untuk mendapatkan rezeki. Pengajaran melalui peribahasa-peribahasa ini adalah untuk mendidik masyarakat supaya berkongsi rezeki dan juga menekankan konsep kerajinan dan berusaha dengan gigih untuk mendapatkan rezeki dengan cara yang halal.

Allah juga telah menjanjikan ganjaran kepada mereka yang menggunakan kekayaan mereka dengan cara yang halal. Dalam Surah al-Baqarah ayat 261, Allah berfirman maksudnya:

“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah seumpama sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai; pada setiap tangkai seratus biji. Allah melipatgandakan ganjaran bagi sesiapa sahaja yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.”

Dalam ayat tersebut, Allah SWT menjanjikan ganjaran kepada mereka yang bersedekah dan menggunakan hartanya ke jalan Allah akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda ibarat butir benih pada tangkai padi. Walaupun ayat tersebut tidak menyentuh beras atau padi secara langsung. Namun istilah “tangkai” itu juga berkaitan dengan padi kerana digambarkan sebagai tumbuhan bijiran yang mempunyai tangkai serta menghasilkan puluhan butir daripada setiap tangkai tersebut (Faszly Rahim *et.al*, 2015, p. 28).

Perkara seperti ini boleh berlaku seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT walaupun masyarakat Melayu ada juga berfikiran seperti yang tersebut dalam peribahasa **kalau secupak takkan jadi segantang (BD1136)**. Namun begitu, ini semua bergantung pada qada“ dan qadar, iaitu sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Peribahasa **ada hari adalah nasi (BD11)** membuktikan bahawa konsep rezeki itu perlu dipercayai oleh manusia dan selagi kita hidup, rezeki tersebut akan diperoleh kerana Allah SWT telah menentukan rezeki untuk setiap hamba-Nya selagi manusia tidak berhenti berusaha. Nilainya di sini adalah untuk mendidik masyarakat untuk bersikap rajin berusaha (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 254). Dalam membincangkan padi sebagai sumber rezeki, rajah di bawah menjelaskan lagi perkara ini.



Rajah 3.3: Padi Sebagai Tanda Sumber Rezeki.

Dalam rajah di atas, padi sebagai tanda sumber rezeki dilambangkan dengan tiga konsep, iaitu usaha, bersederhana dan bersyukur. Elemen tersebutlah yang menyokong padi sebagai tanda sumber rezeki.

3.5 Rumusan

Berdasarkan perbincangan ini, dapat dikenal pasti bahawa padi sebagai tanda dalam peribahasa membawa makna yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Padi sering digunakan sebagai tanda untuk membina akhlak, sebagai tanda kekeluargaan dan juga sebagai tanda sumber rezeki. Jelas di sini bahawa masyarakat Melayu menterjemahkan padi itu sebagai tanda yang membawa kepada pembinaan masyarakat yang baik. Bagi membina masyarakat yang baik itu, unsur dalaman dan unsur luaran perlu bersatu supaya dapat dilihat hasilnya melalui perlakuan, pertuturan dan pemikiran yang waras. Faktor inilah yang akan membuatkan matlamat kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan akan tercapai. Oleh itu, tanda-tanda dalam peribahasa itu perlu dinilai dan ditafsirkan maknanya dan diselarikan dengan ajaran Islam.

BAB 4: AIR SEBAGAI TANDA DALAM PERIBAHASA MELAYU

4.1 Pendahuluan

Dalam Bab 4 ini, perbincangan berkisar tentang air sebagai tanda yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Permulaan bab ini dimulakan dengan huraian definisi air sebagai sumber bumi dan melihat bentuk air, iaitu sama ada dalam bentuk hujan, laut, sungai, ataupun embun. Perbincangan dalam bab ini menghuraikan air sebagai tanda yang mampu mendidik masyarakat untuk menjadi lebih baik dan matlamatnya adalah untuk melihat sama ada unsur air yang digunakan dalam peribahasa Melayu dapat mencapai matlamat kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan seperti yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Perbincangan dalam bab ini melihat air sebagai tanda penyucian secara keseluruhan dan tanda penyucian itu meliputi air sebagai tanda pendidikan dan air sebagai tanda persaudaraan dan perdamaian. Dalam bab ini juga, air dilihat sebagai suatu tanda yang menjadi panduan untuk membentuk akhlak masyarakat. Pada bahagian akhir bab ini disimpulkan bahawa unsur air sebagai unsur alam memberikan tanda yang baik dalam masyarakat dan mencapai matlamat kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan seperti yang digariskan dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

4.2 Air Dalam Kehidupan Manusia

Air sangat penting dalam kehidupan manusia. Air bukan sahaja boleh diminum untuk menghilangkan dahaga, malah lebih jauh daripada itu air berfungsi sebagai alat pembersihan, menyuburkan tanam-tanaman, menghidupkan haiwan dan sebagainya.

Zawawi Haji Ahmad (1990, p. 7) mengatakan bahawa:

“Manusia memerlukan air untuk menghilangkan dahaga dan untuk berbagai-bagai keperluan hidupnya yang lain. Tumbuh-tumbuhan pula memerlukan air untuk membantu pertumbuhannya. Setengah-setengah haiwan memerlukan air untuk perlindungan”.

Air merupakan kurniaan daripada Allah yang tidak ternilai harganya. Setiap manusia perlu menginsafi bahawa air yang ada di muka bumi ini adalah daripada Allah SWT dan tidak ada siapa yang mampu menciptakannya. Hal ini dibuktikan dalam firman Allah SWT melalui Surah al-Ankabut ayat 63 yang bermaksud:

“Dan jika kamu (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka: Siapakah yang menurunkan air dari langit, lalu dengan (air) itu dihidupkannya bumi yang sudah mati?” Pasti mereka akan menjawab “Allah”. Katakanlah “Segala puji bagi Allah,” tetapi kebanyakan mereka tidak mengerti”.

Dalam hal ini, yang dimaksudkan air dari langit itu ialah air hujan dan air hujanlah yang menjadi sumber air di muka bumi ini. Dalam Surah al-Jathiyah ayat 5, Allah berfirman, maksudnya:

“Dan pada pergantian malam dan siang, dan hujan yang diturunkan Allah dari langit, lalu dengan (air hujan) itu dihidupkan-Nya bumi setelah mati (kering), dan pada perkisaran angin terdapat pula tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang mengerti.”

Dalam Surah an-Naba“ ayat 14 pula Allah berfirman: “Dan Kami turunkan dari awan, air hujan yang mencurah dengan hebatnya.” Daripada air hujan tersebut kemudiannya menjadikan air itu sebagai sumber-sumber air yang lain di muka bumi ini seperti sungai, laut, tasik, mata air. Dalam Surah az-Zumar, ayat 21 Allah SWT berfirman:

“Apakah engkau tidak memperhatikan, bahawa Allah menurunkan air dari langit, lalu diaturnya menjadi sumber-sumber air di bumi, kemudian dengan air itu ditumbuhkan-Nya tanam-tanaman yang bermacam-macam warnanya, kemudian menjadi kering, lalu engkau melihat kekuning-kuningan, kemudian dijadikan-Nya hancur berderai-derai. Sesungguhnya, pada yang demikian itu terdapat pelajaran bagi orang yang mempunyai akal yang sihat”.

Sumber-sumber air di bumi ialah sungai dan laut yang turut dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran, Surah al-Furqan, ayat 53. Maksudnya:

“Dan Dialah yang membiarkan dua laut mengalir (berdampingan); yang ini tawar dan segar dan yang lain sangat masin lagi pahit; dan Dia jadikan antara keduanya dinding dan batas yang tidak tembus”.

Allah juga menjelaskan dalam Surah ar-Rad ayat 17 yang bermaksud: “Allah telah menurunkan air (hujan) dari langit, maka mengalirlah (air) di lembah-lembah menurut kadarnya”. Dalam *Ensiklopedia Pendidikan Sains Dalam Al-Quran* (Haji Abu Hassan Haji Ali, 2005, p. 26), dinyatakan bahawa:

“Air hujan yang turun ke bumi mulai mengalir ke bawah. Ada yang diserap oleh tanah sebagai air bawah bumi; ada yang mengalir ke dalam sungai, tasik dan akhirnya ke laut”.

Zawawi Haji Ahmad (1990, p. 13) pula menyatakan bahawa sungai-sungai adalah termasuk dalam erti lembah-lembah yang dinyatakan dalam Surah ar-Rad tersebut. Dengan adanya air di muka bumi ini seluruh kehidupan mendapat manfaatnya, sama ada manusia, tumbuh-tumbuhan dan juga haiwan. Hal ini dibuktikan melalui firman Allah dalam Surah An-Nahl ayat 10-11 yang bermaksud:

“Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman dan sebahagiannya (menyuburkan) tumbuh-tumbuhan, yang pada (tempat tumbuhnya) kamu gembalakan ternakan kamu”.

“Dia menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memikirkan.”

Oleh sebab itu, dengan adanya air sebagai anugerah daripada Allah SWT ini, maka manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan dapat hidup di muka bumi ini dengan menggunakan air mengikut peranannya yang tersendiri. Apabila menyebut tentang air, bagi umat Islam, ibu segala air yang perlu diyakini akan manfaatnya ialah air zamzam. Air zamzam merupakan air yang dianugerahkan oleh Allah SWT untuk

umat manusia dan mempunyai khasiat tertentu berdasarkan tujuan ia diminum. Hal ini seperti yang terdapat dalam Hadis Nabi Muhammad SAW, iaitu maksudnya: “Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah, beliau berkata, “Rasulullah SAW bersabda, Air zamzam tergantung pada tujuan ia diminum”.

Antara peranan air yang paling besar ialah menjadi sumber minuman kepada seluruh makhluk khususnya manusia (Faszly Rahim *et.al*, 2015, p. 4). Selain itu, air juga berperanan untuk membersihkan dan menyucikan. Oleh itu, berdasarkan peranan tersebut, kajian ini melihat peranan air dan mengaitkannya dengan air sebagai tanda dalam peribahasa Melayu. Berdasarkan peranan dan fungsi air yang ada di muka bumi ini, masyarakat Melayu telah menilai, mentafsirkan dan menterjemahkan pandangan mereka itu dalam peribahasa Melayu. Mereka juga memberikan tanda dan makna yang tertentu kepada air.

Dalam bab ini, perbincangan menyentuh tentang unsur air yang terdapat dalam peribahasa Melayu yang memberikan makna yang tertentu. Unsur air yang dilihat termasuklah air hujan, sungai, laut dan embun. Hal ini kerana unsur-unsur tersebut juga merupakan struktur air seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Dalam ajaran Islam, air berfungsi sebagai unsur penyucian. Sifat air yang penting dalam kehidupan manusia ialah membersihkan dan menyucikan. Air merupakan bahan utama bagi membersihkan sesuatu kekotoran. Ilmu tentang air diajarkan kepada umat Islam sangat jelas kerana meliputi jenis-jenis air dan kegunaannya. Dalam Islam, air dibahagikan kepada lima jenis, iaitu air mutlak, air yang suci tetapi tidak menyucikan, air mustakmal, air mutannajis dan air musyammas (Faszly Rahim *et.al*, 2015 p. 5-6). Setiap jenis air ini mempunyai peranan yang tertentu dan matlamat utamanya adalah untuk memberi panduan kepada manusia tentang cara-cara

penyucian dengan menggunakan jenis air yang betul sama ada untuk berwuduk, bersuci daripada hadas ataupun cara bersuci jika tidak ada air. Dalam surah Al-Maidah, ayat 6, Allah SWT berfirman, maksudnya:


“Wahai orang yang beriman! Apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai ke siku dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu sampai ke buku lali dan jika kamu junub, maka mandilah. Dan jika kamu sakit atau dalam keadaan musafir atau kembali dari tempat buang air (tandas) atau menyentuh perempuan, jika kamu tidak memperoleh air, maka bertayamumlah dengan tanah yang baik (bersih); sapulah mukamu dan tanganmu dengan (tanah) itu. Allah tidak ingin menyulitkanmu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu supaya kamu bersyukur”.

Air sebagai alat untuk menyucikan dalam Islam bukan sahaja untuk membersihkan anggota fizikal, bahkan juga untuk menyucikan jiwa. Dalam surah al-Anfal ayat 8, Allah berfirman, maksudnya:

“(Ingatlah!) ketika Allah menjadikan kamu rasa mengantuk sebagai suatu ketenteraman daripada-Nya, dan Allah menurunkan kepadamu air hujan dari langit untuk menyucikan kamu dengan air hujan itu dan menghilangkan daripada kamu gangguan-gangguan syaitan dan untuk menguatkan hatimu dan memperteguhkan dengannya telapak kakimu (teguh pendirian).”

Proses penyucian yang dimaksudkan bukan sahaja bersifat fizikal, tetapi juga penyucian rohani untuk menjadikan anggota masyarakat itu mempunyai sifat-sifat yang baik bagi menjadikan mereka bersih daripada sifat negatif. Dalam hal ini, cara penyucian yang dimaksudkan ialah melalui proses pendidikan dan juga penyucian dalam konteks hubungan persaudaraan. Hal ini kerana untuk menjadikan seseorang itu orang yang baik perlu diberi didikan yang bersifat rohani selain daripada fizikal. Selain itu, penyucian juga boleh dilakukan dalam konteks hubungan persaudaraan, iaitu melalui proses perdamaian bagi menjernihkan sesuatu yang telah keruh dalam hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan. Oleh itu bab ini menghuraikan air sebagai tanda pendidikan dan air sebagai tanda perdamaian dan persaudaraan dalam konteks untuk menyucikan masyarakat daripada pelbagai perkara negatif. Secara

mudahnya, air sebagai tanda dalam peribahasa Melayu ditunjukkan dalam rajah berikut:



Rajah 4.1: Air Sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu.

4.3 Air Sebagai Tanda Pendidikan

Dalam membentuk sesebuah masyarakat, elemen penting bagi menjamin keharmonian sesebuah masyarakat ialah sistem pendidikannya. Bagi masyarakat Melayu tradisi, mereka mempunyai sistem pendidikannya yang tersendiri walaupun sistem tersebut tidak formal untuk membentuk individu dan keluarga dalam masyarakat (Ishak Saat, 2006, p. 5-6). Pendidikan yang dijalankan adalah melalui nasihat, contoh teladan yang baik, dan melalui tunjuk ajar daripada mereka yang lebih berpengalaman dan mengetahui. Matlamatnya adalah untuk melahirkan anggota masyarakat yang baik yang memenuhi kriteria seperti yang disebutkan dalam Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu berpaksikan kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan. Tenas Effendy (2006, p. 15) mengatakan bahawa:

“Untuk mewujudkan manusia bertuah, berbudi luhur, cerdas, dan terpuji, orang Melayu mewariskan tunjuk ajarnya dengan berbagai-bagai cara, baik melalui ungkapan lisan, mahupun melalui contoh dan teladan. Orang tua-tua mengatakan, bahwa pewarisan melalui lisan dapat dilakukan dengan mempergunakan sastra lisan seperti pantun, syair, cerita-cerita rakyat, ungkapan, pepatah, petitih, bidal, perumpamaan, dan sebagainya.

Oleh itu, dalam bahagian ini akan dibincangkan air sebagai tanda pendidikan dalam peribahasa Melayu. Perbincangan akan meliputi pihak yang terlibat dalam proses pendidikan tersebut dalam masyarakat Melayu, pengisian pendidikan, prinsip pendidikan serta perbezaan antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu. Rajah di bawah merupakan gambaran ringkas bagi unsur air sebagai tanda pendidikan.



Rajah 4.2: Air Sebagai Tanda dalam Pendidikan.

Rajah 4.2 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang ada perkaitan dalam air sebagai tanda pendidikan ini. Oleh sebab itu, Perkara yang tersenarai dalam rajah tersebut dimasukkan dalam rajah tersebut menggunakan bentuk bulatan. Bahagian ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa melalui air sebagai tanda pendidikan dalam

peribahasa Melayu, pelbagai aspek kearifan Melayu dapat dirungkaikan sekali gus dapat membuktikan bahawa Pendekatan Firasat sebagai suatu pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu mampu menjelaskan bahawa masyarakat Melayu sangat peka dengan alam sekeliling mereka dan dapat memberikan makna melalui tanda-tanda yang ada dalam alam sekeliling mereka seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 2. Secara tidak langsung, melalui bab ini, akan dibuktikan bahawa air sebagai tanda pendidikan dapat mencapai matlamat dalam paksi kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan seperti yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

4.3.1 Pihak Yang Terlibat dalam Proses Pendidikan


Sebelum membincangkan pihak yang terlibat dalam pendidikan, matlamat dalam pendidikan bagi masyarakat Melayu akan dijelaskan terlebih dahulu. Zainal Abidin Borhan (2000, p. 14) mengatakan bahawa anak-anak perlu diberikan pendidikan sebaik mungkin agar menjadi manusia berguna, memiliki budi pekerti, budi bahasa dan kebijaksanaan yang tinggi. Dalam hal ini, matlamat pendidikan dalam masyarakat Melayu adalah untuk mendidik anggotanya untuk menjadi manusia yang berguna dalam pelbagai aspek merangkumi kebijaksanaan fizikal dan rohani supaya menjadi manusia yang bijak dan dilengkapi dengan akhlak yang baik.

Proses pendidikan dalam masyarakat Melayu ini berlaku daripada pelbagai pihak, iaitu daripada ibu bapa kepada anak, guru kepada anak murid dan juga anggota masyarakat yang lebih berpengalaman dan berilmu seperti dalam bidang agama, pemimpin atau orang tua yang dihormati kepada anggota masyarakat yang lain melalui hubungan sosial mereka. Matlamatnya adalah untuk menjadikan anggota

masyarakatnya “menjadi orang”. Zainal Abidin Borhan (2000, p. 12) mengatakan bahawa:

“Seseorang anak Melayu yang menjadi orang ialah seseorang yang memiliki kekuatan lahiriah dari segi pendidikan, pekerjaan, memiliki harta dan kekayaan di samping memiliki juga kekuatan batiniah dari segi keagamaan, beradat, beradab dan berakhlak.

Bagi menjamin matlamat tersebut, seluruh anggota masyarakat berperanan dalam proses pendidikan. Perkara ini dapat diringkaskan dalam rajah berikut:



Rajah 4.3 : Pihak yang Terlibat dalam Proses Pendidikan Masyarakat Melayu.

Dalam rajah 4.3, anak atau anggota masyarakat menjadi subjek utama dalam proses pendidikan. Para ibu bapa, guru dan anggota masyarakat yang berilmu seperti imam, ketua kampung dan orang tua yang dihormati dalam masyarakat akan menjadi ejen dalam mendidik anak tersebut. Proses pendidikan tersebut berlaku secara langsung dan secara tidak langsung. Setelah diketahui pihak yang terlibat dalam proses pendidikan ini, seterusnya bab ini membincangkan pula inti pati ataupun pengisian pendidikan serta kaedah pendidikan dalam masyarakat Melayu tradisi.

4.3.2 Pengisian dalam Proses Pendidikan

Masyarakat Melayu tradisi tidak mempunyai pendidikan yang formal. Sebagai sebuah masyarakat yang berpegang pada adat yang bersendikan syarak dan peraturan yang dimiliki bersama dalam sesebuah masyarakat, mereka amat mementingkan didikan akhlak dan nilai. Rabiatul Adawiah Ahmad Rashid et.al (2014, p. 46) menjelaskan hal ini dalam kertas kajian mereka dan mengatakan bahawa:

“Alam Melayu terdahulu pada tahap awal penerimaan Islam masih berpegang teguh kepada asas pendidikan tidak formal yang berteraskan pola kehidupan tradisional. Pendidikan tidak formal ketika itu lebih menitikberatkan asas keperluan kehidupan semasa dan perkembangan pendidikan Islam itu sendiri sebagai satu cara kehidupan”.

Berdasarkan kenyataan tersebut, proses pendidikan masyarakat Melayu adalah melalui hubungan sosial semasa proses sosialisasi dan anggota masyarakat tersebut perlu dididik seawal usia masih kecil lagi seperti yang terdapat dalam ungkapan “melentur buluh biar dari rebungunya”. Menurut Yaacob Haron (2001, p. 449) dalam kertas kerja beliau yang berjudul *Kosmologi dalam Organisasi Kekeluargaan*, “dalam proses sosialisasi ibu bapa Melayu cuba mendidik anak-anak selaras dengan nilai yang diterima oleh masyarakat”. Bahkan alam yang ada di sekeliling mereka juga menjadi sumber ilmu kepada individu seperti yang terdapat dalam ungkapan “alam terkembang jadikan guru”. Zurinah Hassan (2010, p. 227) pula mengatakan bahawa “alam adalah sumber untuk belajar”. Pendidikan yang paling utama dalam masyarakat Melayu sudah tentulah pendidikan agama dan pengetahuan dalam meneruskan kelangsungan hidup. Rabiatul Adawiyah *et. al* (2014, p. 46) menjelaskan bahawa:

“Penerapan ilmu diterapkan melalui pelbagai pendekatan seperti pengalaman hidup, kerja-kerja pertukangan dan pertanian, seni mempertahankan diri serta tidak ketinggalan penerapan nilai terhadap anak-anak. Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan nilai begitu bermakna dalam kehidupan seharian.”

Oleh itu dapat dilihat di sini bahawa masyarakat Melayu tradisi mementingkan kehidupan di dunia dan di akhirat. Zainal Abidin Borhan (2000) mengatakan:

“Pandangan hidup Melayu dipengaruhi oleh agama Islam. Hidup di atas muka bumi tidak berkekalan, sementara sifatnya, yang kekal ialah di alam akhirat. Sementara hidup di atas muka bumi dituntut mencari ilmu dan berusaha untuk mengumpul rezeki. Lantaran itu, apabila sudah berumur dituntut supaya banyak beribadat, sentiasa ke masjid, sentiasa mengingati Tuhan” (p. 17).

Berdasarkan kenyataan yang dikemukakan oleh para sarjana di atas, dapat dibuat rumusan bahawa pendidikan dalam masyarakat Melayu tidak bersifat berat sebelah, iaitu hanya mementingkan ilmu ukhrawi semata-mata. Pendidikan juga perlu disokong dengan ilmu duniawi supaya masyarakat Melayu dapat menjalankan kehidupan yang baik dan harmoni. Kehidupan di dunia bermatlamat untuk mencapai kesejahteraan hidup di alam akhirat seperti matlamat yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu untuk mencapai paksi kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan.

Dalam bab ini, air sebagai tanda pendidikan dapat dilihat melalui peribahasa:

lekuk batu dititik air selalu (BD1418)

batu yang keras air pelekuknya; hati yang keras lidah pelembutnya (PT78).

Dalam peribahasa di atas, air yang terdapat dalam peribahasa tersebut dilihat secara tersirat merupakan medium dalam proses pendidikan dalam masyarakat. Medium tersebut ialah segala tunjuk ajar sama ada ilmu pengetahuan, nasihat, contoh tauladan bagi membentuk peribadi anggota masyarakat sebagaimana yang mereka inginkan. Oleh itu, pihak yang terlibat, iaitu ibu bapa, guru, imam, pemimpin serta orang tua

yang dihormati akan memainkan peranan supaya proses pendidikan tersebut akan terlaksana.

Secara tersurat, peribahasa tersebut menggandingkan air yang diketahui sifatnya sebagai cecair dengan batu yang sifatnya keras. Masyarakat Melayu yang arif ini melihat bahawa sesuatu yang keras seperti batu ini boleh ditewaskan dengan unsur cecair dan lembut seperti air. Hal ini kerana ketika dalam keadaan cecair, ketumpatan air adalah padu berbanding air dalam keadaan ketulan ais (Mat Rofa Ismail, 2014, p. 123). Secara tersiratnya, peribahasa tersebut mengajar masyarakat bahawa dalam proses pendidikan, sifat kelembutan perlu ada pada pendidik bagi menjamin didikan itu diterima. Namun kelembutan tersebut perlu disatukan dengan ketegasan bagi memastikan apa yang diajar itu diikuti oleh anggota masyarakat. Bagi ibu bapa, hubungan dengan anak sangat kritikal, iaitu suatu hubungan yang sangat rapat melalui pertalian darah. Hubungan yang kritikal ini bermakna, sekiranya tersilap langkah dengan cara didikan, sama ada terlalu lembut atau terlalu tegas, kemungkinan hubungan tersebut boleh menjadi bermasalah. Oleh itu, cara didikan terhadap anak-anak oleh ibu bapa perlu berbeza mengikut umur. Bagi anak-anak yang lebih besar, nasihat dan teguran digunakan secara baik. Mereka berterus-terang terhadap apa yang disukai dan tidak disukai. Pendekatan ini digunakan untuk mengelakkan anak mereka daripada memberontak akibat didikan secara kekerasan. Sebaliknya bagi anak yang masih kecil, pendekatan yang agak keras digunakan sekiranya anak itu nakal. Secara umumnya, masyarakat Melayu tidak menggunakan asuhan secara keterlaluan dalam pendidikan terhadap anak-anak mereka. Layanan sama rata juga akan dipraktikkan dalam kehidupan mereka (Rabiatul Adawiah *et.al*, 2014, p. 47).

Perkataan lekuk yang terdapat dalam peribahasa tersebut menunjukkan bahawa sekeras-keras batu itu, keadaan fizikalnya boleh berubah menjadi lengkung apabila dititik secara kerap dengan air. Intelektual Melayu berdasarkan pengamatan mereka melihat dua makan yang tersirat, yang pertama ialah walaupun seseorang itu mempunyai hati yang keras dan mempunyai sifat yang degil, tetapi jika betul cara nasihat dan tunjuk ajarnya, hati yang keras itu mampu dilenturkan untuk menerima nasihat dan orang yang degil juga boleh berubah sikap menjadi seorang yang mendengar kata. Makna tersirat yang kedua ialah walaupun seseorang itu mempunyai daya pemikiran yang lemah, jika setiap hari diajar dan diberikan ilmu, lama-kelamaan dia mampu menerima pelajaran yang diajarkan oleh gurunya.

Dalam urusan mendidik masyarakat ini, masyarakat Melayu menggunakan kuasa lisan bagi melembutkan hati yang keras seperti yang terdapat dalam peribahasa **PT78**. Hal ini kerana orang Melayu percaya bahawa untuk mewujudkan manusia bertuah, berbudi luhur, cerdas dan terpuji, orang Melayu mewariskan tunjuk ajarnya dengan berbagai-bagai cara, baik melalui lisan mahupun melalui contoh dan teladan (Tenas Effendy, 2006, p. 15). Namun begitu, tunjuk ajar melalui lisan ini juga disatukan dengan perlakuan yang baik supaya masyarakat yang diajar itu mampu menyerap didikan yang diberikan dengan lebih baik lagi. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Tenas Effendy (2006) bahawa orang Melayu lebih yakin apabila orang yang memberikan tunjuk ajar itu menunjukkan sikap dan perangai yang terpuji sesuai dengan apa yang disampaikan melalui tunjuk ajarnya (p. 19).

4.3.3 Prinsip dalam Proses Pendidikan

Dalam proses pendidikan ini, ada beberapa prinsip yang perlu dipegang. Prinsip ini dapat dilihat melalui peribahasa tersebut. Prinsip yang dimaksudkan ialah sikap tidak berputus asa, kuatkan usaha dan memohon pertolongan daripada Allah. Dalam prinsip tidak berputus asa, peribahasa **lekuk batu dititik air selalu (BD1418)** telah menggambarkan hal ini, iaitu batu akan menjadi lekuk sekiranya dititik air secara kerap. Oleh itu, proses nasihat dan didikan itu tidak akan berkesan jika dilakukan sekali sahaja dan perlu dilakukan secara berulang kali. Oleh sebab itu, seseorang pendidik perlu mempunyai sikap tidak cepat jemu dan melakukan proses pendidikan dengan berulang-ulang kali untuk mendapat keberkesanan dalam proses pendidikan. Hal ini seperti yang dinyatakan dalam al-Quran, surah Yusuf ayat 87, maksudnya: “... Dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa daripada rahmat Allah melainkan kaum yang kafir.”

Sifat putus asa sekiranya ada dalam diri dalam proses pendidikan ini akan menjadikan proses tersebut tidak berjaya dan menjadikan masyarakat menjadi lemah kerana orang yang bertanggungjawab mendidik tidak mempunyai semangat dan keinginan untuk melihat kejayaan terhadap orang yang dididik. Prinsip seterusnya ialah gigih berusaha dan tidak lemah. Sikap lemah ini perlu dihindari kerana Allah tidak suka kepada orang yang bersikap lemah. Allah berfirman, dalam Surah Ali-Imran ayat 139, maksudnya: “Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamu orang yang paling tinggi (darjatnya), jika kamu orang yang beriman.”

Usaha yang gigih menunjukkan kesungguhan seorang pendidik itu untuk menjadikan didikannya diterima. Usaha yang gigih ini perlu ada pada pendidik dan orang yang dididik supaya proses pembelajaran itu berlaku secara dua hala, iaitu ada konsep memberi dan menerima antara kedua-dua belah pihak. Manakala prinsip yang ketiga ialah prinsip yang paling penting, iaitu sentiasa memohon pertolongan Allah. Sebatinya antara orang Melayu dengan agama Islam tidak boleh disangkal lagi. Oleh itu puncak kuasa yang paling tinggi bagi memohon pertolongan ialah daripada Allah SWT. Dalam usaha mendidik, konsep tawakal dan memohon pertolongan Allah ini sangat perlu dilakukan. Tenas Effendy mengakui dalam tulisannya, iaitu setiap insan Melayu hendaklah hidup dengan penuh takwa kepada Allah, Tuhan Yang Maha Esa. Surah al-Fatihah, ayat 5 menguatkan lagi hujah ini. Allah berfirman, maksudnya: “Hanya kepada Engkau kami menyembah dan hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan”.

Suatu hal yang utama dalam proses pendidikan ialah penjagaan adab semasa proses tersebut. Oleh itu, prinsip yang keempat ialah menjaga adab. Ungkapan Melayu ada mengatakan:

Ingat hidup sebagai hamba
Jauhkan sifat besar kepala
Banyakkan sujud menyembah Allah
Dalam berkata merendah-rendah
Dalam bergaul suka mengalah
Kalau keliru mengaku kalah


(Tenas Effendy, 2006, p. 49)

Hal ini kerana sekiranya anggota masyarakat tidak menjaga adab dalam proses menuntut ilmu, maka akibatnya buruk sehingga boleh merosakkan masyarakat tersebut. Tenas Effendy (2003, p. 77-78) mengatakan:

“Orang tua-tua Melayu menjelaskan betapa buruknya akibat yang ditimbulkan bila masyarakat membelakangi, menyia-nyiakan apalagi mendurhakai pemimpinnya.

Dalam ungkapan disebut: apa tanda orang yang bodoh, terhadap pemimpin tidak senonoh”

Dalam ungkapan tersebut, pemimpin yang dimaksudkan ialah orang yang memberikan tunjuk ajar, sama ada ibu bapa atau orang yang dituakan dalam masyarakat (Tenas Effendy, 2003 p.77). Berdasarkan perbincangan di atas, dapat diringkaskan prinsip dalam proses pendidikan ini dalam rajah yang berikut:



Rajah 4.4: Prinsip dalam Proses Pendidikan.

Rajah 4.4 di atas menunjukkan bahawa gabungan daripada prinsip tersebut akan melahirkan suatu proses pendidikan yang sangat baik dan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang mematuhi adat dan peraturan masyarakatnya. Dalam rajah tersebut, terdapat hubungan timbal balik antara pendidik dengan anggota masyarakat yang dididik. Oleh sebab itu terdapat anak panah yang menunjukkan hubungan dua hala tersebut. Ilmu atau nasihat yang diajarkan berjaya diterima oleh anggota masyarakat digambarkan oleh masyarakat Melayu dalam peribahasa **bagai menelan mestika embun (PM173)**. Mestika embun yang dimaksudkan dalam peribahasa ini ialah nasihat yang baik-baik termasuklah ilmu yang diterima oleh seseorang itu. Mestika embun jika dilihat maknanya yang tersurat ialah sejenis batu sakti atau geliga yang

sangat bernilai dan sangat susah untuk mendapatkannya. Oleh itu, nasihat dan ilmu yang baik itu merupakan sesuatu yang bernilai yang perlu diikut bagi membentuk seseorang itu berbudi mulia. Namun, sekiranya nasihat atau ilmu yang diajarkan oleh guru atau ibu bapa itu tidak disia-siakan oleh anggota masyarakat, maka akan tergambarlah seperti yang disebut dalam peribahasa:

bagai titik air ke batu (PM248)

bagai mencurah air di daun keladi (PM4)

kalis bagi air di daun keladi (PM299)

Air dalam ketiga-tiga peribahasa di atas membawa makna ilmu atau nasihat yang diberikan kepada seseorang. Namun, ilmu atau nasihat tersebut disia-siakan sahaja dan akhirnya ilmu atau nasihat tersebut tidak dicerna oleh minda penerima. Dalam peribahasa **bagai titik air ke batu (PM248)**, maknanya ialah “susah mengajar atau menasihati orang yang degil dan tidak mahu menerima”. Peribahasa ini menunjukkan bahawa nilai kesabaran dan rasional perlu ada dalam diri seorang pendidik (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 175). Jika tidak ada sifat sabar dan mudah putus asa, maka proses pendidikan tersebut tidak berjaya dan menjadi sia-sia. Bagi peribahasa **bagai mencurah air di daun keladi (PM4)** dan **kalis bagi air di daun keladi (PM299)**, proses pendidikan tersebut tidak menjadi berjaya kerana anak atau anggota masyarakat yang diajar tidak mahu menerima ilmu atau nasihat tersebut. Melalui kedua-dua peribahasa ini, menunjukkan bahawa ilmu yang diajarkan kepada orang yang tidak mahu menerima merupakan suatu pekerjaan yang sia-sia.

Tidak dapat dinafikan bahawa berdasarkan pengamatan masyarakat Melayu dahulu, ada individu yang dikatakan seperti dalam peribahasa **jikalau di hulu airnya keruh, tak dapat tidak, di hilirnya keruh juga (BD1068)**, iaitu sekiranya dari awal lagi sudah tidak elok, maka akhirnya jadi tidak elok juga (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 383), tetapi masyarakat Melayu mempunyai elemen yang mengawal keadaan ini, iaitu pihak yang mendidik perlulah sentiasa bersangka baik dan mengelakkan daripada bersangka buruk kepada pihak yang dididik. Peribahasa **jikalau di hulu airnya keruh, janganlah dihilir keruh juga (BD1055)** menjelaskan bahawa janganlah kita menyangka bahawa keburukan seseorang itu daripada keturunannya, kemungkinan ada faktor lain yang menyebabkan berlakunya perkara negatif dalam diri seseorang itu. Nilainya di sini adalah untuk mendidik masyarakat Melayu supaya mempunyai sikap saling menghormati dan sentiasa berfikiran baik (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011 p. 383). Oleh itu, jelas di sini bahawa proses pendidikan ini memerlukan proses timbal balik antara pendidik dengan orang yang dididik supaya proses tersebut menghasilkan kejayaan.

4.3.4 Perbezaan Antara Orang yang Berilmu Dengan Orang yang Tidak Berilmu

Dalam peribahasa Melayu, melalui unsur air ada tanda yang digunakan untuk membezakan antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu. Orang yang mempunyai ilmu diibaratkan dalam peribahasa sebagai **air tenang (gedang) menghanyutkan (BD69)** dan **air yang penuh dalam tempayan itu tidak akan berkocak (BD72)**. Dalam kedua-dua peribahasa ini, air ditandakan sebagai ilmu dan makna yang ditafsirkan ialah seseorang yang mempunyai ilmu itu biasanya pendiam dan tidak akan bercakap membangga diri serta berkemampuan melakukan pekerjaan

yang besar (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p.261). Maksud tersirat daripada peribahasa ini ialah masyarakat Melayu tidak membenarkan masyarakatnya untuk bersifat takabur, iaitu sentiasa rasa tinggi daripada orang lain, rasa lebih sempurna daripada orang lain dan dia sahaja yang lebih dalam segala-galanya (Mustafa Haji Daud, 1995, p. 125).

Bagi orang yang tidak berilmu pula, diibaratkan dalam peribahasa sebagai **air beriak tanda tak dalam (BD47)**, iaitu orang yang banyak bercakap tetapi tidak ada ilmu (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 258). Hal ini bertentangan dengan apa yang diajarkan oleh ajaran Islam, iaitu supaya seseorang itu bercakap apabila perlu sahaja dan jangan bercakap sesuatu yang tidak ada kena-mengena dengan dirinya dan jangan bercakap tentang sesuatu hal yang ia tidak tahu (Mustafa Haji Daud, 1995, p. 125).

Allah SWT berfirman dalam al-Quran bahawa orang yang tidak mahu menerima sesuatu yang baik sebagai orang yang paling buruk di sisi-Nya. al-Quran dalam Surah al-Anfal, ayat 22 Allah SWT berfirman:

“Sesungguhnya binatang (mahluk) yang seburuk-buruknya di sisi Allah ialah orang yang pekak dan bisu yang tidak mengerti apa-pun”.

Dalam ayat tersebut, manusia yang paling buruk di sisi Allah SWT ialah yang tidak mahu mendengarkan, menuturkan dan memahami kebenaran (*Al-Quran, Tajwid dan Terjemahan*, p. 179). Berdasarkan firman Allah SWT ini, seseorang yang ingin mendapat tempat dalam masyarakat dan mendapat kedudukan yang tinggi di sisi-Nya perlulah menambah ilmu dan berusaha untuk menghadiri majlis-majlis ilmu. Dalam Surah al-Mujadalah ayat 11, Allah SWT berfirman:

“Wahai orang yang beriman! Apabila dikatakan kepadamu: “Berilah kelapangan di majlis-majlis,” maka lapangkanlah, nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan: “Berdirilah kamu,” maka berdirilah, nescaya Allah akan mengangkat (darjat) orang yang beriman di antarmu dan orang yang diberi ilmu beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti apa yang kamu kerjakan.”

Dalam masyarakat Melayu, kedudukan orang yang tidak berilmu dan mensia-siakan ilmu yang diajarkan diperlihatkan dalam ungkapan sebagai:

Bila hidup tiada berilmu,
Dunia akhirat beroleh malu

Bila tiada ilmu di dada,
Alamat hidup akan sengsara

(Tenas Effendy, 2006, p. 118-119)

Kesimpulannya, air sebagai tanda dalam masyarakat Melayu memberi makna pendidikan dan sesuatu yang sangat penting kepada masyarakat. Proses pendidikan tersebut melibatkan orang yang mendidik dan orang yang dididik. Dalam masyarakat Melayu, mereka yang mendidik terdiri daripada kalangan ibu bapa, pemimpin, ketua agama dan anggota masyarakat yang dihormati. Anggota masyarakat pula perlu dididik sejak kecil supaya proses pendidikan tersebut berjalan dengan lancar. Bagi memastikan proses pendidikan tersebut berjaya dilaksanakan, prinsip gigih berusaha, tidak mudah berputus asa, bertawakal kepada Allah, dan menjaga adab yang telah dibincangkan sebelum ini perlu dipatuhi oleh pihak yang mendidik dan pihak yang dididik. Dalam Islam, suatu hal yang utama dan perlu menjadi pegangan oleh setiap umat ialah kewajipan dalam menuntut ilmu ini tanpa had atau batasan.

4.4 Air Sebagai Tanda Persaudaraan dan Perdamaian

Air juga boleh dilihat sebagai tanda persaudaraan dan perdamaian. Oleh itu, perbincangan ini turut menganalisis tentang pentingnya hubungan persaudaraan, unsur konflik dan perdamaian dalam masyarakat.

4.4.1 Konflik dalam Masyarakat

Masyarakat Melayu tradisi sangat mementingkan hubungan yang akrab sesama mereka. Keakraban hubungan sesama anggota masyarakat ini digambarkan dalam ungkapan “adat hidup berkaum bangsa, sakit senang sama dirasa”. Walau bagaimanapun, dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat ini, pelbagai situasi perlu dilalui dan ada kalanya situasi yang dilalui tersebut mengandungi konflik. Konflik yang dilalui oleh masyarakat ini juga perlu ditangani dengan sebaik mungkin supaya tidak berlarutan sehingga menimbulkan masalah yang lain. Wan Abdul Kadir (1994, p. 471) menjelaskan hal ini dalam bukunya *Pembangunan Masyarakat dan Budaya Melayu*.

“Masyarakat Melayu tradisional amat menekankan kepada kepentingan hubungan yang erat sesama anggota-anggota kelompok. Hubungan sosial yang erat itu merupakan asas kehidupan mereka. Kelompok-kelompok sosial yang membina penempatan kampung-kampung Melayu tradisi berasaskan kepada hubungan kekeluargaan. Sebuah kampung tradisi biasanya anggota-anggota kelompok berasaskan ikatan kekeluargaan, baik berasaskan keturunan darah mahupun perkahwinan. Masing-masing anggota kelompok saling mengenali antara satu sama lain, malah mereka yang terdiri daripada bilangan yang kecil mengenali keturunan dan hati budi antara seorang dengan seorang yang lain. Mereka dibesarkan dalam kelompok yang sama dalam jangka masa yang panjang dapat mengikat atau menentukan hubungan yang tersangat erat sesama sendiri. Walaupun terdapat konflik sosial yang timbul, merupakan konflik dalam keluarga yang dapat mereka selesaikan secara baik sebagai suatu keluarga yang besar.

Wan Abdul Kadir menyatakan beberapa perkara yang penting dalam petikan di atas, iaitu kelompok masyarakat, konflik dan penyelesaian konflik. Dalam hal ini, beliau ingin menjelaskan bahawa konflik tidak dapat lari dalam sesebuah anggota masyarakat. Hal ini diperlihatkan dalam peribahasa **laut mana tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan (PT460)**. Konflik dalam keluarga ataupun masyarakat boleh terjadi berdasarkan beberapa sebab, antaranya termasuklah sebab urusan harta, urusan ekonomi, tidak ada kesepakatan dalam urusan masyarakat dan sebagainya. Perkara ini berpunca daripada sikap manusia sendiri. Tenas Effendy

(2006, p. 324) ada mengatakan tentang sikap manusia sebagai “hidup penuh kecurigaan dan bersangka buruk”. Sikap seperti ini akan menumbuhkan “fitnah memfitnah, tomah menomah, iri mengiri, dengki mendengki”. Apabila adanya sikap seperti ini dalam masyarakat, maka akan berlakulah perpecahan dan permusuhan. Hal ini dapat menggoyahkan persatuan, kesatuan dan kerukunan masyarakat. Peribahasa **air besar batu bersibak (BD48)** memberi makna tersirat bahawa akibat daripada konflik, akan berlakunya pergaduhan dan timbulnya perselisihan dan menyebabkan hubungan kemasyarakatan itu tidak harmoni (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 258).

Apabila berlakunya keadaan seperti yang demikian, perlu ada pihak yang bertindak untuk menghapuskan sesuatu konflik yang berlaku tersebut. Penyelesaian terhadap konflik tersebut perlu dilakukan bagi menjamin masyarakat tersebut dapat hidup dengan aman dan harmoni. Dalam peribahasa **PT460**, laut, ombak dan hujan ditandakan sebagai konflik yang berlaku dalam sesebuah masyarakat dan konflik tersebut perlu diatasi dengan baik.

4.4.2 Penyelesaian Terhadap Konflik

Dalam masyarakat Melayu, konflik perlu ditangani dengan segera. Oleh itu, permuafakatan merupakan penyelesaian terhadap konflik. Peringkat pentingnya permuafakatan dalam sesebuah masyarakat ditandakan oleh unsur air dalam peribahasa **bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat (PT193)**. Dalam peribahasa ini, permuafakatan sesama manusia itu diibaratkan air yang berada dalam pemetung. Perkataan bulat dalam peribahasa tersebut menunjukkan kesepaduan yang ada dalam air itu memberi kekuatan yang tinggi. Hal

ini kerana sifat air yang penting ialah ketegangan permukaannya sehingga mampu mengapungkan kayu balak. Zawawi Haji Ahmad (1990, p. 17) mengatakan bahawa ketegangan ini sangat penting bagi beberapa jenis tumbuhan dan haiwan. Bagi manusia, ketegangan permukaan air ini dapat membantu melayarkan kapal-kapal, mengapungkan kayu balak dan lain-lain. Kekuatan air pula digunakan manusia mendapatkan tenaga. Empangan-empangan yang besar menggunakan kekuatan air untuk memperoleh tenaga yang kuat (Zawawi Haji Ahmad, 1990, p. 15). Oleh itu, maksud yang tersirat daripada peribahasa yang menggunakan unsur air tersebut ialah apabila anggota masyarakat bersatu padu dan bermuafakat, segala permasalahan yang timbul dalam masyarakat dapat diatasi dan pihak luar tidak ada ruang dan peluang untuk memecahbelahkan masyarakat tersebut.

4.4.3 Unsur Perdamaian

Peribahasa berikut memberi maksud tersirat tentang unsur perdamaian setelah berlakunya sesuatu konflik.

Hanya air dingin yang dapat memadamkan api (BD839)

Hapus panas setahun oleh hujan sehari (BD840)

Hilang kemarau setahun oleh hujan sehari (BD914)

Air dalam peribahasa **BD839**, hujan dalam **BD840** dan **BD914** ditandakan sebagai unsur perdamaian. Masyarakat Melayu melalui pengamatannya terhadap alam melihat bahawa api, panas dan kemarau akan terhapus oleh unsur air. Sifat air yang menyerap ke dalam bumi mampu membasahkan bumi dan menghapuskan panas dan kemarau sehingga boleh menumbuhkan tanam-tanaman. Allah SWT berfirman dalam al-Quran melalui surah al-An'am ayat 99 yang bermaksud:

“Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan daripada tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau.”

Air sebagai tanda perdamaian dalam peribahasa ini ada kaitannya dengan sifat fizikal air itu sendiri sebagai bahan pelarut. Hujan yang mencurah turun dapat melembutkan tanah sehingga membolehkan tumbuh-tumbuhan tumbuh dengan baik (Zawawi Haji Ahmad, 1990, p. 16). Hujan melarutkan gas seperti oksigen, karbon dioksida dan nitrogen yang terdapat di dalam udara. Apabila hujan sampai ke bumi ia melarutkan pula setengah daripada bahan pepejal di bumi. Sifat inilah yang diterjemahkan oleh masyarakat Melayu dengan menandakan bahawa air itu secara tersiratnya sebagai sesuatu yang mampu melarutkan sifat dendam, khianat serta sifat-sifat lain yang menimbulkan konflik.

Dalam konteks ini, sesuatu yang menjadi unsur perdamaian dalam konflik yang timbul dalam masyarakat ialah orang yang dihormati dalam kelompok masyarakat dan keluarga. Orang yang bertanggungjawab tersebut perlu memberikan nasihat dan pandangan supaya konflik tersebut berjaya dihapuskan. Mereka juga tidak boleh bersifat berat sebelah dan tidak boleh dipengaruhi oleh unsur-unsur lain. Dalam hal ini, biasanya mereka yang bertanggungjawab untuk mendamaikan sesuatu konflik dalam hubungan keluarga ialah suami atau bapa. Dalam hubungan kekeluargaan, suami sebagai ketua keluarga perlu mendapat penghormatan dan taat setia daripada anggotanya, iaitu isteri dan anak-anak. Kuasa sebagai ketua keluarga itu amat penting bagi menentukan kestabilan dan keharmonian keluarga. Manakala dalam kelompok yang lebih besar pula, pemimpin dalam masyarakat, iaitu ketua kelompok, atau ketua kampung berkuasa dan anak-anak buah dikehendaki sentiasa mendengar dan mematuhi kata-kata mereka (Wan Abdul Kadir, 1990, p. 25).

Apabila sesuatu konflik itu telah dapat diatasi melalui unsur perdamaian, hubungan yang terjalin itu akan mewujudkan keadaan yang harmoni. Pentingnya unsur perdamaian itu menunjukkan bahawa konflik yang berlaku dalam hubungan kekeluargaan atau kemasyarakatan itu biasanya tidak dibiarkan berlaku terlalu lama kerana masyarakat Melayu mementingkan hubungan yang akrab sesama mereka apatah lagi jika hubungan tersebut berdasarkan pertalian darah. Perkara ini terdapat dalam peribahasa **air dicincang tak akan (tiada) putus (BD54) dan air sama air kelak menjadi satu, sampah itu ke tepi juga (BD65)**. Air yang berbentuk cecair tidak dapat dipisahkan walaupun dipotong dengan alat pemotong. Masyarakat Melayu yang peka dengan sifat air tersebut telah melihat maksud tersiratnya dengan menterjemahkannya ke dalam peribahasa tersebut. Dalam hal ini individu yang berkonflik tersebut perlu membuang rasa ego supaya hubungan tersebut kembali pulih dan dapat menjalankan peranannya dalam keluarga dan masyarakat semula dengan baik. Wan Abdul Kadir Wan Yusuf (1994) mengatakan bahawa:

“Seseorang merasa bertanggungjawab kepada keluarganya dan kelompoknya. Hubungan dirinya dengan keluarga dan kelompok tidak mudah dipisahkan. Seorang itu menyedari bahawa untuk membolehkan dirinya dianggap sebagai anggota kelompok dan untuk terus tinggal dalam kelompoknya sepanjang hayat” (p. 476).

Islam juga sangat mementingkan hubungan yang baik ini. Hal ini jelas dibuktikan dalam Surah al-Imran ayat 103 Allah berfirman, maksudnya: “Dan berpeganglah kamu sekalian dengan tali Allah dan janganlah kamu berpisah-pisah.” Tali yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah tali yang dilarang diputuskan oleh perasaan benci-membenci, pandang-memandang, kerana berlainan kedudukan dan aliran fahaman, yang mana menyebabkan pupusnya perasaan cinta antara sesama sendiri (Mustafa „Abdul Rahman, 2001, p. 195-196).

Dalam membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai hubungan yang harmoni, setiap anggotanya perlu menjalankan peranan masing-masing dengan baik. Perbezaan prinsip dan pendapat dalam masyarakat memang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, kebijaksanaan individu dalam masyarakat mampu untuk mengatasi konflik yang berlaku. Masyarakat Melayu berdasarkan pengalaman mereka dengan alam telah melihat bahawa terdapat tanda-tanda pada air yang membawa makna persaudaraan dan perdamaian. Pentafsiran mereka itu dibuat berdasarkan sifat-sifat air itu sendiri dan digabungkan dengan keadaan yang mereka hadapi dalam masyarakat setiap hari. Air sebagai tanda persaudaraan dan perdamaian dapat dilihat dalam rajah di bawah.



Rajah 4.5: Air Sebagai Tanda Persaudaraan dan Perdamaian.

4.5 Rumusan

Air sebagai tanda dalam peribahasa Melayu merupakan satu tafsiran yang sangat dalam oleh orang Melayu. Secara tersuratnya air merupakan unsur alam yang sangat penting dalam memberi kelangsungan hidup manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Namun, masyarakat Melayu melalui kearifan mereka telah melihat lebih jauh daripada itu. Mereka melihat bahawa air sebagai suatu tanda yang membolehkan mereka membentuk peribadi yang baik kepada anggota masyarakat melalui proses

penyucian jiwa yang dilakukan dalam proses pendidikan dan proses persaudaraan dan perdamaian. Dalam hal ini, orang Melayu melihat bahawa kejadian alam itu dinilai dan ditafsirkan sehingga boleh menjadikan anggota masyarakatnya seorang yang budiman dan mampu menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat. Sekiranya boleh, mereka mahu anggota masyarakatnya menjadi seorang yang budiman. Masyarakat Melayu juga meminta masyarakatnya supaya melakukan sesuatu yang positif dalam kehidupan mereka dan sesuatu yang negatif, buruk tidak seharusnya dijadikan contoh teladan. Masyarakat Melayu membentuk masyarakatnya melalui pengamatan yang menyeluruh, iaitu melihat sesuatu yang ada dalam alam dan mempunyai unsur kawalan terhadapnya berdasarkan kejadian alam itu sendiri. Secara keseluruhannya, melalui perbincangan ini, dapat dilihat bahawa air sebagai tanda dalam peribahasa Melayu memberikan tanda yang baik dalam membentuk anggota masyarakat dan seterusnya mencapai matlamat kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan seperti yang terdapat dalam paksi Teori Pengkaedahan Melayu.

BAB 5: KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Perbincangan dalam kajian ini melihat unsur **padi** dan **air** dalam peribahasa Melayu. Kedua-dua unsur tersebut merupakan unsur alam yang penting dalam kehidupan manusia. Justifikasi unsur padi dan unsur air diambil untuk kajian ini adalah kerana kedua-duanya memberikan impak yang tinggi dalam kehidupan manusia di samping mempunyai ciri-ciri yang penting sebagai unsur alam, iaitu mempunyai sifat *nasim*, iaitu kesegaran dan sifat *jamal*, iaitu keindahan. Malahan padi pula merupakan sumber utama bagi pemakanan manusia, terutamanya bagi masyarakat Melayu. Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 1, peribahasa yang dipilih bukan sahaja yang menggunakan perkataan padi dan air, tetapi juga unsur-unsur lain yang berkaitan dengan padi dan air. Hal ini kerana kajian ini ingin memperlihatkan bahawa pemikiran masyarakat Melayu dahulu sangat tinggi sehingga melihat setiap unsur yang berkaitan dengan padi dan air sehingga membolehkan mereka memasukkan unsur-unsur tersebut ke dalam peribahasa.

Kajian ini menggunakan sastera lisan peribahasa kerana peribahasa dalam masyarakat Melayu merupakan medium untuk mendidik masyarakat ke arah yang lebih baik. Hal ini kerana dalam peribahasa mengandungi nilai, pengajaran, etika, serta panduan dalam seluruh kehidupan manusia. Dari segi struktur binaannya, peribahasa ialah sastera lisan yang terdiri daripada beberapa patah perkataan yang disusun mengikut keindahan bahasa yang memberikan makna yang tersurat dan tersirat serta melambangkan ketinggian budi bahasa masyarakat tradisional.

Ketinggian budi bahasa yang dilambangkan dalam peribahasa boleh dilihat dari segi penekanan kepada keindahan bentuk dan isinya.

Kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu, dan menerapkan Pendekatan Firasat dalam analisis. Teori ini dipilih kerana teori ini merupakan teori tempatan yang menggabungkan kesusasteraan dengan alam serta berpaksikan kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan. Matlamat utama teori ini adalah untuk menjadikan masyarakat, iaitu khalayak sastera menjadi lebih baik. Pendekatan Firasat pula dipilih kerana dalam pendekatan ini, hasil kesusasteraan dilihat tandanya dan makna kepada tanda itu ditafsirkan. Pendekatan firasat ini sesuai digunakan kerana sifat peribahasa yang mempunyai makna tersurat dan makna tersirat selari dengan konsep yang ada dalam Pendekatan Firasat. Hal ini kerana, dalam Pendekatan Firasat, hasil kesusasteraan itu seperti mimpi yang perlu ditafsirkan maknanya berdasarkan tanda-tanda tertentu. Hasil analisis dibincangkan secara lanjut dalam Bab 5 ini.

5.2 Rumusan Kajian

Berdasarkan analisis, kajian ini dapat merumuskan bahawa unsur alam, iaitu padi dan air dalam peribahasa Melayu berdasarkan buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* dapat dikenal pasti. Sebanyak 119 peribahasa tentang padi dan unsur yang berkaitan dengannya dipilih untuk tujuan analisis dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 41 peribahasa yang dimasukkan dalam kajian. Peribahasa ini dipilih setelah dibuat penilaian. Penilaian ini berdasarkan maksud tersirat yang banyak digunakan oleh masyarakat terhadap unsur padi dan unsur yang berkaitan padi.

Bagi unsur air sebagai tanda pula, sebanyak 114 peribahasa dikenal pasti menggunakan unsur air dan unsur yang berkaitan dengannya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 peribahasa dikenal pasti menjadi tanda bagi pendidikan dalam masyarakat Melayu dan lapan peribahasa digunakan sebagai tanda persaudaraan dan perdamaian. Sama seperti unsur padi, penilaian ini juga berdasarkan maksud tersirat yang banyak digunakan oleh masyarakat terhadap unsur air.

Bagi unsur padi, masyarakat Melayu mentafsirkan padi mempunyai tanda-tanda yang berikut; iaitu sebagai tanda hubungan kekeluargaan dan persaudaraan, tanda pembinaan akhlak dan sebagai tanda sumber rezeki. Sebanyak 11 peribahasa yang digunakan dalam bahagian padi sebagai tanda hubungan kekeluargaan dan persaudaraan. Daripada jumlah tersebut, lima peribahasa menggunakan „padi“ sebagai tanda, satu peribahasa menggunakan „hampa dan bernas“, satu peribahasa menggunakan „lesung“, dua peribahasa menggunakan „beras dan antah“ dan dua peribahasa menggunakan „antan dan lesung“. Dalam analisis padi sebagai tanda pembinaan akhlak, sebanyak 15 peribahasa menggunakan unsur padi digunakan dalam bahagian ini. Daripada jumlah tersebut, sembilan peribahasa menggunakan „padi“, dua peribahasa menggunakan „lesung“, dua peribahasa menggunakan „beras dan padi“, satu peribahasa menggunakan pulut, dan satu peribahasa menggunakan „alu dan padi“. Bagi unsur padi sebagai tanda sumber rezeki, sebanyak 15 peribahasa dikenal pasti menggunakan unsur padi. Sebanyak lapan peribahasa menggunakan „padi“, dua peribahasa menggunakan „padi dan beras“, dua peribahasa menggunakan „nasi“ dan satu peribahasa menggunakan „beras dan antah“. Dalam bahagian ini, terdapat peribahasa yang berkaitan dengan konsep ukuran dimasukkan dalam analisis, iaitu segenggam, segantang dan secupak bagi memantapkan hujah. Satu

peribahasa menggunakan „segenggam dan segantang“ dan satu lagi peribahasa menggunakan „secupak dan segantang“. Jadual di sebelah menjelaskan hal ini.

Jadual 5.1: Penggunaan Padi Sebagai Tanda dalam Peribahasa.

| | Tanda kekeluargaan dan persaudaraan | Tanda pembinaan akhlak | Tanda sumber rezeki |
|-------------------------|--|-------------------------------|----------------------------|
| Padi | 5 | 9 | 8 |
| Lesung | 1 | 2 | - |
| Pulut | - | 1 | - |
| Nasi | - | - | 2 |
| Hampa dan bernas | 1 | - | - |
| Antan dan lesung | 2 | - | - |
| Beras dan antah | 2 | - | 1 |
| Beras dan padi | - | 2 | 2 |
| Alu dan padi | - | 1 | - |
| Segenggam dan segantang | - | - | 1 |
| Secupak dan segantang | - | - | 1 |
| Jumlah | 11 | 15 | 14 |

Berdasarkan Jadual 5.1, kajian ini merumuskan bahawa unsur padi dalam peribahasa memberikan tanda-tanda yang tertentu bagi membentuk sebuah masyarakat yang baik. Dalam bahagian unsur padi sebagai tanda, „padi“ merupakan tanda yang banyak digunakan, iaitu sebanyak lima dalam tanda hubungan persaudaraan dan kekeluargaan, sembilan dalam tanda hubungan kekeluargaan dan lapan dalam tanda sumber rezeki. Jumlah ini lebih banyak berbanding dengan unsur lain yang digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa „padi“ dari sifat fizikalnya, fungsinya dan kepentingannya banyak memberi makna yang tersurat dalam

kehidupan masyarakat Melayu. Dari segi fizikal padi, peribahasa berikut membuktikan perkara ini:

padi setangkai bernas semuanya (BD1910)

padi dikebat dengan daunnya (BD1906)

**seperti buah padi, makin berisi makin rendah, jangan seperti lalang,
makin lama makin meninggi (PM582)**

ilmu padi, makin berisi makin tunduk (BD954)

bawa resmi padi makin berisi makin menunduk (PT79)

**jangan bawa resmi jagung, makin berisi makin tegak, bawalah resmi
padi semakin berisi semakin menunduk (PT367)**

**seperti buah padi, makin berisi makin rendah, jangan seperti lalang,
makin lama makin meninggi (PM582)**

baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang (BD219)

Peribahasa yang disenaraikan di atas merupakan peribahasa yang memberikan makna yang tersirat berdasarkan sifat fizikal padi yang tumbuhannya semakin menunduk apabila semakin masak dan berisi berbeza dengan tumbuhan seperti lalang dan jagung. Oleh sebab itu, masyarakat Melayu selalu membuat perbandingan antara tumbuhan padi dengan tumbuhan lalang dan jagung yang sifat fizikalnya sangat berbeza dengan padi. Hal inilah yang dikatakan sebagai alam memberi makna yang penting kepada kehidupan manusia.

Dari segi fungsinya dan kepentingannya, padi merupakan sumber makanan utama bagi masyarakat Melayu. Sebagai sumber makanan yang utama, masyarakat Melayu sentiasa memastikan padi mencukupi untuk keperluan mereka. Fungsi padi bukan sahaja sebagai sumber makanan, tetapi lebih jauh daripada itu, padi juga dianggap

sebagai lambang kesenangan dan kekayaan kepada mereka yang mempunyai tanah sawah bagi mengusahakan tanaman padi. Pentingnya padi dalam kehidupan masyarakat Melayu menyebabkan mereka perlu menjaga dan mengusahakan tanaman tersebut dengan sebaik mungkin. Padi juga dilambangkan sebagai sesuatu yang berharga, bernilai dan lambang keunggulan dalam masyarakat Melayu. Berdasarkan fungsi dan kepentingan itulah mereka menterjemahkannya dalam bentuk peribahasa dan memberikan makna yang tersirat dengan tujuan untuk mendidik masyarakat dari segi hubungan kekeluargaan, pembinaan akhlak dan juga sebagai tanda rezeki.

Peribahasa yang berikut merupakan peribahasa yang telah dianalisis dalam bahagian padi sebagai tanda dalam peribahasa. Berdasarkan fungsi dan kepentingan padi seperti yang terdapat dalam senarai peribahasa di bawah, kajian ini membuktikan bahawa padi sebagai tanda dalam peribahasa membantu untuk mendidik masyarakat mencapai matlamat kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan seperti yang dinyatakan dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

jika ada padi berhampalah, jika ada hati berasalah (PT383)

jika ada padi, tentu ada hampanya; jika ada hati tentu terasa (PT384)

seperti ilmu padi hampa, makin lama makin mencongak(PM642)

ada beras taruh dalam padi (BD7)

taruh beras dalam padi (BD2348).

ayam bertelur atas padi (BD194)

jikalau kasihkan padi, buanglah rumput (BD1070)

bermimpi mendapat emas, takkan membuat pura; bermimpi mendapat padi, takkan membuat lumbung (PT134).

tanam padi tumbuh lalang, ayam ditambat disambar helang (PT853)

pagar makan padi (tanaman) (BD1911)

harapkan pagar, pagar makan padi (PT316).

ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras (PT3)

ada padi, segala menjadi; ada beras, segala deras (PT4).

ada padi masak adalah pipit (BD19)

padi masak jagung mengupih (BD1907)

padi rebah, paksa tekukurlah (BD1908)

Dalam kajian ini, terdapat juga peribahasa yang berkaitan unsur padi dimasukkan dalam perbincangan. Unsur ini penting untuk dimasukkan kerana bagi menyokong hujah dan bagi membuktikan bahawa masyarakat Melayu sangat teliti dalam pengamatan mereka kerana unsur lain yang berkaitan padi turut memberi kesan dan memberikan ilham kepada mereka dalam mengungkapkan sesuatu. Sebagai contoh; „alu“, „lesung“, „antah“, „hampa“, „pulut“, „lesung“ merupakan unsur lain yang berkaitan padi dimasukkan dalam perbincangan. Hal ini kerana unsur-unsur ini memberikan tanda dalam peribahasa dan maknanya yang tersirat didapati membantu dalam mendidik masyarakat. Begitu juga dengan konsep ukuran, iaitu „segenggam“, „secupak“ dan „segantang“ yang merupakan konsep ukuran masyarakat Melayu yang sangat penting pada masa dahulu. Konsep ukuran tersebut memberi makna bahawa padi sebagai tanda sumber rezeki disukat berdasarkan ukuran tersebut. Sedikit atau banyaknya padi yang diperoleh dilambangkan oleh ukuran tersebut dan memberi makna terhadap keupayaan dan usaha yang mereka lakukan. Walaupun unsur lain selain daripada „padi“ dimasukkan dalam perbincangan, namun dari segi jumlahnya masih tidak melampaui unsur utama, iaitu padi kerana fokus utama dalam kajian ini ialah padi sebagai tanda dan unsur lain tersebut hanya sebagai sokongan kepada hujah.

Dalam bahagian perbincangan air sebagai tanda, masyarakat Melayu mentafsirkan air mempunyai tanda yang utama, iaitu sebagai tanda penyucian. Tanda penyucian ini merangkumi air sebagai tanda pendidikan dan air sebagai tanda persaudaraan dan perdamaian. Akhir sekali, air dilihat sebagai suatu tanda yang menjadi panduan untuk membentuk akhlak masyarakat. Sebanyak 114 peribahasa yang dikenal pasti menggunakan air sebagai tanda. Daripada jumlah tersebut, hanya 19 peribahasa sahaja yang digunakan untuk kajian dalam bahagian ini. Sebelas peribahasa dalam bahagian air sebagai tanda pendidikan dan lapan peribahasa dalam air sebagai tanda persaudaraan dan perdamaian. Unsur lain yang dimasukkan selain „air“ ialah „embun“, „laut“, dan „hujan“. Dalam perbincangan air sebagai tanda pendidikan, sebanyak sepuluh peribahasa yang menggunakan „air“ digunakan sebagai perbincangan dan satu peribahasa menggunakan „embun“ sebagai tanda. Dalam bahagian air sebagai tanda persaudaraan pula, peribahasa yang menggunakan „air“ yang diambil untuk perbincangan ialah sebanyak lima, manakala peribahasa yang menggunakan „hujan“ sebanyak dua dan peribahasa yang menggunakan „laut dan hujan“ sebanyak satu. Ringkasannya adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 5.2: Penggunaan Air Sebagai Tanda dalam Peribahasa .

| | Tanda pendidikan | Tanda persaudaraan dan perdamaian |
|----------------|-------------------------|--|
| Air | 10 | 5 |
| Embun | 1 | - |
| Hujan | - | 2 |
| Laut dan hujan | - | 1 |

Berdasarkan jumlah ini, hanya 19 peribahasa sahaja yang dikenal pasti menunjukkan air sebagai tanda. Hal ini kerana perbincangan dalam bahagian ini memfokuskan air sebagai tanda penyucian. Hal ini kerana fungsi utama air adalah untuk membersihkan sesuatu. Dalam bahagian air sebagai tanda penyucian, tanda pendidikan dengan tanda persaudaraan dan perdamaian akan dihuraikan dengan mendalam kerana penyucian jiwa masyarakat adalah melalui pendidikan dan persaudaraan. Pendidikan pula meliputi pendidikan dari segi fizikal dan rohani kerana untuk membentuk masyarakat, bukan sahaja unsur luaran yang perlu dibersihkan bahkan juga unsur dalaman, iaitu jiwa. Oleh sebab itu dalam bahagian ini fokus adalah kepada huraian bagi menjelaskan dengan mendalam akan tanda yang telah ditentukan itu. Dalam perbincangan air sebagai tanda pendidikan, kajian ini mendapati bahawa sifat air itu, iaitu cair dan lembut mampu untuk membawa perubahan kepada sesuatu yang sangat keras. Masyarakat Melayu melihat proses ini sebagai sesuatu yang boleh dijadikan sebagai pengajaran bahawa sesuatu yang lembut dan cair itu tidak semestinya lemah dan sesuatu yang keras itu pula tidak selamanya kekal dan tidak boleh ditewaskan.

Dalam perbincangan air sebagai tanda pendidikan dan tanda persaudaraan dan perdamaian, kajian mendapati bahawa masyarakat Melayu sangat teliti dalam melaksanakan pendidikan kepada anggota masyarakatnya. Pendidikan dalam masyarakat Melayu begitu menyeluruh dan merangkumi semua aspek, iaitu pihak yang mendidik, prinsip dalam proses pendidikan, kedudukan orang yang berilmu dan orang yang tidak berilmu dalam masyarakat. Dalam hal ini, air sebagai tanda pendidikan bukan sahaja ditafsirkan sebagai mendidik dari segi luaran, bahkan juga dari segi jiwa anggota masyarakatnya dengan memberikan didikan agama supaya jiwa anggota masyarakatnya bersih. Berdasarkan kajian, hubungan persaudaraan


dan perdamaian ini pula didapati merupakan suatu proses untuk anggota masyarakat sentiasa membersihkan hati untuk sentiasa bersangka baik dan menjernihkan sesuatu hubungan yang keruh akibat konflik.

Daripada analisis dan perbincangan dalam keseluruhan kajian ini, didapati bahawa masyarakat Melayu tradisional sangat mementingkan pembinaan akhlak anggota masyarakatnya. Berdasarkan perbincangan tentang padi sebagai tanda dan air sebagai tanda didapati bahawa matlamat akhirnya ialah pembinaan akhlak yang baik. Walaupun terdapat perbincangan yang khusus tentang padi sebagai tanda membina akhlak yang baik, namun tanda-tanda yang lain juga menjurus ke arah pembinaan akhlak yang baik. Contohnya, dalam perbincangan padi sebagai tanda hubungan kekeluargaan dan persaudaraan, serta padi sebagai tanda sumber rezeki, peribahasa yang dipilih serta perbincangan dalam bahagian tersebut juga secara tidak langsung mendidik masyarakat untuk mempunyai akhlak yang baik. Dalam perbincangan air sebagai tanda pula, lebih jelas mendidik masyarakat supaya sentiasa berakhlak baik sesama anggotanya dengan menyucikan hati dan jiwa supaya didikan yang diberikan mudah diterima oleh anggota masyarakat.

Dalam penerapan Teori Pengkaedahan Melayu umumnya dan Pendekatan Firasat khususnya dalam kajian terhadap peribahasa, didapati bahawa teori dan pendekatan ini sesuai digunakan. Hal ini kerana peribahasa Melayu merupakan hak milik orang Melayu yang dicipta berdasarkan budaya dan pandangan hidup orang Melayu. Penghasilan peribahasa sebagai karya kesusasteraan orang Melayu merupakan hasil pengalaman mereka yang perlu ditafsirkan maknanya. Unsur alam sebagai elemen penting dalam penghasilan peribahasa pula sangat dekat dengan masyarakat Melayu dan mereka menjadikannya sebagai guru dalam kehidupan seperti yang terungkap

dalam „alam terkembang dijadikan guru“. Unsur alam itu pula memberikan tanda-tanda tertentu yang mempunyai makna yang tersirat. Makna-makna itulah yang memberikan panduan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Dalam teori ini, agama Islam dijadikan landasan dalam penghasilan karya kerana paksi kepada teori ini ialah kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan dan puncak utama kepada teori ini ialah Allah SWT. Tambahan pula semasa menganalisis peribahasa dan mencari makna kepada tanda yang terdapat dalam peribahasa tersebut, didapati unsur didaktik yang terdapat dalam peribahasa tersebut selari dengan ajaran yang terdapat di dalam Islam. Oleh itu kajian ini memasukkan juga ayat daripada al-Quran serta Hadis Nabi SAW bagi memantapkan hujah dan bagi membuktikan kebenaran bahawa karya sastera juga boleh dijadikan bahan dakwah untuk mendidik masyarakat ke arah yang lebih baik. Hal ini penting kerana sesebuah kajian bukan sahaja perlu menerapkan teori terhadap bahan kajian, bahkan juga perlu menjadi medium untuk mendidik masyarakat bagi mencapai matlamat kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan. Berdasarkan keseluruhan analisis ini juga, kedudukan paksi Teori Pengkaedahan Melayu ini digambarkan dalam rajah yang berikut.



Rajah 5.1: Paksi Teori Pengkaedahan Melayu.

Rajah di bawah menjelaskan bahawa ketakwaan merupakan puncak tertinggi dalam paksi Teori Pengkaedahan Melayu kerana ketakwaan melibatkan hubungan yang

sangat tinggi, iaitu hubungan dengan Allah SWT. Hal ini kerana paksi ketakwaan ini sebagai tanda bahawa individu itu mempunyai rasa takut kepada Allah SWT dan akan berusaha untuk melakukan yang terbaik sebagai hamba-Nya. Paksi kebajikan dan kesusilaan ini pula merupakan paksi yang menyokong individu itu untuk menjalinkan hubungan yang baik sesama manusia dan matlamatnya juga adalah untuk mendapat hubungan yang baik dengan Allah SWT. Berdasarkan keadaan ini, didapati bahawa untuk mencapai matlamat paksi kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan, hubungan sesama manusia (hablumminannas) dan hubungan dengan Allah (hablumminallah) perlu dijaga dengan sebaik-baiknya.

5.3 Implikasi dan Cadangan daripada Hasil Dapatan

Berdasarkan perbincangan, implikasi daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa peribahasa Melayu merupakan salah satu wadah ataupun asas dalam mendidik masyarakat. Hal ini terbukti apabila tanda-tanda yang ada dalam peribahasa itu menjurus kepada pembinaan akhlak masyarakat. Peribahasa yang dikenal pasti walaupun mempunyai unsur kiasan ataupun perbandingan, matlamatnya adalah untuk mendidik masyarakat supaya menjaga hubungan sesama ahli keluarga dan masyarakat, menjaga tutur kata dan perlakuan, berusaha dengan gigih serta saling mengamalkan perasaan baik sangka sesama anggota masyarakat. Malahan berdasarkan kajian ini, didapati bahawa unsur kiasan yang ada dalam peribahasa yang dikenal pasti merupakan suatu teguran secara lembut supaya anggota masyarakat tidak melakukan perkara yang negatif. Sebagai contoh, peribahasa **kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa (PT241)** merupakan suatu peringatan yang tegas kepada anggota masyarakat untuk menjaga pertuturan supaya tidak membawa kebinasaan kepada dirinya sendiri dan seterusnya kepada

masyarakat. Walaupun teguran itu secara kiasan, namun jika tidak dipatuhi, kebarangkalian untuk sesebuah masyarakat itu rosak akibat daripada bencana mulut sangat tinggi.

Hasil dapatan daripada kajian ini juga mendapati bahawa peribahasa Melayu menjadi mekanisme yang mengawal masyarakatnya supaya menjadi sebuah masyarakat yang mempunyai nilai dan norma. Hal ini kerana walaupun ada peribahasa yang memberikan makna yang agak negatif sifatnya, namun ada juga peribahasa yang mengawalinya supaya unsur yang negatif itu ditukar menjadi positif. Contohnya, dalam perbincangan air sebagai tanda, terdapat peribahasa **jikalau di hulu airnya keruh, tak dapat tidak, di hilirnya keruh juga (BD1068)** yang memberi makna bahawa seseorang yang berperangai tidak elok datangnya daripada keturunan yang tidak elok juga. Namun, peribahasa **jikalau di hulu airnya keruh, janganlah dihilir keruh juga (BD1055)** memberikan makna yang positif kepada peribahasa tersebut dengan memberi makna bahawa tidak semestinya sifat seseorang yang tidak elok itu datang daripada keturunan yang tidak elok kerana ada pelbagai faktor yang menjadikan seseorang itu berperangai tidak elok.

Daripada kajian ini juga, didapati bahawa peribahasa Melayu mempunyai peranan yang besar dalam masyarakat dan boleh dijadikan sebagai bahan dakwah dan diselarikan dengan pendidikan agama. Hal ini kerana setiap makna yang ditafsirkan daripada tanda dalam kajian ini ada hujah dan dalil yang ditemui dalam al-Quran. Perkara ini menunjukkan bahawa sesuatu yang dihasratkan dalam ajaran Islam turut ada dalam peribahasa Melayu. Sebagai bukti, dalam perbincangan air sebagai tanda pendidikan, peribahasa yang disenaraikan mempunyai padanannya yang selari dengan ayat al-Quran. Prinsip yang penting dalam proses pendidikan, iaitu tidak

berputus asa terdapat dalam **peribahasa lekuk batu dititik air selalu (BD1418)**. Dalam ajaran Islam, melalui surah Yusuf ayat 87, Allah SWT berfirman, maksudnya: ...“dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah”. Berdasarkan keseluruhan perbincangan, kajian ini memberikan implikasi yang positif dalam pembentukan masyarakat yang berkebijakan, bertakwa dan mempunyai kesusilaan.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan suatu kajian yang menggunakan teori tempatan, iaitu Teori Pengkaedahan Melayu dengan mengkhususkan Pendekatan Firasat dalam menerapkannya terhadap peribahasa Melayu. Kajian ini membuka laluan supaya lebih banyak lagi kajian menggunakan teori tempatan untuk diaplikasikan kepada hasil kesusasteraan tempatan, khususnya kajian sastera tradisional. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa terdapat keserasian antara bahan kajian sastera tradisional dengan teori tempatan kerana kesesuaian matlamatnya, iaitu bertujuan untuk mendidik dan asas kepada kedua-duanya adalah untuk masyarakat mengamalkan budaya Melayu dan berteraskan ajaran Islam.

Selari dengan cadangan di atas, kajian terhadap peribahasa juga perlu diperluas dengan menggunakan pendekatan lain yang ada dalam Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu Pendekatan Dakwah. Pendekatan Dakwah ini merupakan pendekatan yang terdapat dalam Pendekatan Keagamaan. Dalam pendekatan keagamaan ini, kajian lanjutan boleh memberi penjelasan yang lebih lanjut hubungan antara peribahasa dengan ketakwaan dan kaedah peribahasa boleh meningkatkan keimanan orang Islam melalui peribahasa. Kajian lanjutan berdasarkan Pendekatan Dakwah ini akan memperlihatkan kepada masyarakat bahawa hasil kesusasteraan Melayu sangat berkesan sebagai ejen dalam menyebarkan dakwah dan juga salah satu cara untuk

meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dan memberi gambaran yang baik kepada orang bukan Islam terhadap agama Islam.

Dalam keadaan masyarakat yang sangat mudah terpengaruh dengan media sosial melalui alat peranti elektronik, hubungan dalam kemasyarakatan sangat longgar. Bahkan hubungan antara ahli keluarga juga mula diambil alih oleh media-media sosial yang mudah merosakkan jiwa anggota masyarakat. Dalam hal ini, peribahasa boleh dijadikan mekanisme untuk membentuk semula masyarakat supaya mengamalkan nilai-nilai hidup kekeluargaan dan bermasyarakat sebagaimana masyarakat Melayu tradisional dahulu. Sebagai contoh, banyak peribahasa yang menegaskan akan kepentingan hidup bermuafakat, menghormati sesama anggota keluarga dan masyarakat dan juga pengamalan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Oleh itu berdasarkan premis tersebut, kajian lanjutan tentang peranan peribahasa dalam masyarakat Melayu dalam membentuk keluarga dan masyarakat boleh dilaksanakan. Kajian ini boleh menggunakan teori yang berkaitan psikologi dan juga sosiologi Melayu.

Dalam zaman moden ini tidak dapat dipastikan sejauh mana penghayatan masyarakat terhadap peribahasa dan sastera tradisional yang lain. Oleh sebab itu, dicadangkan supaya ada kajian lanjut yang menjelaskan dan menghuraikan perkara ini. Bagi kajian seumpama ini, perlu ada kajian yang bersifat lapangan dengan memberikan soal selidik terhadap masyarakat untuk menjelaskan sama ada masyarakat mengenali peribahasa ataupun tidak. Soal selidik ini sangat penting dilakukan terhadap remaja yang masih bersekolah kerana golongan inilah yang akan menjadi generasi hadapan yang membawa nilai-nilai dalam peribahasa. Sekiranya pengetahuan masyarakat terutamanya remaja masih dangkal terhadap peribahasa,

langkah yang sewajarnya perlu dilaksanakan oleh pihak tertentu dengan menerapkan lagi unsur sastera tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sebahagian besar daripada peribahasa kita itu tidak sahaja berisi dengan erti yang tepat dan kias ibarat yang tajam, tetapi kalimat bahasanya juga begitu teratur, ringkas dan padat. Kajian tentang makna dalam peribahasa kebanyakannya dilakukan dalam disiplin ilmu semantik dan pragmatik. Perkembangan ilmu semantik yang kini berkembang kepada semantik inkuisitif akan membanyakkan lagi hasil kajian tentang peribahasa dalam disiplin ilmu tersebut. Kajian dalam disiplin ilmu sastera kebanyakannya berfokus pada nilai, falsafah dan pemikiran orang Melayu. Oleh itu, sebagai bahan kajian dalam bidang sastera, kajian tentang peribahasa dicadangkan supaya menggunakan disiplin ilmu sastera yang lain seperti ilmu semiotik bagi menghuraikan dengan lebih mendalam tentang sistem tanda, perlambangan dan pemaknaannya. Kajian ini hanya membincangkan tanda dari segi makna tersurat dan tersirat mengikut prinsip yang ada dalam Pendekatan Firasat sahaja dan fokus adalah kepada paksi dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Kepelbagaian kajian tentang peribahasa dalam pelbagai disiplin ilmu akan membanyakkan lagi khazanah penulisan dan ilmu tentang peribahasa kepada masyarakat.

Kearifan orang Melayu dahulu tidak dapat dinafikan kehebatannya. Hubungan mereka dengan alam sekeliling menyebabkan sesuatu yang mereka tanggapi daripada alam sekeliling diungkapkan melalui peribahasa. Kearifan orang Melayu dalam bidang perkapalan, pembinaan, matematik, sains, ekonomi dan politik tidak dapat dinafikan dan kearifan ini terdapat dalam khazanah sastera yang ditinggalkannya. Sebenarnya banyak lagi ilmu saintifik yang perlu diteroka dalam peribahasa Melayu dan dicadangkan kajian lanjut tentang perkara ini dilakukan. Kajian tentang kearifan

masyarakat Melayu secara sistematik dengan mengikut tema tertentu boleh menjadi rujukan kepada khalayak sastera untuk mengetahui tentang peribahasa dengan lebih mendalam.

Keseluruhan daripada kajian ini, didapati bahawa unsur alam, iaitu padi dan air memberikan tanda yang baik dalam kehidupan masyarakat Melayu dan mampu membentuk masyarakat Melayu menjadi sebuah masyarakat yang baik seperti yang diharapkan. Maksud yang tersirat di sebalik tanda yang ada dalam unsur padi dan unsur air ini terbukti menuju ke arah pembentukan masyarakat yang dapat mencapai paksi kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan. Sebagai sesuatu yang memberikan tanda yang baik dan positif, pengajaran yang ada pada peribahasa tersebut boleh dijadikan panduan oleh pelbagai pihak bagi memperkasakan penggunaan peribahasa sebagai panduan hidup, terutamanya dalam keadaan masyarakat Melayu yang menuju ke arah kemodenan sekarang.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman. (1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain. (2003). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. (1999). *Falsafah alam semesta di Nusantara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Ezanee Mansor dan Abdul Malik Johan. (1995). Evolusi teknologi pertanian Melayu: penanaman padi basah di Semenanjung Malaysia dalam *Tamadun Melayu Jilid 5*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ali Mudhofir. (2001). *Kamus istilah filsafat dan ilmu*. Indonesia: Gajah Mada University Press.
- Al-Quran: tajwid dan terjemahan*. (2012). Selangor: Humaira Book Store Enterprise.
- Ana Balqis. (2000). Melihat cerpen-cerpen Anis lewat Firasat Melayu. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Penulis Wanita: Cabaran dan Harapan Abad 21. di Kelantan: Dewan Bahasa (1-16).
- Arbak Othman. (2008). *Semiotik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2012). <http://kembarabahasa.blogspot.my/2012/05/isu-peribahasa-pagar-makan-padi>
- Azmah Abdul Manaf. (2001). *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- A. Rahim Abdullah. (1999). Ulasan terhadap Teori Pengkaedahan Melayu. Kertas Kerja dalam Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 6-8 Disember 1999.(1-6)
- Faszly Rahim, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, & Aminah Abdullah. (2015). *Indahnya pemakanan dan perubatan Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Haji Abu Hassan Haji Ali. (2005). *Ensiklopedia pendidikan sains dalam al-Quran*. Kuala Lumpur, Malaysia: Emedia Publication.
- Hamilton, A.W. (1982). *Malay proverbs*. Selangor, Malaysia : Eastern Universities Press Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (1988). *Kritikan dan kesusasteraan: teori dan penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hashim Awang. (1989). Pengkajian sastera: Pengkaedahan Melayu. Kertas kerja dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu pada 29 Oktober-1 November 1989.
- Hashim Awang. (1992, Februari). Suatu kritikan daripada Pendekatan Firasat. *Dewan Sastera*, 66-68.
- Hashim Awang. (1993, Januari). Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan kritikan kesusasteraan tanah air. *Dewan Sastera*, 52-56.
- Hashim Awang. (1999). Teori sastera sendiri: Pengkaedahan Melayu. Kertas kerja dalam Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 6-8 Disember 1999.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya. Kertas kerja dalam Bengkel Teori Sastera anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 28-29 Jun 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (2003). Hubungan kesusasteraan dengan alam sekitar. Kertas kerja dalam Seminar Kesusasteraan dan Alam Sekitar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 23-24 Jun 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa. (2008). *Hati budi Melayu*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Imran Ho Abdullah. (2011). "Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*canis familiaris*)". *GEMA Online Journal of Language Studies Volume 11(1)*. Diakses daripada <http://journalarticle.ukm.my>. 125-141.
- Ismet Fanany & Rebecca Fanany. (2003). *Wisdom of the Malay proverbs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Saat. (2006). *Sejarah sosiobudaya Melayu*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Ithnin Abdul Jalil. (2001). Pemikiran saintifik orang Melayu Melalui Peribahasa dalam *Kosmologi Melayu* (editor Yaacob Haron). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Jelani Harun (1999). Pengkaedahan Melayu: mencanai zahir merungkai batin. Kertas kerja dalam Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 6-8 Disember 1999.
- Jelani Harun (2003). *Pemikiran adab ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2003, Jun). Iman Markisa: kritikan berasaskan Pendekatan Firasat. *Dewan Sastera* 29-34.
- Jumali Haji Selamat. (2009). Aplikasi teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribus menerusi Pendekatan Dakwah. Kertas kerja dalam *Jurnal personalia pelajar* Bil. 12, Jun 2009 (halaman 19-37).

- Kamus Dewan* edisi keempat. (2005). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana, 2013. *Koleksi teori sastera*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mat Rofa Ismail. (2014). *Ajaibnya alam semesta*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.
- Mat Rofa Ismail. (2014). *Mantik dan etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ayop Abd. Razid. (2013). *Akidah, ibadah dan akhlak*. Selangor: Mabar Publications.
- Mohd. Zuhdi Marsuki & Amer Saifude Ghazali. (2002). *Etika alam sekitar daripada perspektif Islam, Timur dan Barat*. Pahang: PTS Sdn. Bhd.
- Morsidi Haji Muhamad. (2005). Pendekatan Firasat dan aplikasinya dalam puisi Melayu. Kertas Kerja dalam Seminar Teori dan Kritikan Sastera pada 22-24 Mac 2005 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mustafa „Abdul Rahman. (2001). *Hadis 40: terjemahan dan syarahnya*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa Haji Daud. (1995). *Budi bahasa dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim & Siti Aishah Mat Ali. (1993). Unsur padi dalam pantun dalam *Segemal padi sekunca budi* (peny. Nik Safiah Karim). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhayati Ab. Rahman. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dalam puisi Melayu moden. Kertas kerja dalam Bengkel Teori Sastera Melayu. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 28-29 Jun 2002.
- Norhayati Ab. Rahman. (2015). Manifestasi alam sekitar dalam karya kreatif sasterawan Fatimah Busu dari perspektif ekologi. Kertas kerja dalam *Monograf Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Osman Bakar (2001). Perspektif kosmologi tasawuf dalam pemikiran kosmologi Melayu. Kertas kerja dalam kosmologi Melayu (peny. Yaacob Harun). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Rabiatul Adawiyah et.al. (2014). Pendekatan penerapan pendidikan nilai menerusi pendidikan tidak formal masyarakat melayu terdahulu. Kertas kerja dalam *Merekayasa kearifan tempatan: budaya, pelancongan, arkeologi dan sejarah*. (peny. Nazarudin Zainun dan Darlina Md. Naim). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Saidatul Nornis Haji Mahali & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). "Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa Orang Semai". *GEMA online journal of language studies volume 13(1)*. Diakses daripada <http://journalarticle.ukm.my>. 83-98
- Salahuddin Abdullah & Omar Khalid. (2009). *Tafsir mubin (Jilid 1-6)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi leksikal "bunga" dalam simpulan bahasa dan peribahasa melayu. *Jurnal Bahasa, Jilid 5, Bil.4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Supardy Muradi. (1990). *Kesusasteraan daripada perspektif semiotik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Othman Syed Omar. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu: Suatu perbincangan penerapan. Kertas kerja dalam Bengkel Teori Sastera anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 28-29 Jun 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syeikh Muhd. Mujahid. (2013). *Ensiklopedia al-Quran*. Selangor: Must Read Sdn. Bhd.
- Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran. 1980. (Diterjemahkan oleh Sheikh Abdullah Basmeih dan disemak oleh Muhammad Noor Haji Ibrahim). Kuala Lumpur: Pusat Islam Malaysia.
- Tenas Effendy. (2003). *Peribahasa dalam kehidupan orang Melayu*. Riau, Indonesia: Pekanbaru.
- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk ajar Melayu*. Yogyakarta, Indonesia: Balai Kajian dan Pengembangan Bahasa Melayu dan Penerbit Adicita.
- Tengku Azeezeen Tengku Shamsudden. (2011). Unsur haiwan dalam peribahasa Melayu dan Cina: Satu Perbandingan. *Prosiding Persidangan Linguistik ASEAN: Penyelidikan dan Pemantapan Korpus*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia: Kuala Lumpur.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali & Mohamad Shaidan. (2007). *Semiotik Pierce: penandaan dan pemaknaan*. Kuala Lumpur: Quest Ahead Sdn. Bhd.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali dan Madiawati Mamat@Mustaffa. (2009). Simbol wanita dalam pantun percintaan dalam *Monograf Kesusasteraan Melayu* (peny. Norhayati Ab. Rahman dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2014). *Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tun Seri Lanang. (1997). *Sulalat al- salatin (Dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh)*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusuf. (1992). *Urbanisasi dan modenisasi budaya Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Melayu.

- Wan Abdul Kadir Wan Yusuf. (1994). *Pembangunan masyarakat dan budaya Melayu*. Kelantan, Malaysia: Masfami Enterprise.
- Yaacob Harun. (2001). Kosmologi dalam organisasi kekeluargaan Melayu. Kertas kerja dalam Kosmologi Melayu (peny. Yaacob Harun). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar. (1991). *Kumpulan pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Borhan. (2002). Pantun serta ungkapan dan pandangan semesta Melayu. Kertas Kerja dalam Bengkel Pandangan Semesta dalam Puisi Tradisional Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 9-11 Mei 2000.
- Zainudin Hashim. (2008). *Masyarakat tonggak kekuatan ummah*. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu penelitian makna dan nilai*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA online journal of language studies volume 11(3)*. Diakses daripada <http://journalarticle.ukm.my>. 31-51.
- Zakaria Awang Soh. (1991). *Kecanggihan alam semesta: antara wahyu dengan pengetahuan sains*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawawi Hj. Ahmad. (1996). *Sains dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. (2008). *Puisi Melayu moden: kajian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zurinah Hassan. (2010). *Unsur alam dalam puisi Melayu moden*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.